


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI SELASA: 16 JUN 2009

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA 130)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8
SOALAN NO: 44, 76, 117, 104 DIJAWAB SEKALI DENGAN NO: 1
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]
TARIKH : 16 JUN 2009
SOALAN :

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) dalam menangani epidemik seperti selesema babi (H1N1). Apakah langkah Kerajaan bagi mengawasi semua pintu masuk melalui air, ke negara ini terutama sekali pintu masuk haram; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia untuk membekalkan alat pengimbas haba di setiap lapangan terbang antarabangsa negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Wabak Influenza A (H1N1) ini mula dikesan di Mexico dan Amerika Syarikat pada 24 April 2009. Sehingga **16 Jun 2009**, wabak ini telah menular ke **76 buah negara** melibatkan sejumlah **36,094 kes** dengan **163 kematian**. Majoriti kes yang dilaporkan (95%) adalah dari benua Amerika. Daripada **76 buah negara** tersebut, sejumlah **29 buah negara** telah melaporkan kes jangkitan tempatan, dan di benua Asia pula, kes-kes tempatan telah dilaporkan di Singapura, Filipina, Australia, Jepun, China dan Korea Selatan.

Wabak Influenza A (H1N1) ini adalah disebabkan oleh virus influenza baru iaitu Influenza Virus A (California/04/2009), yang merupakan campuran daripada *North American swine*, *North American avian*, *North American human* dan *Eurasian swine*. Wabak ini tiada kaitan dengan *swine flu virus* pada haiwan ternakan babi dan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) pada 30 April 2009 telah menamakan virus baru ini sebagai Influenza A (H1N1) di mana sebelum ini ia disebut sebagai *Swine Flu virus*.

Penyakit Influenza A(H1N1) ini berjangkit melalui *droplet* cecair bersin dan batuk dan mereka yang *close contact* dalam lingkungan satu meter adalah berisiko mendapat jangkitan. Masa *incubation* adalah selama empat hingga tujuh hari dengan simptom utama adalah demam, batuk dan sakit badan. Cara pencegahan yang terbaik adalah penjagaan kebersihan diri seperti menutup mulut ketika batuk dan bersin serta mencuci tangan dengan sabun. Mereka

yang sakit seharusnya tidak mengunjungi kawasan awam untuk mengelakkan penularan penyakit.

Semua pelawat-pelawat dari luar negara serta warganegara Malaysia yang pulang akan dibuat saringan di semua pintu masuk antarabangsa udara, darat termasuk yang melalui pintu masuk air juga akan dibuat saringan secara visual dan pemeriksaan perubatan sekiranya mereka menunjukkan gejala-gejala influenza. Mereka yang disahkan ada tanda-tanda influenza serta mempunyai rekod melawat negara-negara yang terlibat dengan jangkitan influenza A(H1N1) dalam tempoh 7 hari akan dirujuk ke hospital khas untuk siasatan lanjut.

Sehingga 16 Jun 2009, sejumlah 18 kes telah disahkan sebagai jangkitan Influenza A (H1N1) telah dilaporkan di negara ini. Semua kes adalah kes import, iaitu mereka mendapat jangkitan di luar negara dan dikesan di Malaysia. Untuk makluman, fakta berkaitan 18 kes ini adalah seperti berikut :

- a) Sembilan (9) daripada 18 kes tersebut adalah melibatkan warganegara Malaysia yang mendapat jangkitan di negara yang terlibat dengan jangkitan tempatan Influenza A(H1N1). Empat kes didapati pelajar di negara tersebut dan kembali bercuti di Malaysia sementara 5 kes lagi melibatkan warganegara Malaysia yang pergi melancong dan bercuti di negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1);
- b) Seorang adalah melibatkan penduduk tetap Malaysia yang mendapat jangkitan selepas kembali melawat negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1);

- c) Sementara baki iaitu 8 kes adalah di kalangan warganegara asing dari negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1) yang datang melawat Malaysia untuk bercuti;
- d) Empat daripada kes tersebut dikesan semasa saringan di pintu masuk kerana mempunyai tanda-tanda jangkitan influenza (demam dan batuk), sementara baki 15 lagi dikesan melalui sistem pengawasan dan pengesanan di fasiliti-fasiliti perubatan dan kesihatan negara. Kes-kes ini semasa sampai di Malaysia didapati tiada tanda jangkitan dan mereka mula mendapat tanda jangkitan dalam tempoh satu hingga dua hari selepas ketibaan dan kes mereka ini dikesan semasa mereka datang untuk mendapatkan rawatan.

Kementerian Kesihatan telah mengaktifkan aktiviti pencegahan dan kawalan Influenza A(H1N1) sejak 26 April 2009. Antara langkah yang telah diambil untuk mencegah dan mengawal penyebaran virus Influenza A (H1N1) dalam negara ini adalah:

- a) Melakukan penyaringan kesihatan terhadap semua pengembara dari negara yang disahkan ada jangkitan virus Influenza A(H1N1) di semua pintu masuk antarabangsa seluruh negara. Setiap pengembara dikehendaki membuat pengisytiharan kesihatan dan menjalani saringan suhu badan. Sejumlah 20 unit alat pengesan /pengimbas suhu badan (demam) telah diletakkan di pintu-pintu masuk negara;**

- b) Kes yang telah disyaki jangkitan virus Influenza A(H1N1) dimasukkan ke hospital yang telah ditetapkan untuk pengawasan dan pemerhatian sehingga keputusan ujian makmal diperolehi;
- c) Kes yang disahkan dijangkiti virus Influenza A(H1N1) diasingkan dan diberikan rawatan *antiviral* sehingga sembuh;
- d) Kontak kepada kes jangkitan virus Influenza A(H1N1) akan diletakkan di bawah kuarantin di rumah selama tujuh hari dari tarikh kontak terakhir dengan kes. Sekiranya mereka menunjukkan tanda-tanda jangkitan virus Influenza A(H1N1), mereka akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut;
- e) Petugas-petugas yang terlibat dalam pengendalian kes Influenza A(H1N1) diwajibkan memakai alat perlindungan diri dengan cara yang betul dan kesihatan mereka juga akan dipantau pada setiap hari;
- f) Sejumlah 28 buah hospital dengan kemudahan 168 buah katil yang mempunyai fasiliti merawat kes Influenza A(H1N1) telah diaktifkan dan dalam keadaan bersiap sedia untuk menerima kes;
- g) Aktiviti kesedaran awam diberikan dengan cara memaklumkan penyakit Influenza A(H1N1), cara penularan dan langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diambil;
- h) Memastikan bekalan stok ubat dan alat perlindungan diri mencukupi;

- i) Menyediakan kenyataan akhbar harian oleh Ketua Pengarah Kesihatan yang memaklumkan tentang tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan berkaitan situasi semasa dan khidmat-nasihat yang patut diamalkan oleh warga Malaysia.

Pada 11 Jun 2009, pihak WHO telah menaikkan tahap amaran pandemik influenza daripada 5 kepada 6. Memandangkan wabak penyakit di Malaysia setakat ini belum melaporkan kes tempatan, pihak WHO tidak menyarankan tindakan sekatan perjalanan, ekonomi atau penutupan sempadan. Pada fasa 6 ini, pihak WHO telah menyarankan agar negara-negara yang belum ada penularan tempatan seperti Malaysia supaya terus mengambil langkah-langkah berwaspada (*vigilant*).

Kementerian Kesihatan telah menyediakan pelan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan (NIPPP)* pada tahun 2005 sebagai langkah persediaan kepada pandemik influenza. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, pelan tindakan telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi yang terlibat termasuk latihan, *stockpile* ubat dan alat perlindungan diri (PPE). Sesuai dengan saranan WHO, Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan-tindakan berikut yang bersesuaian dengan Fasa 6 Pandemik :

- a) Mengaktifkan Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian untuk menangani wabak fasa 6 yang akan dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan;

- b) Mengaktifkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan;
- c) Aktiviti surveilan, pencegahan dan kawalan seperti yang telah dinyatakan dalam NIPPP akan dipertingkatkan; dan
- d) Tindakan *social distancing* untuk membanteras penularan penyakit akan diambil sekiranya penularan tempatan dilaporkan di Malaysia bertujuan untuk mengawal penularan penyakit daripada menjadi lebih meluas. Contoh tindakan adalah seperti penutupan sekolah, institusi dan pembatalan majlis perhimpunan dan perjumpaan awam.

Kementerian amat yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak dan sokongan padu daripada seluruh penduduk negara ini, ia akan dapat meminimumkan kesan dan impak daripada pandemik influenza di Malaysia melalui pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan yang cekap dan berkesan.

SOALAN NO. (10)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN M.KULASEGARAN A/L
V MURUGESON (IPOH BARAT)

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN M.KULASEGARAN A/L V MURUGESON (IPOH BARAT)
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang diambil bagi mencegah kuasa bekalan yang berlebihan bagi rumah, bangunan komersial dan kondominium; dan
- (b) kenapakah projek rumah Skim Bina dan Jual masih lagi diimplementasikan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan perumahan di pasaran ditentukan oleh permintaan pasaran itu sendiri. Jika bekalan melebihi permintaan, pembeli mempunyai kelebihan kerana mereka mempunyai lebih banyak pilihan dengan harga yang lebih kompetitif. Walau bagaimanapun, jika bekalan kurang daripada permintaan, pemaju pula mendapat kelebihan kerana permintaan terhadap projek yang dibangunkan adalah tinggi. Justeru itu, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengawal bekalan perumahan yang dibangunkan pada masa ini.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) varian 10:90 telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan selaras dengan pindaan terhadap Akta

Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] yang dilakukan pada April 2007 dan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 pada 1 Disember 2007. Kerajaan telah menetapkan tempoh peralihan selama 2 tahun bagi pelaksanaan konsep baru ini sebelum satu kajian semula dilakukan bagi mengenalpasti keberkesanan dan kelemahannya. Hasil kajian ini akan menentukan sama ada Kerajaan bakal mewajibkan pelaksanaan konsep BKJ Varian 10:90 ini atau sebaliknya.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI AHMAD (PARIT SULONG)

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN : Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan produk-produk tempatan khususnya keluaran Bumiputra yang dipasarkan melalui FAMA tidak dikenali oleh begitu ramai rakyat berbanding dengan produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat gergasi tempatan. Apakah Kementerian akan mengkaji semula cara pemasaran yang dijalankan oleh FAMA

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa berusaha untuk memperkenalkan produk-produk keluaran tempatan di pasaran dengan merangka pelan pemasaran yang lebih agresif. Pelan pemasaran ini merangkumi aktiviti untuk meningkatkan promosi, memperhebatkan pengiklanan, melantik promoter untuk promosi dan juga melantik pengedar-pengedar.

Tahap keagresifan promosi akan diseimbangkan dengan tahap pengeluaran usahawan kerana kapasiti pengeluaran usahawan masih perlu dipertingkatkan bagi memastikan bekalan yang mencukupi dan berterusan.

Produk-produk yang dipasarkan oleh FAMA adalah produk di bawah Jenama Agromas, Olemas dan produk jenama usahawan itu sendiri. Sehingga kini 42 produk dengan 63 (*stock keeping unit*). SKU ini telah berjaya dipasarkan dengan nilai RM20 juta. Seramai 25 vendor bumiputera terlibat dengan pembekalan produk ini. Produk-produk ini diedarkan melalui beberapa cara iaitu secara runcit 50%, jualan langsung 43%, institusi 5%, dan eksport 2%.

Kementerian sentiasa mengkaji keberkesanan FAMA dalam menerajui pemasaran bagi sektor pertanian ini. Sehingga kini FAMA telah memberi sumbangan dalam membangunkan sistem dan infrastruktur pemasaran bagi hasil Pertanian dalam negara sama ada di peringkat ladang, borong atau pun di peringkat runcit. Ini terbukti dengan pewujudan pusat perolehan seperti pusat pengumpulan, pusat pengedaran dan bilik sejuk di peringkat ladang dan pusat jualan dan pasar-pasar tani di peringkat runcit. FAMA juga mengadakan perkongsian pintar dengan pasar raya dan pasar raya besar untuk menembusi pasaran dalam dan luar negara. Di peringkat borong, FAMA sedang mewujudkan dan memajukan sistem pemborongan baru melalui projek Terminal Makanan Negara (TEMAN) di Ipoh dan Kota Bharu yang merupakan pusat pengedaran bersepadu yang menyediakan khidmat sokongan termasuk penggredan, penyimpanan, penyejuk bekuan, khidmat lelongan, perbankan dan sebagainya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : NO.12

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pencapaian Universiti Sains Malaysia (USM) sejak dipilih sebagai Universiti Apex.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Sains Malaysia (USM) telah diumumkan sebagai Universiti APEX pada 3 September 2008. Dengan status tersebut, USM telah diluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM124.5 juta pada tahun ini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan juga autonomi dalam pengurusan kewangan, sumber manusia, kemasukan pelajar, dan penyediaan prasarana penyelidikan. Ini merupakan pertambahan sebanyak 20.3 peratus daripada bajet USM sebanyak RM612.0 juta menjadikan jumlah keseluruhan bajet ialah RM736.5 juta.

Setakat ini, USM telah melaksanakan kerja-kerja melengkapkan prasarana, khususnya berkaitan dengan pengajaran dan penyelidikan. Di antara prasarana yang dibangunkan adalah seperti berikut:-

- i) pusat penyelidikan bertaraf dunia dalam bidang baru yang dikenali sebagai *Centre for Chemical Biology (CCB)*;
- ii) penyelidikan warisan dan arkeologi yang berpusat di Lembah Bujang;
- iii) perkhidmatan baru berasaskan penyelidikan sains dan teknologi; dan
- iv) kawasan seluas 31 ekar yang dinamakan *Science and Art Innovation Space*.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN**
(REMPAU)

TARIKH : **16 JUN 2009 (SELASA)**

NO. SOALAN : **13**

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN minta **MENTERI**

KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan

statistik status pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat Termiskin

(PPRT) terkini dan apakah strategi dan langkah pihak

Kementerian untuk menggalakkan syarikat – syarikat berkaitan

Kerajaan agar turut serta di dalam projek PPRT seperti dilakukan

oleh Tabung Haji di Kuala Terengganu.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Dipertua,

Kerajaan sedang melaksanakan **Program Bantuan Rumah (PBR)** di bawah **Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)**. Pada tahun 2009 ini, Kerajaan akan membina sebanyak 16,232 rumah PBR untuk miskin tegar dan miskin di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15,317 buah rumah baru bakal dibina manakala sebanyak 915 buah rumah pula akan dibaik pulih. Terkini sehingga bulan Jun 2009, sejumlah 1,351 unit telah siap dibina dan sebanyak 10,330 unit masih dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Berhubung dengan penglibatan syarikat berkaitan kerajaan di dalam Program Bantuan Rumah (PBR), sesungguhnya pihak Kementerian sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan mana – mana organisasi yang ingin terlibat di dalam program – program pembangunan warga miskin.

Untuk makluman, baru – baru ini pihak Kementerian telah mengadakan perbincangan bersama syarikat British American Tobacco (BAT) bagi melaksanakan sebuah program pembangunan rumah keluarga miskin secara berkelompok. Pihak kementerian bersama syarikat tersebut sedang mengenal-pasti beberapa kawasan seperti di KESEDAR di Kelantan dan KEJORA di Johor.

Pihak Kementerian juga telah menyediakan sebuah dana yang dinamakan Tabung Bakti Desa di mana organisasi berkaitan kerajaan, pihak swasta atau mana – mana individu yang ingin menyalurkan sumbangan dalam bentuk wang ringgit boleh menyalurkan terus bantuan tersebut ke dalam Tabung Bakti Desa. Dalam hubungan ini, mana – mana syarikat yang terlibat dalam menyumbang kepada program bantuan keluarga miskin layak diberi pengecualian cukai korporat.

Kementerian sentiasa mengalu-alukan penglibatan mana – mana syarikat berkaitan Kerajaan atau pihak swasta untuk turut serta dalam projek – projek perumahan warga miskin.

Maklumat Tambahan

- 1) F&N Institut of Teh Tarik telah mengemukakan kertas cadangan untuk bekerjasama dengan pihak Kementerian bagi membangunkan usahawan – usahawan luar bandar di dalam sektor pemakanan (F&B).

- 2) Kementerian telah mengadakan perbincangan untuk bekerjasama dengan 10 buah “Public Listed Companies”. Setakat ini CIMB Bank telah memberikan respond untuk membangunkan usahawan luar bandar dalam bidang fertigasi. Kertas cadangan tersebut sedang diteliti oleh Kementerian.

- 3) Kementerian juga telah mengadakan kerjasama dengan beberapa yayasan iaitu – Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor, Yayasan Sungai Siput, Yayasan Harapan Kuala Lumpur dan Himpunan Lulusan Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Kerjasama bersama yayasan ini adalah dalam

bidang kecemerlangan pendidikan anak – anak luar bandar dan program pembangunan minda insan (PPMI).

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
(KUALA KEDAH)
TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : **TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM**
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:
Menyatakan mengenai bantuan yang
telah diberikan kepada pesawah yang
mengalami banjir pada tahun 2008
dan 2009 yang lalu khususnya di
kawasan Muda (MADA) serta apakah
rancangan jangka panjang yang telah
dibuat oleh Kementerian supaya banjir
ini dapat diatasi di kawasan tanaman
padi utama negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak MADA sememangnya prihatin dengan masalah yang dihadapi para peladang dalam Kawasan Muda terutamanya melibatkan bencana ke atas tanaman padi seperti banjir, serangan perosak dan penyakit.

Dalam konteks MADA bagi mengatasi masalah kejadian banjir, pihak MADA telah melaksanakan tindakan jangka pendek dan rancangan jangka panjang. Antara tindakan jangka pendek yang telah dilaksanakan melalui peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) berjumlah RM23.5 juta adalah:

- i. Memperdalam dan membaikpulih sungai dan saluran air bagi meningkatkan kapasiti kadaralirnya.
- ii. Meninggikan ban pada bahagian rendah di terusan-terusan yang digunakan untuk menyalur air banjir.

- iii. Melencong aliran banjir ke sungai/terusan yang berkapasiti tinggi.
- iv. Membina, membaiki dan menaiktaraf struktur saliran.

Semua kerja tersebut telah dimulakan pada tahun 2006 dan dijangka siap keseluruhannya pada akhir tahun 2009. Impak dari pelaksanaan kerja-kerja tebatan banjir jangka pendek tersebut akan mengurangkan kerosakan padi akibat banjir di kawasan-kawasan yang terlibat. Projek ini dapat memberi faedah kepada seramai 5,000 orang peladang yang terlibat dalam Kawasan Muda. Dalam masa yang sama, aktiviti tanaman padi dapat dilakukan dengan lebih terjamin dan menjimatkan bantuan ihsan kerosakan padi kepada peladang.

Bagi perancangan jangka panjang untuk mengurangkan kesan banjir di Negeri Kedah Darul Aman, cadangan dari Kajian Pelan Induk Tebatan dan Pengurusan Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit pada tahun 2006 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah ialah membina dua saluran lencongan iaitu Lencongan Sungai Baru dan Lencongan Sungai Limau yang melibatkan kos sebanyak RM 985 juta. Kos ini termasuk kerja-kerja pengambilan tanah sebanyak RM 536 juta.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang
[Sibuti]
Tarikh Menjawab : 16 Jun 2009 [Selasa]
Soalan : [No. ~~14~~]

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi** menyatakan berapakah jumlah projek yang
telah diluluskan oleh pihak Kerajaan bagi projek biodiesel sejak tahun
2006 hingga sekarang dan berapakah projek biodiesel tersebut telah
berjaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2009**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Mei 2009, sejumlah 91 lesen pengilang telah diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 buah kilang biodiesel dengan kapasiti pengeluaran berjumlah 1.862 juta tan telah dibina di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor dan Sabah.

Jumlah pengeluaran dan eksport biodiesel bagi tempoh Ogos 2006 sehingga Mei 2009 adalah masing-masing sebanyak 454,361 tan dan 422,483 tan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Dato' Haji Mahfuz bin Omar**
[Pokok Sena]
TARIKH : **16 Jun 2009 (Selasa)**

SOALAN :

YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pegangan saham Tabung Haji (**TH**) dalam syarikat Ramunia Berhad dan berapakah harga nilai semasa saham tersebut dan berapa harga sewaktu **TH** beli.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

TH memegang 166.8 juta saham Ramunia Holdings Berhad (Ramunia). Harga kos purata belian saham Ramunia adalah RM1.46 sesaham berbanding harga pasaran semasa RM0.63 sesaham.

TH mempraktikkan 'due diligence' apabila **TH** menguruskan pelaburannya dengan mengambil kira potensi sesuatu syarikat melalui penilaian saham syarikat-syarikat tersebut, keadaan pasaran semasa, momentum bagi peningkatan kontrak-kontrak dan juga prospek industri.

NO. SOALAN : 16

TH amat berhati-hati apabila menguruskan wang yang telah diamanahkan oleh pendeposit-pendepost. Ini termasuklah mengadakan lawatan-lawatan bagi syarikat-syarikat dimana **TH** melabur didalamnya. Lawatan kerja juga dilakukan kepada syarikat-syarikat minyak dan gas yang beroperasi di rantau Asia.

Peningkatan kadar harga minyak (ketika itu lebih dari USD100 setong dan dianggarkan akan mencecah USD200 setong) dan termasuk kekurangan tapak fabrikasi di seluruh dunia juga telah diambil kira. Setelah selesainya kesemua proses pelaburan, **TH** berpendapat bahawa industri minyak dan gas bakal menjanjikan masa depan yang cerah.

Sebagai salah sebuah syarikat fabrikasi struktur pasisir pantai yang dilesenkan oleh Petronas, Ramunia mempunyai kedudukan yang baik untuk mendapatkan kontrak belanjawan Petronas yang tinggi terhadap penerokaan laut dalam yang bernilai berbilion ringgit di masa hadapan.

Pada masa yang sama MISC Berhad (MISC) adalah dalam proses mengambilalih syarikat Ramunia. Memandangkan MISC adalah sebuah anak syarikat Petronas, berkemungkinan besar kontrak-kontrak baru Petronas akan diserahkan kepada Ramunia.

Akan tetapi, apabila ekonomi dunia merudum, keadaan menyebabkan harga komoditi dan aset-aset lain termasuk saham yang disenaraikan jatuh mendadak. Harga saham Ramunia juga tidak terkecuali daripada

NO. SOALAN : 16

mengalami kemerosotan. Harga saham Ramunia terus tertekan apabila MISC membatalkan niat mereka untuk mengambil alih Ramunia.

Walaupun bagaimanapun, sukacita dimaklumkan bahawa pada ketika ini Ramunia adalah dalam penstrukturan semula dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun hadapan. Sebagai permulaan kesemua aset dan tanggungan Ramunia akan di jual kepada Sime Darby Engineering Sdn Bhd (SDE). SDE adalah anak syarikat penuh Sime Darby Berhad. Fasa kedua melibatkan pertukaran 'business model' dari fabrikasi kepada memberi khidmat 'offshore support vessel' kepada sektor minyak dan gas seperti Petronas, Shell dan sebagainya.

Disediakan oleh : -

Haji Md Noor A Rahman

(P) : 03-2054 2221

Ketua Pegawai Pelaburan

(HP) : 019-200 8413

Lembaga Tabung Haji

Dipersetujui oleh : -

Datuk Ismee Ismail

(P) : 03-2054 2023

Pengarah Urusan Kumpulan

(HP) : 019-3339151

Dan Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Tabung Haji

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI]

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang membina satu jalan raya bertaraf persekutuan menghubungkan bandar Sarikei ke Tanjung Manis di mana sambungan jalan raya tersebut ke Jalan Persekutuan Sibul/Tanjung Manis/Seredeng hanya lebih kurang 10 kilometer. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Berhormat, Kementerian Kerja Raya merancang untuk membangunkan jalan penghubung dari Sibu ke Pelabuhan Tanjung Manis secara berperingkat-peringkat bermula dengan pelaksanaan Projek Jalan Sibu/Bawang Assan/Seredeng sepanjang 43 KM yang masih didalam pembinaan dan dijadualkan siap pada penghujung 2009. Sebanyak RM405.6 Juta telah diperuntukan untuk melaksanakan projek ini yang dibahagikan kepada 2 pakej.

Dengan siapnya jalan ini, KKR bercadang untuk menaiktaraf jalan sediaada Seredeng ke Tanjung Manis dan jalan-jalan penghubung yang lain termasuk Jalan Sarikei – Tanjung Manis dalam RMKe-10 kelak.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN
ENDUT (KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **16.06.2009** **SOALAN NO: 18**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari wang royalti Terengganu yang telah dibelanjakan oleh kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dari tahun 2000 hingga 2009. Bilakah jumlah kewangan tersebut akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan dari tahun 2000 hingga bulan Jun 2009 adalah sebanyak **RM15.18 bilion**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM6.86 bilion** disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu manakala sejumlah **RM8.31 bilion** dibelanjakan oleh kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan untuk

melaksanakan pelbagai projek/program pendidikan, kebajikan, sosial dan ekonomi serta pembasmian kemiskinan termasuk projek-projek di peringkat negeri.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam proses menyediakan perjanjian penyerahan wang royalti petroleum secara terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Bayaran dijangka akan dibuat setelah perjanjian tersebut dimuktamadkan.

SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 16 JUN 2009

**Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta
PERDANA MENTERI menyatakan nasib pekerja kontrak yang dulu
dilantik di bawah MECD setelah MECD dibubarkan.**

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan pembubaran MECD, perkhidmatan anggota kontrak yang dilantik oleh MECD ditamatkan dan dibayar ganjaran seperti ternyata di dalam kontrak perkhidmatan masing-masing. Memandangkan fungsi MECD berpindah ke beberapa kementerian/ agensi kerajaan yang lain, kementerian/agensi berkenaan telah diminta untuk menentukan keperluan, sama ada anggota lantikan kontrak MECD boleh diperakukan untuk dilantik semula.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)
TARIKH : 16 JUN 2009
SOALAN :

**YB Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a)Apakah kewajaran Jabatan Perangkaan Malaysia (Malaysian Statistics Department) diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri; dan
- (b) Mengapa Kerajaan tidak meletakkan Jabatan Perangkaan Malaysia di bawah bidang kuasa Parliamen atau Suruhanjaya Bebas untuk memastikan badan ini bebas dari pengaruh-pengaruh tertentu.

JAWAPAN : Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Di-Pertua,

Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan agensi Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang diamanah dan dipertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang

bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara. Fungsi dan peranan Jabatan merangkumi data, statistik serta maklumat bagi bidang ekonomi dan juga sosial. Memandangkan peranan serta tanggungjawab Jabatan Perangkaan Malaysia merentasi pelbagai agensi Kerajaan mahupun sektor swasta, maka adalah wajar ianya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai sebuah agensi pusat Kerajaan. Ini akan melicinkan proses pengumpulan data serta statistik secara cekap, berkesan dan holistik.

Pada masa ini, proses dan tatacara Jabatan Perangkaan Malaysia menggunakan amalan terbaik untuk menghasilkan data serta statistik yang jitu dan terkini. Penambahbaikan proses dan prosedur sentiasa dilaksanakan secara berterusan dan ini termasuk menggunakan teknologi maklumat yang terkini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]
TARIKH : 16 JUN 2009
SOALAN :

Datuk Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mengisi kekosongan doktor dan doktor pakar di setiap hospital Kerajaan khususnya Hospital Daerah Segamat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengisian jawatan pegawai perubatan adalah dilakukan berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan dan beban tugas sesebuah fasiliti kesihatan. Pada masa ini, Kementerian sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan ini.

Sehingga 31 Mei 2009, sejumlah 19 jawatan termasuklah jawatan-jawatan pegawai perubatan pakar telah diisi di Hospital Segamat dan Kementerian akan menambah bilangan pegawai perubatan dari semasa ke semasa apabila Kementerian mendapat calon-calon Pegawai Perubatan.

SOALAN NO. (22)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Bangunan yang dilantik di bawah Seksyen 3, Akta 663 dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Akta 663 pada tahun 2007 telah banyak memberikan manfaat kepada pembeli atau pemilik rumah berstrata seperti peningkatan tahap kesedaran kepada pembeli dan pemilik rumah mengenai peranan dan tanggungjawab mereka kepada kawasan yang mereka diami. Penempatan pegawai Pesuruhjaya Bangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mulai bulan Jun 2008. Pemaju mulai menyedari peranan dan tanggungjawab mereka dalam menguruskan bangunan secara terancang dan telus. Jumlah penubuhan JMB/MC yang meningkat. Jumlah pertanyaan dan aduan yang diterima menunjukkan trend peningkatan.

Di samping itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedar mengenai keperluan Pesuruhjaya Bangunan untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan bagi mengatasi masalah pengurusan yang dihadapi oleh penghuni-penghuni rumah pangsa pada masa ini. Bagi mengatasi masalah tersebut, kementerian sedang melakukan beberapa usaha seperti menambahbaik Akta sedia ada iaitu Akta 663 (Bangunan dan Harta Bersama) dan Akta 318 (Hakmilik Strata) dengan menubuhkan Jawatankuasa Pindaan Akta 663 yang terdiri daripada Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, Jabatan Kerajaan dan Pesuruhjaya Bangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Menubuhkan Jawatankuasa Bersama antara Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Jabatan Perumahan Negara bagi menyelaraskan peruntukan undang-undang berkaitan pengurusan bangunan yang mempunyai hakmilik strata. Satu Garis Panduan Komprehensif akan diedarkan dalam masa terdekat ini berkaitan Akta 663 sebagai panduan kepada petugas-petugas Pesuruhjaya Bangunan untuk mengambil

tindakan dalam melaksanakan proviso dalam Akta 663
tersebut.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

SOALAN NO: ~~46~~
23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAHRIR BIN AB. SAMAD
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 16 JUN 2009

RUJUKAN : 1769

SOALAN:

Dato' Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah kemudahan pemeriksaan imigresen dan kastam di Tambak Johor untuk pejalan-pejalan kaki dari arah Singapura ke Johor Bahru akan siap dibina.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Johor Bahru yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI) telah mula beroperasi pada 16 Disember 2008.** Sejak pembukaan BSI, Jabatan Imigresen Malaysia telah menerima banyak rungutan daripada orang awam mengenai ketiadaan laluan pejalan kaki di tapak CIQ Tambak Johor.

Kerajaan telah membincangkan isu penambahbaikan operasi Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di BSI dan memutuskan beberapa langkah bagi meningkatkan tahap kemudahan di laluan pejalan kaki sedia ada.

Pihak Jabatan Kerja Raya telah memaklumkan kerja-kerja penambahbaikan telah bermula dan dijangka siap pada tahun 2011.

SOALAN NO: 24.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)**

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan adakah Kerajaan sedar terdapatnya beberapa peraturan perjalanan pilihan raya yang sering kali menimbulkan kontroversi dan boleh menjelaskan sistem demokrasi di negara ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan nombor 31 pada 17 Jun 2009 oleh Y. B. Pendang dan soalan 72 pada 25 Jun 2009 oleh Y. B. Kota Bharu kerana ketiga-tiganya mempunyai persamaan.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum pilihan raya umum di Malaysia telah dijalankan sebanyak dua belas kali dan berjalan dengan lancar. Namun demikian dalam tempoh tersebut SPR telah berusaha untuk menambah baik proses pilihan raya di Malaysia. Dalam usaha tersebut beberapa perubahan dan pindaan Undang-Undang telah dilakukan.

Dengan mendapatkan maklum balas dari orang ramai, dan pengalaman hasil lawatan di luar negara, beberapa perubahan penting telah dilakukan, antaranya ialah perubahan sistem pengiraan undi secara berkelompok kepada sistem pengiraan undi di tempat mengundi. Melalui sistem ini keputusan pengiraan undi dapat diketahui lebih cepat. Selain daripada itu, SPR juga telah menghapuskan penulisan nombor siri pengundi di atas kertas undi, dengan demikian dakwaan yang mengatakan pengundi dapat mengundi calon tertentu telah diselesaikan.

Perubahan terkini yang dilakukan oleh SPR ialah penggunaan peti undi lutsinar yang membolehkan semua pihak melihat dan menilai proses pengundian yang dijalankan oleh SPR. Dalam pilihan raya umum lepas SPR juga telah memberi kebenaran kepada ejen-ejen parti politik untuk melihat proses pengundian undi pos.

Selain daripada perubahan fizikal SPR juga cuba merapatkan hubungannya dengan semua parti politik melalui jalinan kerjasama. Menurut kaedah ini parti-parti politik secara berkala akan dipanggil untuk berbincang dengan SPR mengenai sesuatu isu atau menyelesaikan masalah yang timbul.

Tuan Yang Dipertua,

Dari segi urusan pendaftaran pemilih, SPR sentiasa berusaha untuk membersihkan daftar pemilih melalui pelbagai cara seperti mendapatkan maklumat kematian daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Polis, semakan di rumah-rumah panjang, semakan permit mengubur dan mendapatkan pengesahan dari keluarga pemilih yang telah meninggal dunia. Semua perkara dan tindakan yang dilakukan ini adalah untuk menentukan daftar pemilih SPR sentiasa bersih.

Dalam masa yang sama, SPR sentiasa meneruskan kajiannya untuk meminda undang-undang melalui Jawatan Kuasa Mengkaji Pindaan Undang-Undang yang ditubuhkan oleh SPR bagi meneliti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada dan mencadangkan peruntukan yang lebih sesuai bagi menentukan pentadbiran pilihan raya berjalan lebih lancar.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ALEXANDER
NANTA LINGGI
(KAPIT)**

TARIKH : 16.06.09

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapakah jumlah perkampungan di Negeri Sarawak yang telah dibangunkan dan diwujudkan di bawah Program Sepadu Pembangunan Desa Terpencil sehingga ke hari ini. Jelaskan setakat manakah kejayaan pelaksanaan program ini di Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Program Pembangunan Bersepadu Desa Terpencil (PROSDET) merupakan program yang dilaksanakan dalam RMKe-8 untuk membasmi kemiskinan tegar terutamanya di kalangan masyarakat Orang Asli.

Mulai RMKe-9, Kementerian telah melancarkan satu projek baru iaitu Projek Agropolitan di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) yang merupakan penambahbaikan kepada konsep asal PROSDET. PLMLB adalah bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan tegar luar bandar melalui peningkatan pendapatan secara berganda serta mempercepatkan pembangunan kawasan mundur, terpencil dan terbiar.

Kementerian telah pun menerima 5 cadangan pembangunan Projek Agropolitan di Negeri Sarawak bagi RMKe-9. Setelah pertimbangan dibuat, Kementerian melaksanakan Projek Agropolitan Batang Sadong, Bahagian

Samarahan dan Projek Agropolitan Batang Lupar, Bahagian Sri Aman. Satu lagi projek iaitu Projek Agropolitan Pulau Buit, Bahagian Mukah masih dalam pertimbangan Kementerian tertakluk kepada hasil kajian kesesuaian tanah yang akan dilaksanakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2009

Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah (Subang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengarahkan institusi-institusi kewangan dalam negara memastikan satu bahagian minima yang tetap pinjaman mereka dirujuk kepada pengeluaran bahan makanan dan pertanian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sentiasa menggalakkan institusi perbankan agar menyalurkan pinjaman kepada sektor pertanian. Sehubungan itu, institusi perbankan merupakan penyumbang utama dana pinjaman kepada sektor pertanian dan industri asas tani. Berdasarkan laporan statistik oleh Bank Negara Malaysia yang diterima daripada institusi-institusi perbankan, jumlah pinjaman terkumpul institusi perbankan bagi sektor

pertanian dan industri asas tani pada akhir bulan April 2009 adalah berjumlah RM27 bilion atau 9% daripada jumlah pinjaman terkumpul untuk sektor perniagaan.

2. Bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian, Kerajaan telah menyediakan beberapa tabung iaitu Tabung Untuk Makanan yang dikenali juga sebagai “3F” (*Fund for Food*) dan Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS). 3F telah ditubuhkan khusus untuk membiayai aktiviti pengeluaran dan pemprosesan makanan, manakala TIKS untuk membiayai sektor pertanian dan industri asas tani.

3. Selain itu, Agrobank (dahulu dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia) iaitu agensi yang dipertanggungjawabkan membiayai sektor pertanian turut menyediakan pelbagai kemudahan menggunakan dana dalamannya. Pada akhir April 2009, jumlah pinjaman terkumpul Agrobank kepada sektor pertanian dan industri asas tani adalah sebanyak RM5.1 bilion.

4. Bank Negara Malaysia sentiasa memantau institusi–institusi perbankan bagi memastikan sektor-sektor keutamaan seperti pertanian mendapat akses kredit yang berterusan pada kos yang berpatutan. Oleh itu, adalah penting bagi mereka yang terlibat untuk memaklumkan sebarang aduan/rungutan kepada Bank Negara Malaysia supaya siasatan dapat dilaksanakan bagi memastikan perniagaan yang berdaya maju serta individu yang mempunyai kedudukan kredit yang baik mempunyai akses kepada pembiayaan secara berterusan. Di antara saluran-saluran yang disediakan adalah:

- (i) **ABMConnect**
 - 1-300-88-9980

- (ii) **BNMLINK**, Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

- (iii) **BNMTELELINK**
 - Tel: 1-300-88-5465
 - Fax: 03-2174 1515
 - Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN : 27

Tuan Aaron Ago Anak Dagang (Kanowit) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dasar Kerajaan terhadap insurans dan cukai jalan bagi kereta awam dan komersial yang sudah melebihi umur 10 tahun. Nyatakan jumlah kenderaan awam dan komersial yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan pada masa ini tidak menetapkan sebarang dasar berhubung usia kenderaan yang layak mendapatkan perlindungan insurans dan cukai jalan. Dasar sedia ada, semua kenderaan yang *road worthy* layak untuk mendapatkan atau memperbaharui perlindungan insurans dan cukai jalan dengan syarat mereka membayar fee cukai jalan yang

telah ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 serta fee perlindungan insurans di bawah Akta Insurans 1996.

Di bawah Seksyen 90(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, telah diperuntukkan bahawa apabila seseorang menggunakan satu kenderaan motor baik kenderaan persendirian mahu pun kenderaan komersial di atas jalan raya, dia hendaklah memastikan kenderaan motor itu sekurang-kurangnya diinsuranskan terhadap risiko pihak ketiga. Mana-mana orang yang gagal mematuhi Seksyen 90(1) APJ 1987 ini, adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya serta boleh dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu bagi tempoh 12 bulan daripada tarikh sabitan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah keseluruhan kenderaan persendirian (awam) yang telah didaftarkan oleh JPJ sehingga April 2009 adalah sebanyak 16,772,266 buah kenderaan, manakala jumlah kenderaan komersial pula adalah sebanyak 1,074,102 buah kenderaan. Daripada jumlah ini, jumlah kenderaan persendirian yang berusia melebihi 10 tahun adalah sebanyak 8,168,848 dan kenderaan komersial pula adalah sebanyak 498,737.

NW-28

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang di ambil untuk menyelesaikan permasalahan berlarutan pukat tunda haram di sekitar perairan di Balik Pulau.

JAWAPAN : Oleh **Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,**

Tuan Yang Dipertua,

Permasalahan mengenai pukat tunda haram di sekitar perairan Balik Pulau adalah dari pencerobohan bot – bot dari kawasan lain. Untuk menangani masalah ini, Jabatan Perikanan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Gerakan Marin Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengadakan rondaan secara bergilir-gilir di bawah penyelarasan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM). Hasil rondaan ini dibincang melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala di bawah anjuran PPPM.

Pada tahun 2008, jumlah tangkapan bot pukat tunda yang mencerooh perairan Balik Pulau ialah sebanyak 42 buah bot iaitu 32 dari Perak, 5 dari kawasan lain di

Pulau Pinang, 2 dari Kedah, 2 dari Selangor dan 1 dari Perlis.

Pada tahun 2009, sebanyak 15 buah bot telah ditahan yang melibatkan 8 dari Perak, 1 dari Pulau Pinang, 5 dari Kedah, dan 1 dari Selangor.

Maklumat Tambahan

Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM), Jabatan Perdana Menteri bertindak menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan diantara agensi. Disamping itu, Agensi-Agensi Penguatkuasaan undang-undang di perairan negara bermesyuarat secara berjadual setiap 3 bulan (4 kali setahun) di bawah Jawatankuasa Bertindak Operasi Malaysia (JBOM).

Agensi-Agensi JBOM:

- (i) Kementerian Luar Negeri
- (ii) Polis Diraja Malaysia
- (iii) Tentera Laut Diraja Malaysia
- (iv) Tentera Udara Diraja Malaysia
- (v) Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- (vi) Jabatan Laut
- (vii) Jabatan Perikanan Malaysia
- (viii) Jabatan Imigresen Malaysia

LATAR BELAKANG AKTA PERIKANAN 1985

Sumber perikanan di perairan pantai Malaysia telah hampir ke tahap eksploitasi berlebihan. Keadaan ini memerlukan pengurusan yang sempurna dan teratur terhadap sumber perikanan (termasuk penyu dan sumber perikanan sungai) dan juga kawalan yang ketat terhadap aktiviti penangkapan ikan. Selain itu, kerja-kerja pemuliharaan sumber perlu dijalankan supaya sumber yang terjejas dapat dipulihkan. Memandangkan perikanan pantai telah dieksploitasi ke tahap berlebihan, pembangunan sektor perikanan perlu ditumpukan pada perikanan laut dalam dan juga pembangunan akuakultur.

Dengan mengambil kira keperluan pembangunan ini, keperluan semasa dan kehendak perundangan antarabangsa, Akta Perikanan 1985 telah digubal, setelah memansuhkan Akta Perikanan 1963. Akta Perikanan 1985 mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 1986. Namun setelah 4 tahun dikuatkuasakan, MOA menerima pelbagai rungutan meminta supaya Akta berkenaan dipinda. Pada 12 Mac 1989, mantan Y. B. Menteri Pertanian membuat pengumuman mempersilakan nelayan-nelayan, persatuan-persatuan nelayan dan mereka yang berkepentingan dalam industri perikanan untuk mengemukakan cadangan-cadangan bagi meminda Akta Perikanan 1985.

Ekoran itu, MOA menerima banyak cadangan serta memorandum dari persatuan/ pertubuhan nelayan /industri perikanan, parti politik, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan lain-lain. Penelitian serta pertimbangan sewajarnya diberikan pada cadangan-cadangan tersebut dan ia diambil kira dalam merangka pindaan Akta berkenaan, sambil mempertingkatkan keberkesanan pengurusan perikanan.

Akhirnya Akta Perikanan 1985 telah dibuat pindaan pada tahun 1993. Pindaan tersebut diharap dapat menerangkan dengan jelas beberapa perkara

yang sebelum itu dirasakan samar-samar serta memperkemas peruntukan-peruntukan, supaya ia mendatangkan manfaat kepada kumpulan sasaran dan industri perikanan, selaras dengan perkembangan semasa, strategi jangka masa panjang serta wawasan Kerajaan.

SEKSYEN 25 AKTA PERIKANAN 1985

- Seksyen 25 Akta Perikanan 1985 ini menerangkan **denda dan hukuman yang boleh dikenakan oleh mahkamah** jika seseorang disabitkan kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.
- Peruntukan yang terkandung dalam seksyen ini seperti berikut :

Seksyen 25. Kesalahan-kesalahan di bawah Akta.

Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan jika tiada penalti khas diperuntukkan berhubungannya, orang itu boleh –

- (a) jika vesel yang berkenaan itu ialah vesel penangkapan ikan asing atau orang yang berkenaan itu ialah rakyat negara asing, dikenakan denda tidak melebihi sejuta ringgit setiap orang dalam hal empunya atau nakhoda, dan seratus ribu ringgit dalam hal tiap-tiap anggota kru;
- (b) dalam segala hal lain, dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penerangan :

I) Seksyen 25 (a)

- Seksyen 25(a) adalah **hukuman khusus untuk kes pencerobohan vesel penangkapan ikan asing ke perairan perikanan Malaysia** ataupun **kesalahan yang dilakukan oleh rakyat negara asing**.
- Hukumannya dikenakan denda tidak lebih RM 1 juta terhadap empunya atau nakhoda, manakala tidak lebih RM 100,000 terhadap setiap kru warga asing itu.
- Tiada peruntukan penjara dikenakan ke atas nelayan warganegara asing kerana ia memenuhi kehendak perundangan antarabangsa (Artikel 73, UNCLOS /*United Nation Convention On The Law Of The Sea*).
- Walau bagaimanapun, sekiranya pesalah warganegara asing itu tidak mampu membayar hukuman denda yang dikenakan, barulah hukuman penjara dikenakan dengan tidak melebihi enam (6) bulan.

II) Seksyen 25(b)

- Seksyen 25(b) adalah **hukuman khusus untuk kes kesalahan tempatan iaitu yang dilakukan oleh warganegara Malaysia**.
- Hukumannya dikenakan denda tidak lebih RM 20,000 atau penjara tidak lebih dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

SEKSYEN 52 AKTA PERIKANAN 1985

- Seksyen 52 Akta Perikanan 1985 ini menerangkan **kuasa tambahan mahkamah untuk memerintahkan vesel dan barang-barang kes lain dilucuthakkan**, jika seseorang disabitkan kerana melakukan kesalahan tertentu di bawah Akta Perikanan 1985.
- Peruntukan yang terkandung dalam seksyen ini seperti berikut :

Seksyen 52. Rampasan dan pelupusan vesel dsb.

(1) Jika mana-mana orang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan-

(a) di bawah seksyen 8(a), 11(3), 15(1) atau 26; dan

(b) kerana melanggar apa-apa syarat lesen yang berhubungan dengan kawasan penangkapan ikan yang dibenarkan di bawah lesen itu,

mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan –

(i) memerintahkan supaya vesel (termasuk kelengkapan, perabot, alatan bersangkutan, storan, kargo dan peralatan menangkap ikan), kenderaan, benda atau barang yang digunakan dalam melakukan kesalahan itu atau yang berhubungan dengannya kesalahan itu telah dilakukan dilucuthakkan; dan

(ii) memerintahkan supaya apa-apa ikan yang ditangkap dalam melakukan kesalahan itu atau hasil jualan apa-apa ikan atau benda lain daripada jenis yang mudah rosak yang disebutkan dalam seksyen 48, dan apa-apa bahan letupan, racun, pencemar, perkakas atau alat yang dilarang yang digunakan atau yang dicadang untuk digunakan dalam melakukan kesalahan itu dilucuthakkan.

Penerangan :

I) Seksyen 52(1)

- Seksyen ini memberi kuasa kepada mahkamah untuk perintah melucuthakkan vesel, kenderaan, ikan atau barang-barang kes yang lain.
- Kesalahan tertentu yang boleh menyebabkan pelucuthakkan vesel, kenderaan, ikan atau barang-barang kes yang lain ini oleh perintah mahkamah ialah kesalahan di bawah :

- i) Seksyen 8(a) – kesalahan mengusahakan vesel penangkapan ikan tanpa lesen.
- ii) Seksyen 11(3) – kesalahan mengendalikan peralatan menangkap ikan tanpa lesen.
- iii) Seksyen 15(1) – kesalahan pencerobohan vesel nelayan asing.
- iv) Seksyen 26 – kesalahan mengebom ikan, meracun ikan, menggunakan arus elektrik dan peralatan yang dilarang untuk menangkap ikan (misalnya pukot sorong, pukot tunda dua bot, pukot pari).
- v) Seksyen 8(b) – kesalahan kali keempat (4) kerana melanggar apa-apa syarat lesen yang berhubungan dengan kawasan penangkapan ikan yang dibenarkan di bawah lesen itu.

II) Seksyen 52(2)

- Seksyen ini menerangkan tatacara pelupusan vesel, kenderaan atau barang-barang kes yang lain tersebut mengikut arahan yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

JENIS-JENIS KOMPAUN KE ATAS KESALAHAN DI BAWAH AKTA PERIKANAN 1985

- Peruntukan kompaun ke atas kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Perikanan 1985 terkandung dalam Seksyen 31, seperti berikut :

Seksyen 31. Pengkompaunan kesalahan-kesalahan.

- (1) Tertakluk kepada subseksyen-subseksyen yang berikut, mana-mana pegawai perikanan boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dengan sejumlah wang yang tidak kurang daripada lima ratus ringgit dan tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu, dengan

syarat bahawa kesalahan itu adalah kesalahan kali pertama, kedua atau ketiga sahaja:

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (1) seksyen 43 kompaun itu tidaklah boleh kurang daripada seratus ringgit.

- (2) Apa-apa kesalahan yang dilakukan melanggar dengan seksyen 8(a), 11(3), 15(1) atau 16 yang dibaca dengan seksyen 25 atau 26 tidaklah boleh dikompaun.
- (3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), mana-mana pegawai perikanan boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (3) seksyen 11 jika peralatan menangkap ikan yang berhubungan dengannya kesalahan itu dilakukan adalah peralatan menangkap ikan tradisional, dengan sejumlah wang yang tidak kurang daripada lima ratus ringgit dan tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu.
- (4) Jika sesuatu peralatan menangkap ikan menjadi hal perkara apa-apa kesalahan yang dikompaun di bawah subseksyen (1), peralatan menangkap ikan itu boleh dirampas dan dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.**
- (5) Jika apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini telah dikompaunkan mengikut seksyen ini, Ketua Pengarah hendaklah mengarahkan apa-apa barang daripada jenis yang mudah rosak yang menjadi hal perkara apa-apa kesalahan, dijual dan hasil jualan itu dilucuthakkan.**

Penerangan :

- Seksyen ini jelas menyatakan bahawa kompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 tidak boleh kurang daripada RM 500 (paling minimum).

- Secara tak langsung, kompaun paling maksimum boleh dikenakan ke atas satu-satu kesalahan ialah sehingga RM 20,000 (berbalik kepada Seksyen 25(b)).
- Hanya ada satu pengecualian membolehkan kompaun dikenakan paling minimum sehingga RM 100 iaitu kesalahan di bawah seksyen 43(1) (melakukan kesalahan di dalam kawasan Taman Laut, misalnya melabuhkan sauh, mengambil batu karang dsb).
- Kompaun kesalahan boleh dikenakan sebanyak tiga (3) kali sahaja, dan kesalahan keempat (4) hendaklah dibawa ke mahkamah.
- Pengkompauan kes kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dibuat berdasarkan Buku Kadar Kompaun yang telah ditetapkan oleh Jabatan.
- Kadar kompaun yang dikenakan adalah mengikut kategori jumlah kesalahan, jenis peralatan menangkap ikan yang digunakan dan berat tan kasar (GRT) vesel itu.
- Misalan kesalahan yang paling biasa dilakukan vesel penangkapan ikan tempatan ialah seperti berikut :

Seksyen 8(b) Kesalahan Menangkap Ikan Di Perairan Negeri Lain

	Pukat Tunda				Pukat Tradisi	
	< 20 tan	20 – < 40 tan	40 - < 70 tan	70 tan ke atas	Enjin Dalam	Sampah / Enjin sangkut
Kesalahan 1	RM 500	RM 800	RM 1,000	RM 500	Amaran	Amaran
Kesalahan 2	RM 600	RM 1,000	RM 1,500	RM 600	RM 500	Amaran
Kesalahan 3	RM 800	RM 1,400	RM 2,500	RM 800	RM 500	Amaran
Kesalahan 4	Mahkamah	Mahkamah	Mahkamah	Mahkamah	Mahkamah	Mahkamah

- Bagi rujukan kadar kompaun yang lebih terperinci, ia perlu dirujuk kepada Buku Kadar Kompaun yang disertakan.

SULIT

NO SOALAN : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HENRY SUM AGONG
(LAWAS)**

**TARIKH : 16 JUN 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada pihak tentera boleh terlibat untuk melaksanakan projek awam khususnya di kawasan pedalaman.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak tentera boleh terlibat dengan projek/program awam khususnya di kawasan pedalaman kerana ianya merupakan salah satu dari mekanisma Tentera Bersama Rakyat (TBR) yang juga dikenali sebagai projek Jiwa Murni. Permohonan hendaklah terlebih dahulu dipohon melalui markas formasi setempat sebelum projek/program dilaksanakan. Bagaimanapun ianya bergantung juga kepada keupayaan dan penglibatan unit-unit tentera setempat yang akan mengendalikan sesuatu projek / program.

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa sebenarnya perjanjian Penubuhan Negara Malaysia pada tahun 1963 yang merangkumi antaranya Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan bilakah sebenarnya tarikh Tuan Yang Terutama di Pertua Negara Sabah ditukarkan kepada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Perjanjian Penubuhan Negara Malaysia telah ditandatangani antara Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai 1963. Tujuan perjanjian ini adalah bagi maksud mencapai penubuhan Malaysia. Perjanjian ini antara lainnya merangkumi 20 Perkara yang diutarakan oleh Sabah dan 18 Perkara oleh Sarawak bagi mencapai maksud penubuhan Negara Malaysia. Antara perkara yang disentuh adalah seperti Perlembagaan, agama, bahasa, hak kerakyatan, Kerajaan Negeri, pelajaran dan gelaran Ketua Negeri. Tujuan Sabah dan Sarawak mengutarakan perkara-perkara tersebut adalah bagi melindungi kepentingan, hak-hak serta kuasa autonomi rakyat Sabah dan Sarawak selepas penubuhan Negara Malaysia. Pada 16 September 1963 Malaysia telah berjaya ditubuhkan dengan terdiri daripada negeri-negeri Sabah, Sarawak, Tanah Melayu dan Singapura. Walau bagaimanapun, pada 9 Ogos 1965 Singapura telah menarik diri dan menubuhkan negara sendiri.

Jawatan Yang di-Pertua Negeri termaktub dalam Perkara 70 dan 71 Perlembagaan Persekutuan. Gelaran bagi Ketua Negeri bagi negeri-negeri Sabah, Sarawak, Melaka dan Pulau Pinang ialah Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri yang sebelum ini dikenali sebagai Gabenor atau Yang Di Pertua Negara. Gelaran Gabenor telah dipinda kepada Yang di-Pertua Negeri oleh seksyen 42 Akta (Pindaan) Perlembagaan 1976 [Akta A354] yang berkuat kuasa pada 27 Ogos 1976. Gelaran ini diberikan kepada Ketua Negeri yang tidak mempunyai Sultan. Tempoh lantikan jawatan TYT Yang di-Pertua Negeri adalah selama empat tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

No: 31

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI
(TENOM)
TARIKH : 16.06.2009
NO. SOALAN : 31

TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sejauh manakah pemantauan Kementerian dalam soal harga barangan terutama di kedai-kedai runcit, stesen minyak dan kedai serbaneka 24 jam:-

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan pemantauan harga barangan di premis-premis perniagaan seperti pasar basah, pasar kering, *supermarket*, kedai runcit, stesen minyak dan kedai serbaneka 24 jam yang berada di bandar-bandar utama dan daerah-daerah termasuk kawasan-kawasan pendalaman. Pemantauan dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau Harga (PPH) dan Pegawai Penguatkuasa Kementerian ini.

Seramai 1,600 Pegawai Pemantau Harga telah dilantik dan ditempatkan di seluruh negara termasuk di daerah-daerah dan pegawai tersebut memantau ke atas 355 jenis barangan termasuk barang mentah basah, barang mentah kering dan makanan bermasak pada setiap hari. Manakala Pegawai Penguatkuasa melaksanakan pemantauan melalui pungutan harga barang-barang perlu secara berterusan pada setiap minggu melalui 80 pusat kutipan harga seluruh negara. Pemantauan yang dilaksanakan bertujuan untuk memantau kedudukan harga barangan dalam pasaran serta mengesan trend kenaikan harga, memastikan harga barangan barang subsidi dijual mengikut harga yang ditetapkan, barangan keperluan berada di paras harga yang munassabah dan bekalan adalah mencukupi. Melalui pemantau juga Kementerian dapat menentukan harga maksimum runcit bagi barang-barang harga terkawal semasa musim perayaan melalui Skim Kawalan Harga.

Kementerian juga telah melancarkan portal "*Price Watch*" melalui laman web Kementerian yang bertujuan bagi memberi maklumat kepada pengguna untuk membuat perbandingan harga ketika berbelanja. Di dalam portal ini, Kementerian mempamerkan harga runcit harian bagi 50 jenis barang keperluan untuk membantu pengguna memilih mana-mana premis yang mengenakan harga yang berpatutan apabila ingin berbelanja.

Kementerian juga mengalu-alukan kepada semua pengguna untuk menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan dan kegiatan tidak beretika oleh peniaga kepada Kementerian. Kementerian ada menyediakan beberapa saluran untuk kemudahan pengguna membuat aduan seperti talian bebas tol : 1-800-886-800, sistem Pesanan Ringkas (SMS) : 32255 dan melalui e-aduan : <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau menghubungi mana-mana Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna yang berhampiran.

DISEDIAKAN OLEH

Nama : Encik Abd. Rahim bin Omar
Bahagian Penguatkuasa
(Tel: 03-8882 6018)

: Noraesisyah binti Sharom
Majlis Harga Barang Negara
(Tel: 03-8882 6424)

DISEMAK OLEH

Nama : Tuan Haji Muhamad Mokhtar bin Yeop
Pengarah Unit Kawalan Harga
Bahagian Penguatkuasa
(Tel: 03 8882 5847)

DILULUSKAN OLEH

Nama : Encik Daud bin Tahir
Timbalan Ketua Setiausaha (PDN)

SOALAN NO: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]
TARIKH : 16 JUN 2009
RUJUKAN : 1779

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa sistem Imigresen mudah di kawasan Padang Besar yang hanya memerlukan pengisian kad putih dihapuskan dan bagaimana Kerajaan membantu para peniaga tempatan yang mengalami kemerosotan perniagaan berikutan dengan penurunan mendadak jumlah pelawat dari Thailand.

JAWAPAN

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Sistem Imigresen mudah di kawasan Padang Besar atau Kad Putih atau Kad Melawat (Visit Card) IMM117 dan IMM117A bagi warganegara Thailand telah diberhentikan penggunaannya berkuat kuasa mulai 1 Februari 2008.** Penamatan atau pemberhentian penggunaan Kad Putih adalah atas kepentingan keselamatan negara. Penggunaan kad ini diberhentikan berdasarkan sebab-sebab berikut:

- i. Kad IMM.117 tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi untuk mengelakkan pemalsuan;
- ii. Maklumat yang diisi dalam Kad Putih adalah sangat sedikit iaitu nama dan nombor Kad Pengenalan pemilik (warganegara Thailand) sahaja. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi mengenal pasti pemilik kad sebenar kerana ia diisi dalam Bahasa Thailand dan nombor kad pengenalan adalah kad pengenalan Thailand;
- iii. Kekurangan ciri-ciri keselamatan menyukarkan tugas penguatkuasaan kerana pegawai-pegawai penguat kuasa kurang fasih dalam Bahasa Thailand. Ini menyukarkan pegawai penguat kuasa mengenal pasti pemilik kad sebenar; dan

- iv. Kad Putih **TIDAK** mempunyai gambar pemilik, *barcode*, dan mudah difotostat. Justeru, ia memungkinkan kad ini disalahgunakan oleh orang lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

Statistik yang diperoleh daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menunjukkan jumlah pelawat Thailand yang memasuki Padang Besar telah menurun sebanyak 46% pada tahun 2007, iaitu seramai 232,892 orang sahaja berbanding tahun 2008 seramai 431,030 orang. Dalam pada itu, sehingga Mei 2009, seramai 89,847 orang warganegara Thailand telah memasuki Malaysia melalui Padang Besar.

Pengurang jumlah pelawat asing ke Malaysia melalui Padang Besar **BUKAN** akibat daripada pemberhentian penggunaan Kad Putih tetapi disebabkan faktor ekonomi negara dan ekonomi global. Di mana kemelesetan ekonomi global telah turut menjejaskan ekonomi Malaysia dan Thailand. Oleh yang demikian, ia membawa impak yang besar terhadap kegiatan ekonomi di sempadan Malaysia – Thailand. Kemudahan imigresen yang sedia ada untuk penduduk di sempadan sudah mencukupi untuk membenarkan mereka keluar dan masuk dengan selesa **TANPA** menjejaskan keselamatan negara.

Mengikut pemerhatian Jabatan Imigresen Malaysia, kebanyakan warganegara Thailand yang memasuki Malaysia adalah pekerja-pekerja yang bekerja di Padang Besar atau berniaga di sana.

JAWAPAN

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Sistem Imigresen mudah di kawasan Padang Besar atau Kad Putih atau Kad Melawat (Visit Card) IMM117 dan IMM117A bagi warganegara Thailand telah diberhentikan penggunaannya berkuat kuasa mulai 1 Februari 2008.** Penamatan atau pemberhentian penggunaan Kad Putih adalah atas kepentingan keselamatan negara. Penggunaan kad ini diberhentikan berdasarkan sebab-sebab berikut:

- i. Kad IMM.117 tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi untuk mengelakkan pemalsuan;
- ii. Maklumat yang diisi dalam Kad Putih adalah sangat sedikit iaitu nama dan nombor Kad Pengenalan pemilik (warganegara Thailand) sahaja. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi mengenal pasti pemilik kad sebenar kerana ia diisi dalam Bahasa Thailand dan nombor kad pengenalan adalah kad pengenalan Thailand;
- iii. Kekurangan ciri-ciri keselamatan menyukarkan tugas penguatkuasaan kerana pegawai-pegawai penguat kuasa kurang fasih dalam Bahasa Thailand. Ini menyukarkan pegawai penguat kuasa mengenal pasti pemilik kad sebenar; dan

- iv. Kad Putih **TIDAK** mempunyai gambar pemilik, *barcode*, dan mudah difotostat. Justeru, ia memungkinan kad ini disalahgunakan oleh orang lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

Statistik yang diperoleh daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menunjukkan jumlah pelawat Thailand yang memasuki Padang Besar telah menurun sebanyak 46% pada tahun 2007, iaitu seramai 232,892 orang sahaja berbanding tahun 2008 seramai 431,030 orang. Dalam pada itu, sehingga Mei 2009, seramai 89,847 orang warganegara Thailand telah memasuki Malaysia melalui Padang Besar.

Pengurang jumlah pelawat asing ke Malaysia melalui Padang Besar **BUKAN** akibat daripada pemberhentian penggunaan Kad Putih tetapi disebabkan faktor ekonomi negara dan ekonomi global. Di mana kemelesetan ekonomi global telah turut menjejaskan ekonomi Malaysia dan Thailand. Oleh yang demikian, ia membawa impak yang besar terhadap kegiatan ekonomi di sempadan Malaysia – Thailand. Kemudahan imigresen yang sedia ada untuk penduduk di sempadan sudah mencukupi untuk membenarkan mereka keluar dan masuk dengan selesa **TANPA** menjejaskan keselamatan negara.

Mengikut pemerhatian Jabatan Imigresen Malaysia, kebanyakan warganegara Thailand yang memasuki Malaysia adalah pekerja-pekerja yang bekerja di Padang Besar atau berniaga di sana.

Keadaan ini sebenarnya merugikan negara kerana pekerja-pekerja Thailand membawa pulang pendapatan mereka ke negara mereka. Ini mengakibatkan pengaliran keluar wang negara.

Kegiatan ekonomi di Padang Besar sebenarnya dirancakkan oleh rakyat Malaysia yang suka membeli belah di Padang Besar. Padang Besar merupakan destinasi membeli-belah yang sangat popular di kawasan utara. Bagi pelawat-pelawat ke utara, membeli-belah di Padang Besar merupakan satu kemestian. Apabila ekonomi negara mengalami kegawatan, ini telah menjejaskan pendapatan rakyat Malaysia. Akibatnya, rakyat telah mengurangkan aktiviti melancong dan membeli-belah, dan ini telah menjejaskan pendapatan bukan sahaja peniaga di Padang Besar malah di seluruh negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)
TARIKH : 16.06.2009

SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Cina di Sekolah Menengah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih dalam pelbagai opsyen di seluruh negara termasuklah guru bahasa Cina di SMK. Sehubungan itu, KPM telah menjalin kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam melatih guru-guru bahasa Cina bagi keperluan di sekolah menengah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Universiti Pendidikan Sultan Idris ada menawarkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Cina Dengan Pendidikan dan Diploma Pendidikan Bahasa Cina untuk menampung keperluan tersebut.

Dengan langkah-langkah yang dilakukan ini, KPM menjangkakan masalah kekurangan guru bahasa Cina di SMK dapat diatasi.

SOALAN NO: ~~17~~
34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]**

TARIKH : 16 JUN 2009

RUJUKAN : 1764

SOALAN :

DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang akan diambil untuk membanteras kegiatan penyeludupan manusia yang menggunakan negara ini sebagai tempat transit ke negara lain.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Gajah yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Sebelum 2008, langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membanteras kegiatan penyeludupan dan pemerdagangan manusia adalah berlandaskan kepada peruntukan undang-undang seperti berikut:

- (i) Kanun Acara Jenayah (Akta 574)
- (ii) Akta Imigresen 1959 (Akta 155)
- (iii) Akta Passport 1966 (Akta 150)
- (iv) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)
- (v) Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)
- (vi) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253)
- (vii) Akta Penculikan 1961 (Akta 365)
- (viii) Akta Kanak-Kanak dan Orang Dewasa 1966 (Akta 350)
- (ix) Akta Anti Peminjaman Wang 2001 (Akta 613)
- (x) Akta Bersama Membantu Dalam Hal-hal Jenayah 2002
(Akta 621)
- (xi) Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479)

Selepas 2008, undang-undang yang diguna pakai oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini ialah selain daripada undang-undang seperti tersebut diatas. Satu undang-undang yang baru digubal iaitu Akta Anti Pmerdagangan Orang 2007 diguna pakai yang mana ianya berkuatkuasa mulai bulan Februari 2008. Dibawah Akta ini kuasa yang diperuntukan bagi membanteras kegiatan penyuludupan dan pmerdagangan manusia adalah lebih fokus dan terperinci.

Melalui Akta ini, sebuah majlis yang dikenali sebagai Majlis Anti Pmerdagangan Orang diwujudkan yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian dan Agensi Penguatkuasa yang berkaitan. Majlis ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan Akta ini; merumuskan dasar dan program pencegahan dan penghapusan aktiviti pmerdagangan orang termasuk program perlindungan serta program pendidikan kesedaran awam.

Sehubungan dengan tindakan untuk membanteras kegiatan penyuludupan manusia yang mana Malaysia telah digunakan sebagai tempat transit ke negara lain. Agensi-agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan seperti Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mempergiatkan usaha dalam mengambil tindakan pengawalan dan penangkapan terhadap sindiket-sindiket dan orang-orang yang terlibat dalam aktiviti penyuludupan dan pmerdagangan orang terutamanya di perairan Malaysia.

Dalam tindakan ini yang dibuat oleh Agensi-agensi berkaitan, beberapa tangkapan telah dibuat seperti berikut:-

- a. Bagi tahun 2008, seramai 1219 orang telah ditangkap
- b. Bagi tahun 2009 (sehingga 13 Jun), seramai 443 orang telah ditangkap.

Bagi kes-kes pemerdagangan orang, setakat ini seramai 117 orang mangsa wanita telah diselamatkan. Setakat ini juga pihak PDRM telah menangkap seramai 38 orang suspek yang disyaki terlibat dalam aktiviti pemerdagangan orang.

Selain daripada tindakan tersebut diatas, Malaysia telah mewujudkan kerjasama dengan negara-negara jiran seperti Australia, Indonesia, Filipina, Thailand dan lain-lain dalam kawalan sempadan dan juga pemeriksaan dokumen-dokumen palsu ke atas suspek-suspek yang disyaki dalam aktiviti pemerdagangan orang.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE DUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' HJ ABDUL RAHMAN BIN DAHLAN
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN : 35

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah kerajaan telah mengenal pasti kawasan yang berstatus MSC (Multimedia Super Corridor) di Sabah, jika sudah apakah Kerajaan berpuas hati dengan respon permohonan berstatus MSC oleh syarikat di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Salah satu peranan penting MDeC di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) adalah untuk menggalakkan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan lokasi dan kawasan berstatus

Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia supaya faedah penubuhan MSC Malaysia dapat dimanfaatkan oleh rakyat seluruh Malaysia.

Di Sabah, MDeC telahpun mempunyai perancangan untuk menubuhkan kawasan berstatus MSC Malaysia. Beberapa siri perbincangan bersama dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah telah diadakan dan penerangan secara terperinci mengenai kriteria kelayakan serta langkah dan proses permohonan mendapatkan status MSC Malaysia Cybercity atau Cybercenter telah diberikan oleh MDeC.

Setakat ini Kerajaan Negeri Sabah belum lagi membuat permohonan secara rasmi dan masih di dalam proses mengenal pasti kawasan tertentu yang berpotensi untuk dijadikan kawasan MSC Malaysia. Pihak MDec akan mengambil tindakan dengan segera sebaik sahaja permohonan diterima dari Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]
TARIKH : 16 JUN 2009
RUJUKAN : 1765

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan yang memberi kelonggaran kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) dengan memberi kompaun RM550 sedangkan agen masih mengenakan bebanan sehingga RM1500.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menggalakkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang melakukan kesalahan tinggal lebih masa dan tanpa mempunyai dokumen perjalanan yang sah (Seksyen 15(4) dan Seksyen 6(3), Akta Imigresen 1959/63), Kerajaan telah memberi satu peluang kepada PATI untuk pulang ke negara asal mereka secara sukarela. Dalam tempoh itu, mereka dikehendaki membayar kompaun pada kadar yang nominal sahaja iaitu sebanyak RM300.00. Dalam pada itu juga, mereka dikenakan bayaran sebanyak RM100.00 untuk pengeluaran Pas Khas sambil menunggu tarikh kepulangan mereka ke negara asal. Maka, jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh PATI kepada Kerajaan adalah hanya sebanyak RM400.00 dan **BUKAN** RM550.00 seperti mana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya.

Berhubung dengan caj sebanyak RM1500.00 yang dikenakan oleh agen, Kerajaan **TIDAK** terlibat dalam penetapan bayaran ini. Harga bayaran dirunding oleh pihak PATI, agen dan pihak Kedutaan yang melantik agen-agen yang akan menguruskan PATI mereka.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ISMAIL BIN KASIM (ARAU)
TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : **DATO' ISMAIL BIN KASIM** minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:
Apakah perancangan pihak Kerajaan
dalam membantu golongan petani di
negara kita dengan menggantikan
pemberian subsidi seperti baja dan
racun kepada pemberian secara tunai
supaya para petani lebih memberi
fokus dan dapat meningkatkan hasil
pertanian mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah memberikan pelbagai jenis bantuan kepada petani yang mengusahakan penanaman padi. Bantuan yang diberikan ini adalah melalui bentuk pemberian subsidi dan insentif. Mengikut pengiraan, setiap petani yang menanam padi menerima subsidi sebanyak RM2,200/ hektar berbanding dengan kos pengeluaran purata padi per hektar sebanyak RM2,800/ hektar. Ini bermakna Kerajaan telah memberi subsidi sebanyak 78% daripada kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh petani.

Pada masa ini Kerajaan tidak merancang untuk menggantikan pemberian subsidi dan insentif ini kepada pemberian secara tunai. Perkara ini memerlukan kajian dan pemerhatian yang terperinci kerana pemberian secara tunai lebih terdedah kepada penyelewengan dan ketirisan. Faktor pengawalan dan pemantauan juga perlu diberi perhatian kerana ada kemungkinan petani yang menerima wang tunai tidak akan menanam padi sebaliknya menggunakan wang tersebut untuk kegunaan lain.

Disediakan : Mohd Sharhan Sokery
Bahagian Industri Padi dan Beras
03-8870 1033 / 019 279 0082

Disemak oleh : Encik Ismail bin Naim
SUB (IPB)
Bahagian Industri Padi dan Beras
03-8870 1809 / 013 399 6902

Diluluskan oleh : Y. Bhg. Dato' Dr. Baharom bin Jani
TKSU (P)

MAKLUMAT TAMBAHAN

Di antara kemudahan subsidi dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan kepada para petani ialah seperti:

- i) **Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)**
Kadar bantuan yang diberikan ialah 240kg setiap hektar bagi baja sebatian (12 beg@ 20kg/beg) dan 100kg setiap hektar baja urea (5beg@ 20kg/ beg).

- ii) **Skim Subsidi Harga Padi**
Kadar bantuan ialah sebanyak RM248.10 bagi setiap metrik tan padi yang dihasilkan. Pembayaran skim ini diuruskan oleh pihak BERNAS.

- iii) **Insentif Pengeluaran Padi**
Di bawah insentif ini, Kerajaan membantu petani dengan memberikan Bantuan Baja Tambahan dan Bantuan Upah Bajak. Bagi Baja Tambahan, kadar yang diberikan ialah sebanyak RM140/ha/musim manakala bagi Bantuan Upah Bajak pula, kadar bantuan yang diberikan oleh Kerajaan ialah sebanyak RM100/ha/musim.

iv) **Insentif Peningkatan Hasil**

Kadar insentif ini ialah sebanyak RM650 bagi setiap metrik tan kenaikan hasil padi sekurang-kurangnya 1% daripada musim asas.

Sebagai tambahan bantuan-bantuan di atas, Kerajaan melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang telah diluluskan pada tahun 2008 telah memberi bantuan tambahan kepada penanam-penanam padi seperti:

i) **Baja Tambahan NPK**

Baja tambahan NPK diberikan kepada petani dengan kadar RM400/ ha (3 beg @ 50kg setiap beg)

ii) **Bantuan Kawalan Makhluk Perosak**

Kadar bantuan yang diberikan ialah RM200/ha/musim

iii) **Kapur**

Kapur dengan kadar RM850/ha diberikan bagi menambah kesuburan tanah

iv) **Mekanisasi Ladang**

Membantu petani memiliki jentera penanaman padi

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
TARIKH : 16 Jun 2009

SOALAN:

Y.B. Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah asas pelantikan Tun Abdullah Badawi sebagai penasihat pembangunan koridor dan berapakah gaji, elaun dan kemudahan yang diterima sebagai penasihat pembangunan koridor.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara justifikasi utama perlantikan Tun Abdullah Badawi sebagai penasihat pembangunan koridor adalah untuk memastikan kesinambungan inisiatif koridor pembangunan yang dicetuskan oleh beliau dapat diteruskan selaras dengan hasrat murni beliau untuk memastikan inisiatif tersebut dapat merapatkan lagi jurang antara masyarakat wilayah, dan antara masyarakat bandar dan luar bandar di negara ini. Inisiatif oleh Tun Abdullah ini akan memperkasakan pembangunan sosioekonomi negara

serta memperkukuhkan keharmonian kaum di kalangan rakyat. Idea beliau telah melahirkan satu semangat (*spirit*) baru membangunkan negara melalui pendekatan secara wilayah untuk membawa negara ke satu tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Berdasarkan sebab-sebab inilah, maka Kerajaan mengambil keputusan untuk melantik beliau sebagai Penasihat Pembangunan Wilayah Ekonomi bagi meneruskan idea-idea dan matlamat pembangunan yang beliau lahirkan apabila memperkenalkan inisiatif koridor pembangunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B, sebagai penasihat, YABhg. Tun Abdullah akan dibayar elaun bulanan serta kemudahan-kemudahan lain seperti elaun hotel, perjalanan dan sebagainya semasa menjalankan tugas-tugas rasmi. Kemudahan-kemudahan ini adalah tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam Ketentuan Elaun Dan Keistimewaan-Keistimewaan Bagi Bekas Perdana Menteri seperti dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan), 1980 (AKTA 237). Buat masa ini, terma elaun dan kemudahan berkenaan belum dimuktamadkan lagi.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
(TENGGARA)**

TARIKH : **16 .06.2009**

SOALAN : .

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan bahawa jumlah semasa keseluruhan kemiskinan bagi masyarakat Orang Asli adalah 13,945 KIR daripada 27,841 KIR. 9,003 KIR dikategorikan sebagai miskin tegar dan 4,942 KIR sebagai miskin justeru apakah tindakan Kerajaan untuk membantu masyarakat Orang Asli keluar dari garis kemiskinan dalam usaha mencapai sasaran tegar sifar menjelang 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Pelaksanaan program-program pembangunan masyarakat Orang Asli oleh Kementerian menerusi JHEOA telah menampakkan hasil di mana berdasarkan data kemiskinan sehingga 30 April 2009, bilangan kemiskinan tegar Orang Asli telah dapat dikurangkan kepada 1,810 KIR berbanding seramai 9,003 KIR pada tahun 2008.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah meningkatkan usaha-usaha pembasmian kemiskinan masyarakat Orang Asli menerusi program pembangunan jangka pendek dan jangka panjang yang meliputi program dan projek sosioekonomi dalam tempoh RMKe-9 dengan peruntukan berjumlah RM377.3 juta. Bagi projek jangka pendek, Kerajaan telah meluluskan peruntukan khas berjumlah RM20 juta pada tahun 2008 untuk

melaksanakan program peningkatan **kualiti hidup masyarakat Orang Asli** contohnya bantuan bakul makanan, bantuan wang saku pelajar, bantuan input pertanian dan tambahan tambang pengangkutan pelajar.

Kerajaan turut menyalurkan peruntukan berjumlah RM89.9 juta melalui **Pakej Rangsangan Ekonomi**. Ianya merangkumi Program Bantuan Rumah (PBR) kepada 2,151 Ketua Isi Rumah (KIR) dan projek Jalan Kampung/ Pertanian.

Bagi projek jangka panjang pula, Kerajaan telah melaksanakan projek pembangunan seperti projek pembangunan tanah dengan tanaman komersial (getah dan kelapa sawit), bantuan peralatan pertanian dan perikanan, bimbingan usahawan dan lain-lain. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada pelaksanaan projek-projek kemudahan infrastruktur dan utiliti termasuk pembinaan rumah Ketua Masyarakat, jalan raya, klinik desa, bekalan air dan elektrik dan sebagainya secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Kementerian turut diperuntukkan sebanyak RM200 juta melalui **Pakej Rangsangan Ekonomi 2** untuk menyediakan kemudahan bekalan air bersih di semua kawasan penempatan Orang Asli.

Kerajaan juga memberi tumpuan kepada aspek pembangunan modal insan menerusi penyediaan bantuan dan kemudahan pendidikan di peringkat pra sekolah, sekolah rendah, menengah dan peringkat tertiar, kursus pembangunan minda serta latihan kemahiran yang sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]**

TARIKH : 16 JUN 2009

**SOALAN : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan untuk kawasan Parlimen Kapar dalam Rancangan Malaysia Ke-10 serta dalam kedua-dua pakej rangsangan ekonomi. Nyatakan jumlah yang telah disalurkan ke Kawasan Parlimen Kapar mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri semenjak tahun 2003 serta senarai lengkap projek yang telah siap dan yang masih dalam perancangan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' DEVAMANY a/l S.KRISHNASAMY

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah peruntukan untuk kawasan Parlimen Kapar bagi RMKe-10 belum ditentukan lagi kerana RMKe-10 hanya akan dilaksanakan mulai tahun 2011 dan penentuan projek serta peruntukan akan dimuktamadkan sebelum RMKe-10 dimulakan. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE-1),

sebanyak 36 projek bernilai RM1 juta ringgit dilaksanakan di kawasan Parlimen Kapar. Di bawah RMKe-9 pula, sebanyak 101 projek pembangunan termasuk projek-projek pembangunan yang dilulus di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE-2) dengan siling peruntukan RM48.2 juta dilulus untuk dilaksanakan oleh pelbagai kementerian di kawasan Parlimen Kapar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 projek yang melibatkan peruntukan RM5.6 juta atau 11% telah siap dilaksanakan manakala baki projek masih berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Senarai terperinci projek RMKe-9, status pelaksanaan serta siling peruntukan bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri adalah seperti di lampiran berkembar.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah dasar-dasar yang telah dirumuskan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai perubahan iklim setelah ianya diwujudkan pada Disember 2007.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, cadangan penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai Perubahan Iklim (JKPI) telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 2 Januari 2008. Jawatankuasa ini berperanan untuk menentukan hala tuju, dasar dan

strategi pembangunan negara dengan mengambil kira aspek pemuliharaan alam sekitar termasuk perubahan iklim selaras dengan prinsip pembangunan lestari. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini dijangka akan diadakan pada suku ketiga tahun ini.

Bagi membantu memastikan dan merealisasikan keberkesanan pelaksanaan serta hala tuju Jawatankuasa Kabinet ini, satu Jawatankuasa Penyelarasan Perubahan Iklim (JPPI) dan 4 kumpulan kerja di bawah JPPI juga ditubuhkan, iaitu:

- Kumpulan Kerja Dasar dan Tindakan – dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- Kumpulan Kerja Sains dan Teknologi – dipengerusikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
- Kumpulan Kerja Industri dan Pelaburan – dipengerusikan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa; dan
- Kumpulan Kerja Pembangunan – dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi.

Pembentukan kumpulan kerja-kumpulan kerja ini adalah bertujuan untuk membuat perakuan kepada JPPI mengenai hala tuju, dasar dan strategi bagi menangani isu perubahan iklim di samping melaksanakan dan menyelaras perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan dengan perubahan iklim.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN

SOALAN NO :42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [Batu Gajah]

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN :

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah calon pilihan raya yang telah ditolak oleh pengundinya dilantik untuk menjadi Menteri dan Timbalan Menteri. Apakah ia berpunca daripada kekurangan Ahli Parlimen lain yang berkemampuan, berkepakaran dan bersih daripada skandal untuk dilantik oleh YAB Perdana Menteri.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Perkara 43 dan 43A Perlembagaan Malaysia, perlantikan Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri adalah merupakan hak budi bicara Y.A.B.Perdana Menteri.

Semua calon yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan calon yang terbaik dan menepati kriteria yang di gariskan oleh beliau, beliau tiada samasekali kekurangan calon yang berkemampuan seperti yang didakwa.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
(LABUAN)
TARIKH : 16.06.2009
NO. SOALAN : 43

DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL (LABUAN) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berhubung dengan hasrat **KPDNHEP** menyeimbangkan (standardised) harga barangan di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan. Bila ianya akan dimulakan.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Pada masa ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bertanggungjawab untuk memastikan bekalan barangan terkawal adalah mencukupi melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 dan memantau harga barangan terkawal melalui Akta Kawalan Harga 1946. Untuk makluman, Kerajaan hanya mengawal harga tujuh (7) jenis barangan sepanjang masa iaitu:-

- i) Petrol
- ii) Diesel;
- iii) Gas Petroleum Cecair (LPG)

- iv) Gula putih bertapis;
- v) Tepung gandum kegunaan am;
- vi) Roti putih standard loaf; dan
- vii) Minyak masak sawit.

Kawalan harga terhadap barang kawalan adalah selaras dengan Dasar Jaminan Makanan Negara bagi memastikan jaminan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi serta harga barangan stabil dan berada diparas yang tidak membebankan rakyat. Dalam usaha ini, Kerajaan mendapatkan kerjasama pengusaha/pengeluar dalam menetapkan harga barang-barang berkenaan pada paras yang sesuai dengan mengambil kira kos pengeluaran serta margin keuntungan kepada pengeluar, pemborong dan peruncit.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa kini Kerajaan telah mula proses penyeragaman harga barang kawalan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak secara berperingkat. Penyeragaman harga telah dilaksanakan setakat ini bagi petrol RON 97 pada RM1.80, RON 92 dan diesel pada RM1.70 sejak 23 Ogos 2008 dan gas petroleum cecair (LPG) pada RM1.75 sejak 16 April 2008. Kerajaan sedang mengusahakan proses penyeragaman harga bagi barang-barang kawalan yang lain.

Kementerian juga telah melaksanakan projek perintis pengedaran barang-barang perlu bersubsidi di kawasan luar bandar yang bertujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti beras tempatan 15 peratus hancur ST15, tepung gandum kegunaan am (GP), minyak masak pek 1kg, roti putih, gula dan LPG sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan

Kerajaan. Di samping mengenalpasti sistem pengedaran yang cekap, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutama di kawasan luar bandar, projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambahbaik sistem pengedaran sedia ada, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan di samping untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak.

Pada tahun ini, Pojek Perintis Pengedaran Barang-barang Perlu juga telah diteruskan di daerah Saratok, Batang Lupar (Sarawak), daerah Sipitang, Pensiangan, Pulau Banggi dan Kinabatangan (Sabah). Kementerian juga sedang melaksanakan projek penyeragaman harga LPG di Sabah dan Sarawak dengan harga RM24.50 bagi berat 14kg dan projek komuniti drumming untuk membolehkan rakyat di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dapat membeli minyak dengan harga yang sama di stesen minyak di Semenanjung. Hasil keputusan projek perintis ini akan digunakan sebagai rujukan oleh Kementerian untuk merangka strategi baru bagi sistem pengedaran terutama barangan makanan dalam usaha mengawal harga barangan.

Projek seterusnya yang diusahakan oleh Kementerian adalah untuk menyeragamkan harga barang-barang keperluan diseluruh negeri Sabah dan Sarawak supaya penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman akan menikmati harga sama seperti penduduk di bandar dan pekan-pekan kecil.

DISEDIAKAN OLEH

Nama : Angelina Fatimah a/p Ambrose
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
(Tel: 03-8882 5929)

: Noraesisyah binti Sharom
Majlis Harga Barang Negara
(Tel: 03-8882 6424)

DISEMAK OLEH

Nama : Norashiken Bt Ishak
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
(Tel: 03 8882 5691)

DILULUSKAN OLEH

Nama : Encik Daud bin Tahid
Timbalan Ketua Setiausaha (PDN).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH
KAWASAN : GUA MUSANG
TARIKH : 16.06.2009 (SELASA)

Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH (GUA MUSANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi merangsang aktiviti ekonomi yang masih malap serta memastikan agar pelabur asing terus mengekalkan operasi syarikat mereka di dalam negara.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah meluluskan dua pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM67 bilion bagi mengatasi impak kelembapan ekonomi dunia ke atas ekonomi negara. Daripada jumlah tersebut, RM792.4 juta telah diperuntukkan kepada MITI untuk menjalankan program-program berikut:

- (i) RM100 juta bagi Dana Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing sektor perkhidmatan;**
- (ii) RM200 juta untuk Dana Pembangunan Automatif bagi pembangunan sektor automatif negara;**
- (iii) RM450 juta diperuntukkan bagi Dana Projek Berimpak Tinggi di bawah Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaburan; dan**
- (iv) RM42.4 juta kepada Institut Keusahawanan Negara bertujuan untuk melonjakkan keupayaan Institusi Latihan Kemahiran Swasta Bumiputera sebagai pelengkap sistem latihan kemahiran teknikal dan vokasional Malaysia.**

Bagi memastikan pelabur asing mengekalkan operasi di dalam negara, Kerajaan telah mengambil langkah bagi memperbaiki persekitaran pelaburan melalui penambakan di dalam sistem penyampaian, polisi liberalisasi dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

- Pengeluaran lesen pengilang secara automatik (kecuali bagi aktiviti yang terdapat kepentingan keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan keagamaan) bermula 1 Disember 2008;**
- Pegecualian duti ke atas import bahan mentah dan barangan pengantara bagi mengurangkan kos pengeluaran; dan**

- Kelulusan bagi operasi pejabat wakil/ serantau dilanjutkan kepada lima tahun daripada tiga tahun;

Bagi menggalakkan lagi pelaburan asing, aktiviti promosi pelaburan khusus juga akan dipertingkatkan. Ini termasuk mengadakan Misi Pelaburan Khusus ke negara-negara di mana Malaysia mencatatkan lebih dagangan dan sumber pelaburan baru seperti Timur Tengah, China, India, Afrika Utara dan ASEAN. Aktiviti Promosi Khas bagi industri sasaran seperti peralatan perubatan, farmaseutikal, petrokimia, sumber tenaga alternatif, makanan dan automotif ke negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Jepun, Korea dan Taiwan juga akan dipergiatkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AB. AZIZ BIN AB. KADIR
[KETEREH]**

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

**YB Tuan Haji Ab. Aziz bin Ab. Kadir (Ketereh) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan kenapakah masih banyak pejabat Jabatan Kebajikan
Masyarakat yang belum memenuhi kemudahan akses bagi OKU.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyedari bahawa penyediaan bangunan yang mesra OKU di Pejabat Kebajikan Masyarakat adalah sangat penting bagi memastikan golongan OKU dapat berurusan dengan mudah dan selesa. Sehubungan itu, Kementerian sedang mengambil tindakan menambahbaik kemudahan di hampir kesemua Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah serta Institusi-institusi Kebajikan Masyarakat supaya bersifat mesra OKU seperti tandas, tempat meletak kenderaan, *ramp* dan kaunter yang mesra OKU.

Sebanyak RM45 juta telah disediakan untuk menaiktaraf pejabat serta menyediakan kemudahan yang mesra OKU di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri, Daerah dan Institusi-institusi Kebajikan Masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK MD SIRAT BIN ABU**
(BUKIT KATIL)
TARIKH : **16.06.2009**
NO. SOALAN : **47**

DATUK MD SIRAT BIN ABU (BUKIT KATIL) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan banyakkah Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) yang telah ditubuhkan dan berapa ramai keanggotaannya. Apakah bantuan-bantuan yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada KOBERA dan lain-lain koperasi baru untuk memberi impak kepada ekonomi negara.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Sehingga 31 Mei 2009 sebanyak 111 Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) telah ditubuhkan dengan keanggotaan seramai 8112 orang.

Bantuan-bantuan yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada KOBERA dan lain-lain koperasi baru ialah:

- i. Bantuan asas sebanyak RM30,000 bagi koperasi melaksanakan projek pertama mengikut '*viability*' projek.
- ii. Kemudahan pinjaman tanpa cagaran sehingga RM50,000 sebagai modal tambahan aktiviti perniagaan berdasarkan '*viability*' projek.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN
TARIKH : 16.06.2009 (SELASA)

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

- (a) berapakah nilai industri halal setiap-tiap tahun semenjak tahun 2000 mengikut pecahan negeri; dan**
- (b) apakah rancangan membangunkan industri halal di Pulau Pinang.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Pada masa ini kita tidak mempunyai statistik terperinci mengenai nilai industrial halal mengikut negeri. Anggaran nilai industri halal Malaysia adalah dibuat berdasarkan nilai eksport dan import makanan diproses. Nilai eksport Malaysia bagi makanan diproses**

adalah meningkat daripada RM3.4 billion pada tahun 2000 kepada RM12.1 billion pada 2008.

Manakala import makanan diproses turut meningkat di mana nilai import pada tahun 2000 yang berjumlah RM4.3 billion meningkat kepada RM8.9 billion pada tahun 2008.

Mulai April 2007, usaha telah diambil untuk mengemaskini statistik bagi Industrial halal. Usaha ini dimulakan dengan mengumpul maklumat nilai eksport bagi produk makanan dan minuman yang mendapat sijil halal daripada JAKIM. Usaha ini akan diteruskan dan akan dapat ditambah baik pada masa depan dengan penyelarasan pensijilan halal bersama agensi-agensi negeri yang terlibat. Berdasarkan analisa statistik bagi produk yang mendapat sijil halal JAKIM, nilai eksport produk halal bagi tempoh April hingga Disember 2007 adalah RM4.8 billion dan nilai bagi tahun 2008 ialah RM8.7 billion. Nilai industri halal mengikut negeri juga akan dibuat pada masa akan datang.

Tuan Yang Di Pertua,

(b) Di antara rancangan membangunkan industri halal di Pulau Pinang termasuklah:-

- **Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) kini di dalam peringkat untuk menubuhkan pejabat HDC wilayah di Pulau Pinang bagi membantu pembangunan industri halal termasuk mewujudkan Hab Halal di Pulau Pinang;**

- **Menganjurkan program Seminar Pembangunan Industri Halal di Pulau Pinang untuk memberikan kesedaran kepada pengguna tentang industri halal, pensijilan halal dan melibatkan penyertaan agensi-agensi lain dalam industri halal. Seminar ini telah diadakan di Penang Skills Development Centre pada 22 November 2008 dan telah dihadiri oleh seramai 139 peserta;**
- **Semasa seminar Pembangunan Industri Halal pada 22 November 2008, satu sesi klinik industri halal kepada Enterpris Kecil & Sederhana (EKS) Pulau Pinang telah diadakan di mana ia telah disertai oleh 13 EKS;**
- **Bekerjasama dengan agensi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang di dalam usaha untuk mewujudkan Taman Makanan Halal; dan**
- **Menjalankan latihan halal kepada usahawan-usahawan di Pulau Pinang. Antara program yang telah disertai adalah Program Karnival Halal Bulanan Dakwah pada bulan Februari 2009 bertempat di Dewan Millenium Kepala Batas, Pulau Pinang. Ceramah yang telah disampaikan adalah berkaitan kepentingan Sijil Halal dan Latihan Usahawan Skim Bantuan Kewangan EKS anjuran Yayasan Dakwah Islamiah.**

**INPUT SEKSYEN EKONOMI MAKRO
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA : Y.B. Datuk Siringan bin Gubat [Ranau.]
TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Negeri masih lagi berpegang kepada dasar Wawasan 2020, memandangkan ia tidak lagi merupakan penekanan melalui pelaksanaan dasar dan pembangunan pada masa kini. Adakah tahun 2020 masih lagi sebagai sasaran menjadikan Malaysia sebuah negara yang bertaraf maju.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Wawasan 2020 yang telah dilancar pada tahun 1991 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 masih lagi menjadi dasar Kerajaan. Walau bagaimanapun, sepanjang dua dekad yang lalu, beberapa krisis ekonomi telah melanda negara seperti Krisis Kewangan Asia 1997/1998, kelembapan ekonomi pada tahun 2001 dan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 2009 yang telah menjejaskan keupayaan dan potensi pertumbuhan ekonomi untuk

mencapai matlamat wawasan tersebut. Umpamanya, dalam tempoh 1991-2009, Keluaran Dalam Negara Kasar sebenar berkembang sebanyak 5.6 peratus setahun berbanding dengan matlamat pertumbuhan sebanyak 7 peratus setahun dalam tempoh 1991-2020.

Dalam tempoh yang sama, negeri-negeri turut menggubal dasar untuk mencapai status negeri maju pada tempoh yang berbeza-beza mengikut keupayaan negeri masing-masing yang selari dengan Wawasan 2020. Umpamanya, Selangor dan Johor telah menetapkan sasaran untuk mencapai status negeri maju lebih awal iaitu pada tahun 2005 berbanding dengan Kedah, Melaka, Perak dan Pulau Pinang pada tahun 2010. Kelantan, Perlis dan Sabah pula mensasarkan untuk mencapai status negeri maju pada tahun 2015 serta Negeri Sembilan, Pahang, Sarawak dan Terengganu pada tahun 2020.

Kerajaan sedar, adalah menjadi cabaran besar untuk negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 berikutan beberapa cabaran ekonomi yang dihadapi oleh negara seperti yang dinyatakan tadi. Oleh yang demikian, Kerajaan telah merangka beberapa strategi baru ke arah mencapai pertumbuhan tinggi dalam tempoh jangka masa panjang termasuklah memperkenalkan model ekonomi baru, selari dengan hasrat Wawasan 2020. Antara strategi utama termasuklah:

- i. Menstruktur semula ekonomi seperti liberalisasi perniagaan dan perkhidmatan profesional, dasar persaingan dan dasar pendapatan tinggi;

- ii. Meningkatkan pelaburan swasta seperti memperkukuhkan koordinasi di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, mengkaji semula peraturan dan undang-undang yang menyekat pelaburan dan mempromosikan perusahaan kecil dan sederhana (IKS);
- iii. Menggalakkan sumber baru pertumbuhan dan pendapatan seperti sektor pelancongan; kewangan Islam; pendidikan dan bioteknologi;
- iv. Memastikan kemampanan fiskal jangka panjang seperti meningkatkan kecekapan kutipan hasil dan mengkaji semula subsidi; dan
- v. Menghasilkan modal insan untuk ekonomi berpendapatan tinggi seperti memperkukuhkan latihan dan kemahiran dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Kerajaan berharap, dengan strategi yang diperkenalkan ini, Malaysia akan terus melangkah ke hadapan untuk memastikan hasrat mencapai status negara maju menjadi kenyataan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA SOON BUI
(TAWAU)
TARIKH : 16.6.2009

SOALAN:

Y.B. Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan :-

- (a) apakah jenayah-jenayah yang membabitkan murid-murid di setiap negeri di Malaysia bagi setiap tahun dari 2006 hingga 2009; dan
- (b) apakah kesalahan - kesalahan yang dilakukan oleh mereka dan apakah rancangan yang dibuat oleh Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat memandang serius terhadap permasalahan disiplin murid sekolah dan telah bersetuju agar pendekatan secara holistik digunakan iaitu dengan melibatkan pelbagai pihak bukan hanya kepada guru sahaja dalam membendung masalah tersebut. Ini disebabkan faktor yang mempengaruhinya adalah pelbagai termasuk pengaruh media dan pengaruh teknologi maklumat (ICT) dan tidak hanya berpunca daripada sekolah sahaja. KPM mengkategori kes salah laku murid adalah Salah Laku Berunsur

Jenayah, Salah Laku Berunsur Kelucahan, Kekemasan Diri, Tingkah Laku Tidak Pentingkan Masa, Tingkah laku Kurang Sopan, Tingkahlaku Musnah, Ponteng Sekolah dan Tingkah Laku Kenakalan.

Dengan usaha yang dilakukan secara berterusan oleh KPM, kes-kes salah laku murid ini menunjukkan penurunan. Jumlah murid yang terlibat dengan permasalahan disiplin telah didapati **menurun daripada 2.13% tahun 2006 kepada 2.10% tahun 2007. Pada tahun 2008, secara keseluruhannya bilangan murid yang terlibat adalah pada kadar 2.08% iaitu menurun sebanyak 0.02% jika dibandingkan dengan tahun 2007.** Kes-kes disiplin yang disebutkan termasuklah kes-kes yang berat seperti memukul, bergaduh, ponteng sekolah serta kes-kes disiplin yang ringan seperti kekemasan diri. Ini menunjukkan lebih daripada 97.0% murid yang sebenarnya tidak terlibat dengan masalah tersebut. Daripada analisis yang dilakukan oleh Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid, didapati kes yang melibatkan **Ponteng Sekolah** telah didapati menurun daripada **0.39% tahun 2007 kepada 0.37% tahun 2008.** Kes yang **Berunsur Kelucahan** juga telah didapati menurun daripada **0.05% tahun 2007 kepada 0.04% tahun 2008.** Kes-kes yang melibatkan **Tingkahlaku Kurang Sopan** juga menurun daripada **0.43% tahun 2007 kepada 0.42% tahun 2008.**

Pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh KPM dalam membendung salah laku murid. Antaranya;

1. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 khususnya terhadap tatacara hukuman terhadap murid yang melakukan kesalahan disiplin oleh pihak sekolah. Nasihat dan bimbingan sentiasa diberi kepada sekolah agar tindakan yang dibuat adalah betul dan tidak mendatangkan isu ketidakpuasan kepada pihak awam khususnya ibu bapa. Ini termasuklah pematuhan Pekeliling-Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa;

2. Melaksanakan **Program Jati Diri** kepada murid yang telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah khususnya terhadap tindakan buang, gantung sekolah serta kepada murid yang telah dikenakan tindakan kerana melakukan kesalahan berat yang lain;
3. Melaksanakan **Kursus Literasi Undang-Undang kepada Guru Disiplin seluruh negara**;
4. Melaksanakan **Kursus Pengurusan Emosi** kepada guru disiplin;
5. Kempen menerusi media massa seperti **Media Radio digunakan** (Era FM, Sinar FM, X-fresh FM, Hot FM, KL FM dan Klasik FM);
6. Menyediakan '**Poster Anti Ponteng**', '**Poster Anti Buli**' dan '**Poster Pencegahan Seks Bebas**';
7. Melaksanakan Program Rintis ***Sistem Merit Demerit***;
8. Menggerakkan **Pasukan Petugas Anti Ponteng**. Program ini akan dimantapkan lagi menerusi **Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD)**;
9. Menggerakkan **program keibubapaan kepada anggota PIBG**;
10. Menggerakkan **program khas bersama PDRM di setiap negeri**; dan
11. Pelaksanaan rintis program Piawai Keselamatan Sekolah dengan menfokuskan kepada lima aspek iaitu Pengurusan Aktiviti Murid, Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Krisis dan Bencana, Pengurusan Keselamatan Infrastruktur Sekolah, Pengurusan

Keselamatan Dalam Menangani Gejala Sosial dan Pengurusan
Keselamatan Dalam Menghadapi Risiko.

KPM berharap semua langkah yang diambil dapat menangani masalah disiplin yang berlaku. Namun kerjasama dari pelbagai pihak amat diperlukan dalam memastikan masalah disiplin ini dapat dibendung.

Rjm

SOALAN 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH

[DUNGUN]

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

berapakah bilangan 'homestay' yang terdapat di seluruh negara dan apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan lagi pelancongan 'homestay' di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga bulan April 2009, sebanyak 138 buah homestay telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia yang melibatkan penyertaan seramai 3,150 orang peserta Homestay di seluruh negara.

Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk meningkatkan lagi pelancongan homestay di negara ini ialah:

- i. Melakukan promosi homestay di setiap negeri. Beberapa siri lawatan promosi homestay telah diadakan seperti di Terengganu, Pulau Langkawi dan Pulau Pinang. Pihak Kementerian sentiasa merancang dan menyusun aktiviti promosi ini supaya sentiasa dilaksanakan dalam usaha untuk menggiatkan lagi aktiviti promosi homestay.
- ii. Menyediakan bantuan untuk menaik taraf infrastruktur asas, bilik mandi dan tandas bagi peserta-peserta homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian

Pelancongan Malaysia. Ini supaya peserta-peserta homestay dapat memberikan keselesaan penginapan kepada para pelancong yang menginap di homestay.

iii. Menyediakan peruntukan bagi melaksanakan latihan atau kursus kepada peserta-peserta homestay untuk meningkatkan lagi perkhidmatan, pengetahuan dan kemahiran mereka.

iv. Kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua Homestay 2009 bagi perbelanjaan mengurus homestay.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 16 JUN 2009

RUJUKAN : 1770

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil ke atas pendedahan penglibatan penguat kuasa Kerajaan dalam kegiatan perdagangan manusia. Adakah Kerajaan bercadang menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Bebas untuk menyiasat pendedahan ini dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas mereka yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian mengambil maklum dan memandang serius akan dakwaan dari pihak Senat Amerika Syarikat mengenai berlakunya kegiatan pemerdagangan orang di Malaysia yang melibatkan pegawai kerajaan. Sehubungan dengan itu, siasatan ke atas perkara ini telah dijalankan. Walau bagaimanapun tiada bukti yang menunjukkan penglibatan pegawai kerajaan di dalam kegiatan ini sebagaimana yang didakwa. Pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana penjawat awam sekiranya terdapat kebenaran dan bukti kukuh mengenai dakwaan ini. Oleh yang demikian, sehingga kini tiada keperluan bagi menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Bebas untuk menyiasat perkara ini.

Penghantaran pulang pendatang tanpa izin yang telah menjalani hukuman hanya dibenarkan melalui pintu keluar yang sah sahaja mengikut *standard operating procedure* yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang salah laku dan untuk memperlihatkan ketelusan dalam tindakan pegawai awam di dalam melaksanakan tugas.

Pihak PDRM, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) telah mewujudkan '*point contact*' dengan pihak berkuasa Australia terutamanya mengenai perkongsian maklumat risikan dan dalam latihan anggota keselamatan. Kerjasama dengan "Australia Border Protection Command" dalam membentaras kejadian penyeludupan manusia melalui Malaysia ke Australia telah diadakan pada awal tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK TIONG THAI KING
(LANANG)
TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DATUK TIONG THAI KING (LANANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** dalam usaha menjimatkan sumber alam, adakah Kerajaan mempertimbangkan langkah-langkah seperti berikut :-

- (a) mempromosikan usaha mengasingkan sisa organik untuk mengeluarkan kompos; dan
- (b) mengadakan kempen mengurangkan penggunaan beg plastik seperti mana yang diamalkan di negara-negara lain. Misalnya, pengguna akan dikenakan bayaran sekiranya mereka masih ingin meminta beg plastik semasa membeli-belah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan usaha-usaha untuk menghasilkan kompos daripada sisa-sisa organik. Pada masa ini terdapat beberapa projek yang sedang dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penghasilan kompos ini adalah sebahagian daripada kempen 3R yang dijalankan oleh KPKT dalam mengurangkan penghasilan sisa pepejal di negara ini. Kempen 3R ialah mengurang, mengguna dan mengitar semula bahan-bahan sisa pepejal termasuk beg plastik. Sumbangan kewangan telah diberikan oleh KPKT kepada PBT yang berkaitan untuk membina pusat pengumpulan kitar semula dan pembelian tong-tong kitar semula. KPKT juga sentiasa memberi galakkan

kepada usaha pihak swasta yang ingin menghasilkan kompos daripada sisa-sisa organik.

- (b) KPKT juga sentiasa bekerjasama dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan dan swasta bagi menangani masalah penggunaan beg plastik yang berleluasan. Di samping itu, KPKT juga mengambil pendekatan untuk memastikan beg-beg plastik diguna atau dikitar semula. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 mempunyai peruntukan tertentu yang akan digunapakai dalam masa terdekat untuk menangani masalah beg plastik seperti memastikan isi rumah dan pihak-pihak berkaitan mengasingkan sisa pepejal yang boleh dikitar semula daripada sisa pepejal yang lain. Sungguhpun pada ketika ini belum ada lagi usaha untuk mengenakan bayaran kepada pengguna beg plastik, namun KPKT sedang melihat penggunaan pendekatan sedemikian di masa hadapan berdasarkan peruntukan yang ada dalam Akta berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

TARIKH : 16.06.09

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan Kerajaan Negeri Selangor telah pun menarik balik rayuan dalam kes Sagong Tasi di Mahkamah Persekutuan. Apakah pendirian Kerajaan Persekutuan dalam hal ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat akan perkara-perkara yang melibatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli. Berhubung dengan kes Sagong Tasi ini, Kerajaan akur dan menerima sebarang keputusan yang akan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan kelak.

Sehubungan dengan itu, menerusi kes ini diharapkan menjadi panduan dan pengajaran kepada mana-mana pihak terutama Kerajaan Negeri terhadap perkara yang melibatkan pengambilan tanah Orang Asli bagi mengelakkan kes yang sama berulang lagi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH
(BATU SAPI)**

TARIKH : 16 JUN 2009

**SOALAN : DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH
(BATU SAPI)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakan jumlah/peratus peruntukan di bawah RMKe-9 yang telah dibelanjakan untuk negeri Sabah. Adakah jumlah ini menepati perancangan yang telah ditetapkan.

JAWAPAN : Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 11 Jun 2009, jumlah perbelanjaan RMKe-9 untuk negeri Sabah adalah sebanyak RM10.6 juta atau 54.04% daripada keseluruhan siling peruntukan berjumlah RM19.5 juta, berbanding sasaran 70% unjuran purata perbelanjaan lima tahun. Pelaksanaan projek serta program yang berkaitan akan dipercepatkan ke arah mencapai objektif sasaran perbelanjaan yang telah ditetapkan di bawah RMKe-9.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

**TARIKH : 16 JUN 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-

- (a) sama ada Kementerian bercadang untuk menyerahkan *White Paper on Defence* kepada Dewan untuk memastikan kemajuan dalam pertahanan yang seimbang; dan**
- (b) jika tidak, apakah sebabnya.**

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak bercadang untuk mengeluarkan Kertas Putih mengenai Pertahanan (*Defence White Paper*). Ini adalah kerana bukanlah menjadi amalan kita agar Kertas Putih Pertahanan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, negara telahpun mempunyai Dasar Pertahanan yang mana telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2006. Kementerian Pertahanan kini sedang dalam proses menyediakan dokumen terbuka mengenai Dasar Pertahanan untuk makluman awam. Di antara lain, dokumen ini akan menyentuh prinsip-prinsip asas pertahanan, kepentingan strategik negara, persekitaran keselamatan serantau, konsep pertahanan dan hubungan kerjasama pertahanan dengan negara-negara lain.

No.Soalan : 57

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN
(JEMPOL)**

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

Soalan: : Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan untuk meningkatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat; dan
- b) Sejauh manakah Rukun Negara dihayati dan diamalkan oleh rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

a). Tindakan Kerajaan Untuk Meningkatkan Perpaduan Rakyat

Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan secara berterusan oleh kerajaan untuk meningkatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat di Negara ini. Antara usaha-usaha yang dijalankan atas inisiatif Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan sekongan dan kerjasama kementerian-kementerian lain dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) melalui pendekatan-pendekatan yang lebih berstrategik dan bersistem adalah seperti berikut:-

i) Melaksanakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PTPNIN) bagi tempoh lima tahun mulai dari tahun 2006 - 2010.

Pelan ini menggariskan 19 strategi utama yang meliputi, antara lain, bidang pendidikan, sukan, kebudayaan, keharmonian, agama, Rukun Negara dan patriotisme, ekonomi, rukun tetangga dan integrasi wilayah. Strategi ini diterjemahkan dalam bentuk program dan aktiviti yang melibatkan 36 agensi

kerajaan, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan.

ii) Melaksanakan Pelan Tindakan Lima Tahun Rukun Tetangga bagi tempoh 2006 -2010.

Pelan ini dijadikan asas penting di dalam strategi untuk membudayakan perpaduan dalam masyarakat melalui institusi Rukun Tetangga. Pelbagai program dan aktiviti yang telah dan sedang dianjurkan oleh institusi ini melibatkan ahli-ahli masyarakat setempat di peringkat akar umbi yang terdiri dari pelbagai kaum. Program-program yang dianjurkan meliputi bidang-bidang keselamatan -- melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS) - - kejiwaan, sukan, kebudayaan, kesihatan dan sebagainya.

iii) Memupuk Persefahaman dan Keharmonian antara Agama.

Kaedah ini direalisasikan melalui penglibatan pertubuhan-pertubuhan pelbagai penganut agama dalam aktiviti dialog, perbincangan bagi mencari jalan

penyelesaian terbaik ke atas sesuatu isu yang menyentuh hal-hal berkaitan dengan agama masing-masing. Perbincangan ini disertai oleh wakil-wakil dari agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha, Tao dan Sikh.

iv) Mengukuhkan Pemahaman dan Penghayatan Prinsip-Prinsip Rukun Negara berasaskan Perlembagaan Persekutuan.

Pendekatan ini lebih banyak ditumpukan kepada pelajar-pelajar sekolah dan Institut Pengajian Tinggi dengan memberi penjelasan tentang nilai-nilai positif Rukun Negara serta kaitannya dengan Perlembagaan Persekutuan. Bagi tujuan tersebut, Kelab-Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat- Sekretariat Rukun Negara (SRN) telah ditubuhkan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi (IPT).

v) Pendidikan Perpaduan

Menyedari hakikat bahawa perpaduan hendaklah diterapkan di kalangan pelajar di peringkat pra-sekolah, maka Kerajaan melalui JPNIN telah menubuhkan

Tabika-Tabika Perpaduan di seluruh Negara. Peserta-peserta tabika ini terdiri dari murid-murid pelbagai kaum yang didedahkan dengan pelbagai adat resam, bahasa pertuturan, agama, makanan dan lain-lain.

b). Penghayatan dan Amalan Rukun Negara oleh Rakyat

Lima Prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara itu mempunyai nilai-nilai murni yang berdasarkan agama-agama utama dan asas Perlembagaan Persekutuan. Jika nilai-nilai positif ini difahami, dihayati dan diamalkan sepenuhnya dalam kehidupan seharian masyarakat di Negara ini tanpa mengira bangsa, anutan agama dan latar belakang masing-masing, kerajaan yakin dan percaya bahawa akan wujudlah masyarakat yang hidup dalam suasana harmoni, selamat dan selesa.

Walaupun demikian, hakikatnya, tidak semua individu yang juga ahli masyarakat itu berjaya sepenuhnya mengamalkan nilai-nilai murni tersebut walaupun mereka sebenarnya faham dan tahu bahawa nilai-nilai itu amat baik. Pelbagai faktor yang menyebabkan ianya terjadi sedemikian, antaranya disebabkan oleh keadaan persekitaran yang mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku mereka yang ada

hubungkaitnya dengan faktor ekonomi, pendidikan, politik, institusi keluarga dan faktor perhubungan sosial

Walaupun belum ada kajian khusus yang dijalankan bagi melihat sejauh mana rakyat menghayati dan mengamalkan Rukun Negara, tetapi berasaskan kepada pemerhatian ke atas pemikiran dan tingkahlaku masyarakat, harus diakui bahawa masyarakat belum sepenuhnya mengamalkan Rukun Negara tersebut secara total. Oleh itu, kadar jenayah, masalah sosial, penyalahgunaan dadah dan gejala-gejala sosial terus meningkat.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan terus meningkatkan usaha menerapkan nilai-nilai positif ini melalui institusi-institusi pendidikan yang meliputi pendidikan di peringkat pra-sekolah, persekolahan rendah dan menengah hinggalah ke peringkat tinggi melalui KRN dan SRN, seperti yang disebut di atas.

Meningkatkan promosi pendidikan dan penghayatan Rukun Negara oleh beberapa agensi kerajaan yang disiarkan melalui media cetak dan elektronik juga boleh membantu dan memandu masyarakat ke arah pengamalan dan penghayatan nilai-nilai ini.

Segala usaha ini tidak akan berjaya jika setiap individu dan badan bukan kerajaan (NGO) tidak turut menyokong dan memainkan peranan masing-masing. Usaha ini sepatutnya juga bermula dari institusi keluarga kerana semua nilai yang terkandung di dalam Rukun Negara itu merupakan nilai-nilai positif kehidupan seharian masyarakat yang seharusnya diamalkan sepenuhnya.

Faktor perjuangan dan fahaman politik yang berbeza di Negara ini kadangkala juga menyumbang kepada menipisnya penghayatan dan semangat patriotism masyarakat. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa pemimpin-pemimpin politik patut menyokong usaha-usaha untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan Rukun Negara ini kerana matalamat akhirnya adalah untuk kedaulatan dan perpaduan negara.

NO SOALAN: 58.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN :

YB Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status kes rasuah yang melibatkan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ali Rustam sehingga kini.

JAWAPAN

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

SPRM ada menjalankan 2 kes siasatan terhadap pihak-pihak tertentu yang dikatakan terlibat dalam pemberian wang rasuah dengan tujuan mencalonkan Datuk Seri Ali Rustam sebagai Timbalan Presiden UMNO pada Persidangan UMNO Bahagian Rendang yang diadakan pada 8 November 2008. Kedua-dua kes siasatan telah diselesaikan dan Kertas Siasatan telah dikemukakan kepada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM untuk keputusan dan arahan lanjut. Satu lagi siasatan ialah terhadap tohmahan mengenai pemberian sogokan kepada Ketua Cawangan dan perwakilan UMNO Cawangan Rendang untuk menyokong dan mengundi Datuk Seri Ali Rustam sebagai Timbalan Presiden UMNO diputuskan NFA (No Further Action) dan ditutup pada 25/5/2009.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)**

TARIKH : 16.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah yang diambil untuk meningkatkan disiplin dan memperbaiki tingkah laku murid-murid sekolah rendah dan menengah dan adakah Kerajaan membenarkan guru untuk merotan murid.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat memandang serius terhadap masalah disiplin yang melibatkan murid sekolah. KPM mengakui walaupun pelbagai kaedah dilakukan untuk menangani masalah disiplin murid ini, kejadian salah laku tersebut masih berlaku. Sehubungan itu KPM bersetuju agar pendekatan secara holistik digunakan iaitu dengan melibatkan pelbagai pihak termasuk ibu bapa dalam membendung masalah tersebut. Ini disebabkan faktor yang mempengaruhi salah laku tersebut adalah pelbagai dan tidak hanya berpunca daripada sekolah sahaja.

Pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh KPM dalam membendung salah laku murid. Antaranya;

1. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 khususnya terhadap tatacara hukuman terhadap

murid yang melakukan kesalahan disiplin oleh pihak sekolah. Nasihat dan bimbingan sentiasa diberi kepada sekolah agar tindakan yang dibuat adalah betul dan tidak mendatangkan isu ketidakpuasan kepada pihak awam khususnya ibu bapa. Ini termasuklah pematuhan Pekeliling-Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa;

2. Melaksanakan **Program Jati Diri** kepada murid yang telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah khususnya terhadap tindakan buang, gantung sekolah serta kepada murid yang telah dikenakan tindakan kerana melakukan kesalahan berat yang lain;
3. Melaksanakan **Kursus Literasi Undang-Undang kepada Guru Disiplin seluruh negara**;
4. Melaksanakan **Kursus Pengurusan Emosi** kepada guru disiplin;
5. Kempen menerusi media massa seperti **Media Radio digunakan** (Era FM, Sinar FM, X-fresh FM, Hot FM, KL FM dan Klasik FM);
6. Menyediakan '**Poster Anti Ponteng**', '**Poster Anti Buli**' dan '**Poster Pencegahan Seks Bebas**';
7. Melaksanakan Program Rintis ***Sistem Merit Demerit***;
8. Menggerakkan **Pasukan Petugas Anti Ponteng**. Program ini akan dimantapkan lagi menerusi **Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD)**;
9. Menggerakkan **program keibubapaan kepada anggota PIBG**;
10. Menggerakkan **program khas bersama PDRM di setiap negeri**; dan

11. Pelaksanaan rintis program Piawaian Keselamatan Sekolah dengan menfokuskan kepada lima aspek iaitu Pengurusan Aktiviti Murid, Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Krisis dan Bencana, Pengurusan Keselamatan Infrastruktur Sekolah, Pengurusan Keselamatan Dalam Menangani Gejala Sosial dan Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Risiko.

KPM berharap semua langkah yang diambil dapat menangani masalah disiplin yang berlaku. Namun kerjasama dari pelbagai pihak amat diperlukan dalam memastikan masalah disiplin ini dapat dibendung.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2009 SOALAN NO: 60

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan Bank Negara terhadap syarikat kad kredit yang telah melanggar Garis Panduan Bank Negara atas Kad Kredit dan apakah keputusan Bank Negara mengenai aduan yang telah dibuat terhadap MBF Cards (M'sia) Sdn Bhd atas kesalahan pelanggaran klause 15 garis panduan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau pematuhan terhadap garis panduan yang dikeluarkan ke atas pengeluar kad kredit dari masa ke semasa. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan, Bank Negara Malaysia berhak untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas syarikat kad kredit terbabit di bawah kuasa yang

termaktub di dalam Akta Sistem Pembayaran 2003. Walau bagaimanapun, tindakan hanya akan diambil selepas kajian yang menyeluruh dilakukan ke atas ketidakpatuhan tersebut dan jenis tindakan yang diambil adalah bergantung kepada tahap ketidakpatuhan.

SOALAN NO.61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH

KAWASAN : JASIN

TARIKH : 16.06.2009 (SELASA)

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH (JASIN) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bagaimana kerajaan mengharmonikan antara dasar liberalisasi, perdagangan bebas dan dasar perlindungan seperti Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam proses liberalisasi, Kerajaan sentiasa memastikan supaya konsultansi diadakan dengan pihak-pihak tertentu terutamanya pihak swasta, agensi-agensi dan Kementerian-kementerian bagi mendapatkan input, panduan dan pendirian mengenai isu-isu berkaitan dengan sektor mereka.

2. Namun begitu, bagi menjaga kepentingan negara, Kerajaan akan sentiasa memastikan terdapat peruntukan langkah-langkah pelindung, dengan izin "*safeguard measures*", bagi melindungi industri tempatan daripada terjejas kesan daripada kemasukan import yang mendadak.

3. Terdapat juga beberapa perkara asas, yang tidak boleh ditolak ansur, atau dengan izin "*Non Negotiables*" bagi Malaysia seperti dasar dan peraturan yang melibatkan Dasar Ekonomi Baru dan agenda Bumiputera, kuasa Kerajaan atau dengan izin "*Sovereign rights*" untuk merumus dan melaksanakan dasar-dasar tertentu Negara, untuk kepentingan rakyat dan Negara. Di samping itu Kerajaan juga berhak untuk mengecualikan produk-produk tertentu dalam senarai sensitif dan dengan izin senarai '*exclusion*' untuk tujuan-tujuan tertentu, seperti objektif sosio ekonomi.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Objektif dasar liberalisasi dan dasar perdagangan bebas adalah untuk membuka akses pasaran luar yang lebih luas. Dengan pasaran yang lebih luas, eksport negara akan meningkat dan ini akan membangunkan industri pembuatan tempatan.

5. Melalui perdagangan bebas, komitmen untuk liberalisasi yang perlu dilaksanakan di bawah FTA adalah mengikut tempoh masa dan jadual yang telah dipersetujui. Tempoh masa ini memberi peluang

kepada industri-industri tempatan membuat persediaan untuk bersaing dengan produk-produk yang diimport. Persaingan seperti ini membolehkan syarikat-syarikat tempatan memperbaiki produktiviti dan juga kualiti produk. Melalui FTA juga, pengusaha dan pengilang tempatan boleh mengimport bahan mentah dengan kos yang lebih rendah dari rakan FTA untuk proses pengeluaran yang seterusnya. Apabila kos pengeluaran menjadi lebih rendah, produk tempatan akan mampu untuk bersaing di pasaran luar.

Tuan Yang Di Pertua,

Perdagangan bebas akan meningkatkan kerjasama ekonomi dan bina upaya, dalam pelbagai bidang. Ini termasuk:

- pembangunan dan pematuhan standard;**
- memperkukuhkan sistem tadbiran hak harta intelek;**
- prosedur kastam;**
- perdagangan elektronik;**
- pembangunan enterprise kecil dan sederhana (SME); dan**
- aspek-aspek sanitari dan faitosanitari, seperti untuk produk-produk pertanian.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH: 16 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [Gombak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan akibat kelembapan ekonomi global yang dialami pada masa kini, terutamanya di sektor pembuatan yang menyaksikan peningkatan bilangan pekerja yang diberhentikan.

PR-022-L19672

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sektor pembuatan merupakan sektor yang mencatatkan pemberhentian kerja yang tertinggi kesan daripada kelembapan ekonomi global yang bermula sejak bulan Oktober 2008. Tindakan pemberhentian pekerja terpaksa diambil oleh majikan bagi mengurangkan kos operasi dan mengekalkan daya saing syarikat.

Bilangan pekerja yang diberhentikan dalam semua sektor dari 1 Oktober 2008 hingga 15 Jun 2009 adalah seramai 37,214 orang dan daripada jumlah tersebut bilangan yang diberhentikan bagi sektor pembuatan ialah 29,335.

Dalam usaha membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) di bawah pakej rangsangan ekonomi pertama dan kedua sedang melaksanakan Program *Train and Place* bagi membantu golongan pekerja yang diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru.

Di bawah program *Train and Place*, sehingga 15 Jun 2009 KSM telah melantik 182 penyedia latihan untuk melaksanakan program latihan dalam pelbagai bidang kemahiran bagi meningkatkan lagi kompetensi dan kemahiran kepada pekerja yang diberhentikan kerja. Penyedia latihan dipertanggungjawabkan untuk membuat penempatan pekerjaan kepada pelatih-pelatih berkenaan setelah mereka tamat mengikuti latihan dengan jayanya. Pelatih-pelatih yang mengikuti program ini, dibayar elaun sara hidup bulanan di antara RM500 sehingga RM800 bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh mereka. Selain daripada itu, yuran latihan, penginapan dan kemudahan yang berpatutan ditanggung oleh KSM.

KSM juga melaksanakan beberapa program lain seperti Program Penempatan Pekerja, Sistem Penjodohan Pekerjaan melalui *JobsMalaysia*, dan penempatan pekerjaan menerusi 80 Bilik Operasi Pemantauan. Hasil daripada perlaksanaan program-program tersebut termasuk program *Train and Place*, sehingga 15 Jun 2009, seramai 10,855 orang telah berjaya mendapat pekerjaan. Di samping itu, melalui program *self-employment* bilangan yang memilih untuk bekerja sendiri atau menjadi usahawan adalah seramai 395 orang.

KSM akan terus berusaha membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan akibat kelembapan ekonomi global yang dialami pada masa kini. Saya percaya beberapa pendekatan dan program yang telah dilaksanakan dapat membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan. Walaupun bilangan yang telah mendapat pekerjaan melalui program-program yang dilaksanakan adalah 37% bagi semua sektor, namun demikian jumlah tersebut akan meningkat apabila pelatih-pelatih yang sedang dan akan mengikuti program *Train and Place* menamatkan kursus mereka dan seterusnya dibuat penempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MASIR ANAK KUTAT
(SRI AMAN)
TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Masir Anak Kutat [Sri Aman] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah persempadanan semula kawasan parlimen yang sangat luas mempunyai tiga (3) kawasan ADUN seperti Sri Aman akan diadakan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan ini akan dibuat bersekali dengan jawapan kepada soalan nombor 34 pada 30 Jun 2009 oleh Y.B Dato Haji Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah kerana mempunyai persamaan.

Urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya adalah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berdasarkan kepada Peruntukan Fasal 2 (i) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Dalam melaksanakan urusan persempadanan, SPR membahagikan kawasan pilihan raya kepada tiga kategori, iaitu Bandar, Separuh Bandar dan Luar Bandar. Bagi Parlimen Sri Aman ia dikategorikan kepada separuh bandar yang pemilihnya berada dalam lingkungan 40,000 hingga 59,000 orang. SPR akan meneliti perkara ini berdasarkan pemilih yang terdapat dalam Parlimen Sri Aman dan memperakukan perubahan jika

perlu apabila tibanya masa untuk urusan persempadanan semula negeri Sarawak yang dijangka akan diadakan pada tahun 2013 nanti.

Bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah, urusan persempadanan terakhir ialah pada tahun 2003. Ini bermakna mengikut peruntukan Perkara 113(2) (ii) Perlembagaan Persekutuan urusan persempadanan secara rasmi boleh dimulakan pada tahun 2011.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 16 Jun 2009

SOALAN:

Tuan Charles Anthony a/l R.Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan akan diambil terhadap bekas Menteri Pengangkutan yang mengeluarkan empat surat sokongan kepada Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dan bekas pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang merangkap timbalan syarikat kontraktor PKFZ Wijaya Baru Global Bhd, Datuk Chor Chee Heung.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 10 Jun 2009, Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan pasukan petugas khas untuk mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) untuk tindakan susulan kerajaan berhubung laporan audit Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Pasukan petugas khas ini, yang dibentuk bersama-sama dengan

jawatankuasa tadbir urus korporat dan jawatankuasa eksekutif, mempunyai dua bulan untuk mengemukakan cadangan tersebut.

Pasukan petugas khas tersebut akan diketuai oleh peguam, Vinayak Pradhan, dari firma perundangan Skrine. Beliau akan dibantu oleh Lim Chee Wee, rakan kongsi Skrine, pengarah urusan PricewaterhouseCoopers Advisory Services (PwC), Chin Kwai Fatt, dan pengarah eksekutif kanan PwC Lim San Peen.

Jawatankuasa tadbir urus korporat pula akan diketuai oleh presiden Transparency-International Malaysia, Datuk Paul Low. Peranan jawatankuasa tadbir urus korporat ini adalah untuk menyelia semua isu tadbir urus bagi memastikan kesilapan yang telah dikenal pasti dalam laporan tidak berlaku lagi di masa depan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
[SRI GADING]
TARIKH : 16 JUN 2009
SOALAN :

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz (Sri Gading) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah kes kecuaiian yang dilaporkan oleh orang ramai terhadap hospital-hospital Kerajaan dan swasta dan apakah tindakan Kementerian untuk menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kes-kes kecuaiian yang dilaporkan di hospital kerajaan pada tahun 2000 hingga 2008 adalah berjumlah 144 kes. Terdapat peningkatan bilangan kes-kes kecuaiian yang dilaporkan dari tahun 2000 hingga 2008. Pada tahun 2000, terdapat 9 kes, tahun 2006 terdapat 17 kes, 2007 terdapat 27 kes manakala pada 2008 terdapat 55 kes. Untuk makluman, kes kecuaiian hospital swasta adalah dikendalikan oleh pihak pengurusan hospital swasta sendiri.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengurangkan kemalangan perubatan (*medical error/medical accident*) adalah sebagaimana berikut :

- i. mewujudkan Majlis Keselamatan Pesakit (*Patient Safety Council*) yang bertujuan untuk menjalankan aktiviti bagi memantau dan menyelaras aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan keselamatan pesakit di hospital ;
- ii. menyediakan garis panduan dan buku prosedur bagi hospital-hospital untuk menentukan tindakan yang perlu dilaksanakan dalam keadaan-keadaan tertentu.
- iii. memberikan perhatian kepada bidang-bidang tertentu seperti pemberian ubat, keselamatan perubatan, pemindahan darah, pengurangan kecuaiian dan mengurangkan infeksi dari hospital.
- iv. mengendalikan bengkel-bengkel dan seminar-seminar mengenai keselamatan pesakit bagi menyedarkan orang ramai/*stake holders* tentang keselamatan pesakit.
- v. bekerjasama dengan pihak hospital swasta dengan mengadakan pelbagai forum dan konvensyen berkaitan keselamatan pesakit.

Pada tahun 2009, sehingga 31 Mei, pihak Kementerian telah menerima sejumlah 135 aduan daripada orang ramai. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 23 aduan telah diterima berkaitan kecuaiian yang berlaku di hospital swasta di mana satu aduan telah diselesaikan.

Setiap kes kecuaiian yang dilaporkan terhadap hospital swasta akan diteliti oleh pihak Kementerian sama ada prosedur ketidakpuasan hati telah dijalankan oleh pihak hospital swasta yang terlibat. Sekiranya prosedur ketidakpuasan hati masih belum lagi dijalankan oleh pihak hospital bagi menyiasat kes yang dilaporkan, pihak hospital dikehendaki untuk menjalankan prosedur tersebut dan seterusnya menyediakan jawapan dalam tempoh sepuluh hari bekerja. Sekiranya pihak pelapor masih tidak berpuas hati, pihak Kementerian akan meneliti dan menyiasat kes ini seterusnya dan menyediakan laporan siasatan kepada pelapor.

Berdasarkan laporan siasatan sama ada yang dikemukakan oleh pihak hospital swasta atau yang dibuat oleh pihak Kementerian, sekiranya terdapat sebarang tindakan pembetulan dan penambahbaikan, ia akan disarankan kepada pihak hospital swasta. Bagi mana-mana hospital swasta yang enggan atau ingkar terhadap saranan Kementerian, tindakan seperti menggantung atau menarik balik lesen hospital swasta boleh diambil.

Bagi kes-kes yang melibatkan dakwaan kecuaiian pengamal perubatan, tiada tindakan boleh diambil ke atas pengamal perubatan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] mahu pun Akta Perubatan 1971. Pada kebiasaannya, pihak pelapor atau pengadu yang masih tidak berpuas hati boleh mengambil tindakan sivil.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHSIN FADZLI BIN
HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 16 JUN 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah peruntukan makanan dan pakaian yang diberikan kepada pelatih-pelatih PLKN.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap pelatih yang melapor di kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) akan diberi keperluan latihan dan pakaian seperti berikut:

PELATIH	JUMLAH ITEM	JUMLAH KOS / ORANG (RM)
Wira	31	595.84
Wirawati	33	597.48

Pada tahun 2008, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM46.1 juta untuk perolehan pakaian bagi kehadiran seramai 77,328 pelatih dan membelanjakan RM56.7 juta bagi seramai 95,192 pelatih yang dijangka hadir pada tahun 2009.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pertahanan telah menandatangani kontrak baru dengan Pengusaha Kem PLKN mulai 1 Januari 2009 dengan melaksanakan kadar sewaan perkhidmatan dan sajian

makanan yang baru. Kadar baru sajian makanan bagi pelatih-pelatih di kem PLKN seluruh negara adalah seperti berikut:

Negeri	Kadar Sajian Makanan Sehari/Seorang (RM)
Semenanjung Malaysia	20.50
Pulau Langkawi	20.78
Sabah/Sarawak	24.55

Jumlah peruntukan tahunan bagi perkhidmatan sajian dan makanan pelatih-pelatih PLKN yang telah diluluskan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah sebanyak RM165.87 juta.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)**

TARIKH : 16.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah projek pembinaan SMK Serian No. 11 dijangka bermula. Juga, sila nyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mendirikan sebuah sekolah baru bagi menggantikan SK St. Teresa, Serian.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Projek Sekolah Menengah Kebangsaan Serian No. 2 tersenarai dalam RMKe-9 sebagai projek baru. Skop projek yang dicadangkan adalah pembinaan 36 Bilik Darjah, Asrama dan Rumah Guru. Pada masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang dalam proses akhir untuk menawarkan kontrak kepada syarikat yang terpilih. Justeru, adalah dijangkakan projek ini akan memulakan pembinaan selewat-lewatnya pada bulan Ogos 2009.

Pada masa ini, Kementerian tiada cadangan untuk menggantikan SK St. Teresa dalam RMKe-9.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penjelasan Kerajaan terhadap kecuaiian pengendalian pindaan Akta SUHAKAM yang menyebabkan akta tersebut perlu dipinda sekali lagi pada sesi Parlimen Jun 2009, sedangkan SUHAKAM diberi masa setahun untuk menjawab kenapa badan tersebut tidak harus di "*downgrade*" kan A ke B.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masing pada 25 Mac 2009 dan 8 April 2009 dipinda berdasarkan laporan pihak *International Coordinating Committee of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights* (ICC) yang berpendapat bahawa SUHAKAM tidak menepati Prinsip-Prinsip Paris sepenuhnya atas sebab-sebab berikut:

- (i) peruntukan mengenai proses pelantikan dan pemecatan anggota Suruhanjaya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 597 adalah tidak jelas dan telus;

- (ii) keperluan pengetahuan atau pengalaman berhubung hak asasi manusia tidak diletakkan sebagai kriteria bagi pelantikan seseorang anggota Suruhanjaya;
- (iii) tiada peruntukan dalam Akta 597 berhubung penyertaan organisasi awam dan pihak lain dalam proses pelantikan dan pencalonan anggota Suruhanjaya; dan
- (iv) tiada jaminan diberikan dalam memegang jawatan sebagai anggota Suruhanjaya berikutan kepada tempoh terhad dua tahun yang telah ditetapkan.

Pada 26 Mac 2009, SUHAKAM telah memaklumkan ICC berhubung tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam usaha mempertahankan status "A" SUHAKAM. Kerajaan berharap bahawa pindaan terhadap Akta 597 akan memberikan kesan positif dalam meningkatkan ketelusan dalam pelantikan anggota Suruhanjaya. Pada masa yang sama, dengan pelantikan anggota SUHAKAM yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hak asasi manusia,

maka usaha Kerajaan untuk mempromosi hak asasi manusia diharapkan akan tercapai.

Walaupun bagaimanapun pada 27 April 2009, Kerajaan telah dimaklumkan oleh SUHAKAM bahawa ICC masih tidak berpuas hati dengan pindaan pada Akta 597 dan telah membangkitkan persoalan-persoalan seperti berikut:

- i. Walaupun proses pelantikan telah diperkemas namun penglibatan orang awam/*civil society* tidak dinyatakan dengan jelas; dan
- ii. Perincian lanjut mengenai indikator yang akan digunakan perlu diperjelaskan dan dimaklumkan kepada masyarakat.

Pada 28 April 2009, Y.B. Dato' Seri Mohammed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mempengerusikan mesyuarat bagi membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh SCA dan memutuskan bahawa Rang Undang-Undang SUHAKAM Pindaan 2009 [Akta A1353] akan dipinda sekali lagi.

Dengan pindaan ini, 3 orang yang terkemuka yang menjadi anggota kepada Jawatankuasa Pelantikan akan digantikan dengan 3 orang anggota daripada *civil society* yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia. Tatacara pelantikan anggota Suruhanjaya pula akan dilaksanakan melalui Peraturan-Peraturan yang akan digubal di bawah Akta 597. Kriteria pelantikan dan petunjuk-petunjuk prestasi utama bagi menilai anggota Suruhanjaya akan dimaklumkan kepada orang awam melalui pengeluaran garis panduan atau pekeliling.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]
TARIKH : 16 JUN 2009
RUJUKAN : 1772

SOALAN:

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Daerah Limbang masih dijadikan tempat Pembuangan Daerah untuk pesalah/penjenayah sedangkan perkara ini mendapat bantahan dari rakyat di kawasan kerana secara tidak disedari pesalah/penjenayah ini boleh mempengaruhi belia-belia dan remaja-remaja tempatan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Lawas bertarikh 25 Jun 2009, kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Lawas yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Perintah Sekatan yang telah dikeluarkan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, Akta Kediaman Terhadap 1933, Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, adalah tindakan yang bertujuan untuk menyekat dan mengawal-selia setiap pergerakan serta aktiviti seseorang di satu kawasan terhad.

Perintah Sekatan adalah satu pendekatan berbentuk pemulihan dan bukannya suatu hukuman. Tujuan dikenakan Perintah Sekatan adalah untuk memindahkan seseorang itu dari tempat, persekitaran dan pengaruh rakan-rakan sejenisah agar beliau boleh dikawal daripada terus menerus terlibat dalam kegiatan yang melanggar undang-undang dan berpeluang memulakan hidup baru.

Tindakan Perintah Sekatan adalah didapati masih relevan dan berkesan kerana setiap pergerakan subjek akan dipantau secara menyeluruh di sesuatu kawasan yang terhad. Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menghentikan Perintah Sekatan ini.

Tuan Yang Dipertua,

Penetapan daerah bagi seseorang subjek menjalani Perintah Sekatan adalah berdasarkan beberapa faktor. Tempat yang ditetapkan hendaklah berjauhan dari tempat subjek melakukan aktiviti jenayahnya dahulu serta jauh dari pengaruh rakan-rakan sejenayahnya. Tiada sebarang daerah yang diberikan keutamaan atau pun pengecualian di dalam menentukan tempat sekatan.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2009

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
(JERAI)**

TARIKH : **16.06.09**

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan Kementerian untuk projek-projek infrastruktur bagi negeri Kedah untuk tahun 2008 dan 2009 dan menyenaraikan projek-projek meliputi semua jenis prasarana yang telah diluluskan bagi daerah Kuala Muda dan Daerah Yan untuk tahun 2008 dan 2009.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah memperuntukkan sejumlah RM109.92 juta pada tahun 2008 dan sejumlah RM111.67 juta pada tahun 2009 untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur bagi negeri Kedah. Agihan peruntukan adalah seperti berikut:

Program	Peruntukan 2008 (RM juta)	Peruntukan 2009 (RM juta)
Projek Jalan Kampung(PJK)	11.97	11.26
Jalan Luar Bandar (JALB)	87.06	73.87
Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	7.94	23.29
Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)	-	0.25
Program Ameniti Sosial (PAMS)	2.95	3.00
JUMLAH	109.92	111.67

Bagi daerah Kuala Muda, Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM11.31 juta pada tahun 2008 dan sejumlah RM20.69 juta pada tahun 2009. Agihan peruntukan adalah seperti berikut :-

Program	Peruntukan 2008 (RM)	Peruntukan 2009 (RM)
Projek Jalan Kampung(PJK)	600,000	1,400,000
Jalan Luar Bandar (JALB)	10,400,000	17,890,119
Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	15,000	1,000,000
Program Ameniti Sosial (PAMS)	294,000	400,000
JUMLAH	11,309,000	20,690,119

Bagi daerah Yan, Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM0.76 juta pada tahun 2008 dan sejumlah RM22.18 juta pada tahun 2009. Agihan peruntukan adalah seperti berikut :-

Program	Peruntukan 2008 (RM)	Peruntukan 2009 (RM)
Projek Jalan Kampung(PJK)	633,000	700,000
Jalan Luar Bandar (JALB)		21,000,000
Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	60,000	286,627
Program Ameniti Sosial (PAMS)	71,000	200,000
JUMLAH	764,000	22,186,627

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUHAMAD SHAHRUM
BIN OSMAN [LIPIS]

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DATO' DR. MUHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]
MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan sejauh manakah
tahap pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf jalan dari Kampung
Relong, Lipis menghala ke sempadan Gua Musang, Kelantan

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan Projek Menaiktaraf Jalan Laluan 8 Dari Kg. Relong, Pahang Ke Gua Musang, Kelantan ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia ke 9 (RMKe9) dengan siling peruntukan berjumlah RM107.5 juta. Skop projek ini adalah menaiktaraf jalan sedia ada sepanjang 98.5 Km berasaskan *2-lane single carriageway with paved shoulder* mengikut piawaian JKR R5. Dalam melaksanakan projek ini JKR telah membahagikannya kepada 8 segmen. Berdasarkan kepada siling peruntukan yang ada pihak kementerian hanya mampu melaksanakan kerja-kerja pembangunan pada segmen 5 dan kerja-kerja rekabentuk pada baki segmen yang lain. Perincian status semasa bagi pelaksanaan setiap segmen projek ini adalah seperti berikut:

1. Segmen 1 hingga 4, 6 dan 8, kerja-kerja rekabentuk awalan telah disiapkan.
2. Segmen 7, kerja-kerja rekabentuk terperinci telah siap ; dan
3. Segmen 5, sedang dalam peringkat pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status semasa kemajuan fizikal bagi Segmen 5 adalah 15% berbanding jadual 10% iaitu pembinaan mendahului jadual sebanyak 5% atau awal 45 hari.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki ekonomi Malaysia berdasarkan kenyataan yang diberikan kepada wartawan di Singapura bahawa *'The traditional way of imposing quotas, for example, and equity restrictions, seems to be hampering restriction and growth'*.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Kegawatan ekonomi global telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walaupun Malaysia mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2008 iaitu 4.6 peratus, suku pertama tahun 2009 telah menyaksikan kadar pertumbuhan negatif iaitu -6.2 peratus. Bagi tahun 2009, ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan negatif iaitu antara -4.0 hingga -5.0 peratus. Dalam usaha merangsang ekonomi negara, Kerajaan telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dengan peruntukan berjumlah RM7 billion dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua berjumlah RM60 billion. Adalah diharapkan suntikan dana ke dalam ekonomi melalui kedua-dua pakej tersebut mampu merancakkan kembali aktiviti ekonomi bagi mencapai kadar

pertumbuhan yang lebih baik khususnya dalam suku ketiga dan keempat tahun ini.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk mengkaji semula keberkesanan beberapa instrumen penyusunan semula sebagai respon kepada dakwaan bahawa sesetengah instrumen penyusunan semula menghalang pertumbuhan ekonomi. Selaras dengan ini, Kerajaan telah mengumumkan liberalisasi sektor perkhidmatan yang melibatkan 27 sub sektor bagi menarik lebih banyak pelaburan dan seterusnya memperkukuhkan daya saing sektor tersebut. Selain itu, liberalisasi sektor kewangan juga telah diumumkan bertujuan meningkatkan peranan sektor kewangan sebagai pemangkin utama pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan juga pada masa ini sedang meneliti semula Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) untuk mempermudah lagi kemasukan pelaburan sektor swasta dalam ekonomi. Langkah-langkah tersebut adalah sebahagian daripada usaha berterusan pihak Kerajaan memulihkan ekonomi negara bagi mencapai kadar pertumbuhan yang lebih baik pada masa hadapan.

NO.SOALAN : 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]
TARIKH : 16 Jun 2009
SOALAN : Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah spesifik yang sedang dan akan diambil dalam dua tahun ini di bidang politik, sosioekonomi dan pelajaran untuk meyakinkan rakyat bahawa dasar Kerajaan dan pelaksanaannya selaras dengan perjanjian perjuangan "1 MALAYSIA" oleh Perdana Menteri.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan dalam 2 tahun yang akan datang untuk menterjemah dan merealisasikan gagasan 1Malaysia adalah seperti berikut.

Dalam bidang politik dan pentadbiran, sekurang-kurangnya dua (2) langkah sedang dan akan dilaksanakan dengan giatnya, iaitu,

- (a) penyebaran konsep 1Malaysia secara meluas supaya dapat dihayati oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya para pemimpin politik, pentadbiran dan masyarakat, supaya terus berusaha memupuk perpaduan antara kaum, melayani semua

rakyat secara adil, khasnya mereka yang memerlukan pembelaan, di samping menerima dan menghormati kepelbagaian dari segi kebudayaan sebagai satu kekuatan dan kelebihan;

- (b) memperkenalkan dan mengamalkan pengurusan prestasi dengan kaedah Penunjuk Prestasi Utama ("*Key Performance Indicators*" atau KPI) secara berkesan untuk meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan awam dan pelaksanaan projek-projek pembangunan supaya semua kumpulan sasaran dan semua rakyat dapat menikmati hasil pembangunan.

Dalam bidang ekonomi, langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan termasuklah peningkatan daya saing ekonomi negara melalui liberalisasi sektor-sektor ekonomi yang berkenaan untuk menjana dan menarik lebih banyak pelaburan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan lagi pendapatan rakyat jelata, supaya negara kami berjaya beralih dari negara "*middle-income*" ke "*high-income*".

Dalam bidang sosial, pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sosial akan memberi tumpuan yang lebih khusus kepada golongan-golongan masyarakat yang serba kekurangan (*disenfranchised*), kurang bernasib baik (*disadvantaged*) atau terpinggir, di samping menangani gejala-gejala sosial dan memperkasakan kumpulan-kumpulan tersebut melalui program-program pendidikan, kesihatan

dan kebajikan supaya membolehkan mereka menyertai proses pembangunan sosio-ekonomi secara lebih bermakna, berkesan dan berhasil.

Dalam bidang pendidikan pula, langkah-langkah akan terus diambil untuk mempertingkatkan lagi mutu pendidikan di semua peringkat, memberi biasiswa dan bantuan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dan yang memerlukannya, serta meningkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan corak minda (*mindset*) yang bersesuaian dengan masyarakat berasaskan pengetahuan.

Langkah-langkah spesifik yang lain sedang dibincang dan dirancang oleh Kementerian-Kementerian dan agensi-agensinya yang berkenaan, berdasarkan kepada maklumbalas dan sumbangan idea-idea dari mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang relevan.

Adalah diharapkan bahawa dengan komitmen yang kukuh, usaha yang gigih dan pendekatan yang kreatif, maka gagasan 1Malaysia sebagai sasaran untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu-padu dan maju dapat dicapai, selaras dengan Wawasan 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR LEE BOON CHYE
[GOPENG]
TARIKH : 16 JUN 2009
SOALAN :

Dr Lee Boon Chye (Gopeng) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jangka masa untuk menunggu pembedahan jantung secara elektif di Hospital Pulau Pinang, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan Institut Jantung Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Jangka masa menunggu pembedahan jantung secara elektif di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru mengikut kes adalah sebagaimana berikut :

- i. Bagi kes-kes kongenital dewasa, masa menunggu di Hospital Pulau Pinang adalah dalam tempoh 1- 3 bulan manakala di Hospital Sultanah Aminah pula tempohnya adalah di antara 2 - 3 bulan.

- ii. Bagi kes-kes pembedahan Injap, masa menunggu di Hospital Pulau Pinang adalah sebulan manakala di Hospital Sultanah Aminah 3 -4 bulan.
- iii. Bagi kes-kes pembedahan pintasan jantung (*Coronary By-pass* atau *CABG*), masa menunggu di Hospital Pulau Pinang adalah 1-3 bulan manakala di Hospital Sultanah Aminah pula adalah di antara 2 - 3 bulan.
- iv. Bagi kes-kes pembedahan jantung kanak-kanak (bukan kompleks) pula, masa menunggu di Hospital Pulau Pinang adalah melebihi setahun tetapi di Hospital Sultanah Aminah, ia hanya mengambil masa selama 3 bulan
- v. Bagi kes-kes pembedahan torasik, tiada masa menunggu di Hospital Pulau Pinang manakala di Hospital Sultanah Aminah tempoh menunggu adalah di antara 1 - 2 bulan.

Masa menunggu di Institut Jantung Negara pula adalah sebagaimana berikut :

- i. Bagi kes-kes Pintasan Jantung, tempoh menunggu adalah di antara 1 - 9 bulan
- ii. Bagi kes-kes pembedahan jantung kanak-kanak yang tahap kesukarannya ringkas dan sederhana, masa menunggu adalah di antara 10 - 11 bulan manakala bagi tahap yang lebih yang kompleks, masa menunggunya adalah melebihi daripada setahun.

NO. SOALAN : 75

SOALAN NO : 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta PERDANA MENTERI menyatakan masih ada tawaran kerja sektor awam berstatus sambilan atau kontrak yang dilihat tidak membantu ke arah membela golongan pekerja yang diberhentikan serta golongan penganggur.

NO. SOALAN

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan kontrak atau sambilan dilaksanakan di agensi-agensi Kerajaan bagi melaksanakan tugas yang tempoh perkhidmatannya adalah terhad atau bagi menyelesaikan sesuatu projek sehingga projek berkenaan selesai. Selain itu, pelantikan seseorang anggota sama ada secara kontrak atau sambilan, juga dibuat untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu, yang tidak boleh dibuat lantikan tetap.

Pelantikan secara kontrak atau sambilan secara tidak langsung memberikan pengalaman serta latihan kepada anggota berkaitan dan ia dapat dijadikan kelebihan bagi memohon dan mendapatkan jawatan-jawatan tetap.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : NO.77

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah tunggakan bayaran peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan adakah Kerajaan bercadang menambah jumlah pinjaman yang diberi kepada peminjam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2009, jumlah tunggakan pinjaman PTPTN yang belum dibuat bayaran balik adalah sebanyak RM1.3 bilion yang melibatkan 163,998 akaun pinjaman.

Mulai 1 Mac 2007, PTPTN telah menaikkan jumlah pembiayaan di IPTS bagi pengajian peringkat Diploma daripada maksima RM5,000 kepada RM8,000 setahun dan Sarjana Muda Perubatan daripada RM20,000 kepada RM30,000 setahun. PTPTN juga telah memperluaskan skop pembiayaan di IPTA iaitu kepada pengajian peringkat Sarjana, Doktor Falsafah dan kursus Profesional serta

kepada pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan Sarjana Muda secara separuh masa dan jarak jauh.

Justeru, PTPTN tidak bercadang untuk menaikkan jumlah pembiayaan kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPT ketika ini disebabkan peruntukan yang terhad. Kenaikan jumlah pembiayaan juga akan meningkatkan ansuran bayaran balik pinjaman yang mana boleh membebankan peminjam dan menjejaskan keupayaan bayaran balik pinjaman.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN:

YB TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang meminda Artikel 3 dipinda dengan menambah perkataan “Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya”; dan
- (b) adakah Kerajaan bersetuju dengan kenyataan bahawa Malaysia adalah negara sekular. Apakah rasional Kerajaan menyatakan Malaysia negara Islam.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 3 kekal seperti peruntukan sedia ada.

Malaysia ialah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyebut bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Malaysia juga telah ditubuhkan berasaskan Kerajaan Islam Kesultanan Melayu dan Raja-raja Melayu merupakan Ketua Agama Islam bagi Negeri masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

Keadaan di Malaysia ini berbeza dengan negara sekular yang tidak mengenal pasti sesuatu agama sebagai agama rasmi tetapi rakyatnya dibenarkan untuk mengamalkan agama masing-masing. Dalam fahaman sekular, agama adalah terpisah dan merupakan amalan peribadi seseorang.

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan meletakkan asas yang kukuh kepada beberapa peruntukan lain dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 3 tidak berdiri sendiri dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia diperkukuh oleh Fasal (4) Perkara 11 [berkenaan dengan penyekatan pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan penganut agama Islam oleh undang-undang Negeri atau persekutuan], Fasal (2) Perkara 12 [tentang hak berkenaan pendidikan, di mana sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan yang perlu], Fasal (1A) Perkara 121 [bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah], butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan [yang antaranya termasuk hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam dan mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam] dan ikrar Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat. Semua peruntukan tersebut jelas memperkukuh kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

Selain itu, ikrar Yang di-Pertuan Agong ketika ditabalkan sebagai pemerintah tertinggi Negara menyebut bahawa baginda berikrar dan mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara agama Islam pada setiap masa.

Sekian. Terima kasih.

79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)
TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN NO: 79

Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar terdapat lebih kurang 4 ribu persatuan belia tetapi cuma mempunyai 300 ribu ahli dan bagaimana Kementerian:-

- A. boleh menarik minat belia menyertai persatuan belia dan aktif dalam persatuan belia; dan
- B. bagaimana Kementerian boleh memperkasa Jabatan Belia dan Sukan di peringkat daerah supaya lebih aktif.

JAWAPAN :

(A)

1. Langkah-langkah yang telah dirancang oleh Kementerian untuk menarik minat belia menyertai persatuan belia dan aktif dalam persatuan belia ialah:
 - (i) **Memperkasakan persatuan-persatuan belia** melalui penganjuran program. Persatuan-persatuan belia akan menguruskan sendiri program mengikut kehendak dan keperluan belia masa kini. Namun, pelaksanaan program adalah berlandaskan kepada garis panduan yang ditetapkan;
 - (ii) Melaksanakan **Program Pengupayaan Pertubuhan Belia 2009**. Setiap pertubuhan belia yang telah berdaftar dengan Pejabat Pendaftar

Pertubuhan Belia (PPPB) akan menerima bantuan kewangan sebanyak RM3,000.00 di peringkat cawangan/kelab, RM4,000.00 di peringkat daerah/kawasan serta RM5,000.00 di peringkat negeri. Bantuan ini adalah bertujuan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang bagi memenuhi kehendak dan cita rasa golongan belia itu sendiri. Sementara itu, bagi persatuan belia yang baru didaftarkan akan diberi insentif galakan penubuhan sebanyak RM1,000.00; dan

- (iii) Melaksanakan program **“Satu Komuniti Satu Persatuan”**. Program ini bertujuan untuk mengaktifkan gerakan dan persatuan belia serta merealisasikan hasrat Kerajaan dan KBS bagi menarik belia seramai 1 juta orang (ahli baru) menyertai persatuan belia menjelang akhir tahun 2009.

(B)

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian untuk memperkasakan 116 buah Pejabat Belia dan Sukan di daerah/ bahagian/ kawasan:

1. Meningkatkan sistem penyampaian agar lebih berkesan melalui pendekatan **“Belia Sebagai Rakan dan Persatuan Sebagai Rakan Kongsi”**. Pendekatan ini juga diaplikasikan dalam menyediakan pelbagai program pembangunan Belia, Sukan dan Rakan Muda untuk dilaksanakan di peringkat daerah/ bahagian/ kawasan.
2. Menaik taraf perjawatan di peringkat daerah/ bahagian/ kawasan.
3. Kementerian juga dari masa ke semasa memantau prestasi pegawai-pegawai di semua peringkat termasuk menggalakkan para pegawai meningkatkan kemahiran dalam bidang masing-masing.

4. Untuk makluman, Kementerian baru sahaja menerima kelulusan daripada Jemaah Menteri untuk melantik seramai 222 orang Penggerak Belia Gred S27 berasaskan kontrak perkhidmatan (*contract for service*). Penggerak Belia ini akan ditempatkan di semua 222 kawasan Parlimen sebagai tenaga sokongan dan penyelaras kepada program-program pembangunan belia dan sukan di peringkat daerah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

TARIKH: 16 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) sejauh mana keberkesanan program Latihan dan Penempatan semula pekerja yang dibuang kerja dalam usaha mengurangkan pengangguran di seluruh negara; dan
- (b) impak terhadap industri pembuatan dan perladangan hasil daripada pemberhentian pekerja asing.

PR-022-L19888

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Sumber Manusia (KSM), bagi tempoh 1 Oktober 2008 sehingga 15 Jun 2009 bilangan pekerja yang diberhentikan secara tetap adalah seramai 28,338 pekerja yang meliputi 20,879 pekerja tempatan dan 7,459 pekerja asing. Jumlah pemberhentian secara sukarela (VSS) pula adalah seramai 8,876 pekerja yang meliputi 8,157 pekerja tempatan dan 719 pekerja asing.

KSM telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi untuk melaksanakan program Latihan dan Penempatan bagi pekerja yang diberhentikan kerja berikutan kelembapan ekonomi dunia. Antara objektif program ini adalah bagi memberi latihan kemahiran baru, meningkatkan tahap kebolehpekerjaan (*employability*) dan membantu dari segi penempatan pekerjaan.

Program latihan dilaksanakan oleh penyedia latihan yang dilantik oleh KSM dan antara syarat pelantikan adalah penyedia latihan dikehendaki membuat penempatan kepada peserta yang dilatih setelah mereka menamatkan latihan dengan jayanya.

Sehingga 15 Jun 2009, seramai 628 pekerja yang diberhentikan kerja sedang mengikuti pelbagai program latihan yang ditawarkan seperti *Certificate Program for Petrochemical, Sales & Tele-Marketing, Retail Management, Business Process Outsourcing, Web Design & Multimedia, Hospitality dan Beauty Therapy*.

Selain daripada itu, KSM juga menawarkan program Latihan dan Penempatan kepada graduan menganggur dan belia dalam pelbagai bidang. Sehingga 15 Jun 2009, seramai 649 graduan menganggur dan 1380 belia sedang mengikuti pelbagai program latihan yang disediakan. Sehingga kini, belum ada penempatan dibuat kerana peserta program masih belum menamatkan latihan yang mana tempohnya antara 3 hingga 6 bulan. Kementerian juga melaksanakan program penempatan semula (tanpa latihan) kepada pekerja yang telah diberhentikan melalui program-program penempatan pekerjaan yang diadakan di setiap daerah dan negeri pada setiap bulan. Program untuk membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan termasuk penempatan berjalan secara berterusan.

Sehingga 15 Jun 2009, Kementerian telah berjaya menempatkan semula 10,855 (37%) pekerja daripada jumlah 29,036 pekerja tempatan yang telah diberhentikan di dalam pelbagai kategori pekerjaan.

Sejak negara dilanda kelembapan ekonomi, bilangan pekerja asing yang diberhentikan dari 1 Oktober 2008 sehingga 15 Jun 2009 berjumlah 8,178 yang kebanyakannya berada di sektor pembuatan sedangkan jumlah sebenar pekerja asing disektor ini ialah 663,667 orang (statistik daripada Jabatan Imigresen pada 31 Januari 2009). Daripada angka ini menunjukkan bahawa kurang 1.2% pekerja asing di sektor pembuatan telah diberhentikan dan tidak memberi impak yang signifikan terhadap industri. Sementara itu, kadar pemberhentian pekerja asing yang dilaporkan bagi sektor peladangan dan pertanian adalah juga kecil iaitu kurang daripada 0.08%. Sehubungan itu, kedua-dua sektor ini tidak menerima kesan ketara akibat pemberhentian pekerja asing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NANCY BINTI
HAJI SHUKRI (BATANG SADONG)**

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri (Batang Sadong) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT** menyatakan status draf cadangan bengkel
anjaran Kementerian bersama dengan konsultan berhubung
dengan menempatkan 30 peratus wanita dalam kedudukan
membuat keputusan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Tindakan ke Arah Mencapai Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan adalah di peringkat akhir penyediaan dan akan dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Kerajaan dalam masa terdekat.

Penyediaan Pelan Tindakan yang komprehensif ini mengambil masa kerana ia melalui proses konsultasi yang menyeluruh dengan pihak yang berkepentingan seperti ahli Parlimen termasuk *Gender Caucus*, ahli Dewan Undangan Negeri, wakil kementerian/agensi Kerajaan, ahli akademik, wakil badan kehakiman dan wakil sektor swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Proses konsultasi ini meliputi sesi bengkel, seminar dan perbincangan kumpulan fokus (*focus group*) bagi memperolehi kerjasama daripada semua pihak untuk bersama-sama merangka Pelan Tindakan dan seterusnya komited untuk melaksanakannya dengan berkesan.

No: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L
MARIMUTHU [TELOK INTAN]**

TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2009 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 82

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR**
menyatakan :-

- (a) berapa kali bekalan elektrik tergendala di Teluk Intan untuk tempoh masa satu tahun yang lalu; dan
- (b) adakah Kementerian sedar penduduk Teluk Intan sering kali membuat aduan kepada wakil rakyat tentang perkhidmatan TNB yang kurang memuaskan dan apakah langkah-langkah untuk meningkat taraf dan mutu perkhidmatan TNB di Teluk Intan. -

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2008, sebanyak 1231 kali gangguan bekalan elektrik berlaku di Teluk Intan berbanding 914 kali gangguan pada tahun 2007. Pihak TNB akur bahawa bilangan gangguan bekalan elektrik

meningkat disebabkan bilangan gangguan pada paras voltan rendah (240V hingga 415V) bertambah dari 729 bagi tahun 2007 kepada 1092 bagi tahun 2008, iaitu peningkatan sebanyak 363 kerosakan atau 49.8%. Walau bagaimanapun, bilangan gangguan pada paras voltan sederhana (11kV hingga 33kV) telah menunjukkan penurunan sebanyak 24.9%, dari 185 pada tahun 2007 kepada 139 pada tahun 2008.

Mutu perkhidmatan bekalan elektrik dapat diukur melalui *System Average Interruption Duration Index (SAIDI)*, dimana indeks ini juga diamalkan oleh pembekal-pembekal utiliti utama dunia. Indeks ini mengukur purata tempoh gangguan yang dialami oleh setiap pengguna dalam setahun. Unit ukurannya adalah minit/pelanggan/tahun (*minutes/customer/year*).

Bagi Teluk Intan, prestasi daya harap bekalan elektrik amat memberangsangkan di mana petunjuk SAIDI menunjukkan penurunan dari 83.35 minit/pengguna/tahun pada 2007 kepada 64.11 minit/pengguna/tahun pada tahun 2008. Penurunan jumlah gangguan bekalan elektrik paras voltan sederhana menyumbang kepada penurunan jumlah SAIDI yang besar iaitu sebanyak 23.1%.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dengan aduan orang ramai mengenai tahap perkhidmatan TNB. Justeru itu, Kerajaan telah mempertingkatkan pemantauan terhadap TNB dalam melaksanakan kerja-kerja memperkukuhkan mutu bekalan elektrik secara berterusan bagi memenuhi keperluan pengguna.

Demi mempertingkatkan lagi mutu dan dayaharap bekalan elektrik kepada pengguna di Teluk Intan, pihak TNB telah memperuntukkan sebanyak RM15.9 juta pada tahun 2009 untuk melaksanakan beberapa projek peningkatan sistem bekalan elektrik seperti pembinaan pencawang pembahagian utama di Batu 12 yang akan meningkatkan prestasi bekalan elektrik di kawasan Air Hitam, Langkap, Batu 13 dan Batu 12 Jalan Bidor, menukar perkakas suis lama di pencawang elektrik 11kV, menukar sesalur atas voltan rendah tidak berteбат kepada sistem berteбат serta menambah alatubah di pencawang elektrik Kg. Padang Gertak. Bagi mempercepatkan proses memberi bekalan semula apabila berlaku gangguan, pihak TNB telah memasang satu unit penutup litar automatik di Selat Pulau, Kg. Gajah serta menggantikan kabel voltan tinggi bawah tanah kepada kabel sesalur atas berteбат di Bt.9, Jln Changkat Jong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak TNB juga telah membelanjakan lebih kurang RM5.5 juta sejak tahun 2007 sehingga sekarang untuk melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan seperti penyelenggaraan secara berjadual kepada sistem bekalan elektrik, mengganti pemasangan lama, penyelenggaraan lampu awam, kerja-kerja penyelenggaraan rentis talian atas voltan tinggi dan rendah, rondaan laluan kabel secara berkala bagi mencegah aktiviti pembinaan atau korekan oleh pihak ketiga.

Dengan langkah-langkah proaktif yang telah dan akan diambil pada masa kini serta perancangan pada masa hadapan, adalah diharapkan prestasi bekalan elektrik di Teluk Intan akan menjadi lebih berdayaharap dan berkualiti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
[SILAM]
TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha pihak kementerian untuk meningkatkan penglibatan pengusaha dan usahawan Islam dalam industri halal terutamanya di Sabah yang masih rendah berbanding usahawan bukan Islam meskipun industri berkenaan mempunyai pasaran masa depan yang cerah dengan pasaran halal dunia kini dianggarkan bernilai RM7.4 trilion setahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

1. Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan pengusaha dan usahawan dalam industri halal di Malaysia. Di antara langkah-langkah utama yang telah diambil oleh Kerajaan adalah menubuhkan Halal Industry

NO SOALAN: 108

Development Corporation atau HDC pada 18 September 2006 untuk memberikan tumpuan kepada pembangunan industri halal secara integrasi dan menyeluruh.

2. Sebagai langkah diperingkat awal, Seminar Pembangunan Industri Halal Nasional dimana maklumat-maklumat mengenai pembangunan industri halal dan peluang-peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan telah disampaikan. Usahawan-usahawan tempatan juga diberi peluang untuk berinteraksi dengan syarikat Multinasional untuk memperolehi maklumat daripada syarikat-syarikat berkenaan mengenai peluang-peluang serta kriteria untuk menjadi pembekal mereka.
3. Bahkan sebelum ini, usaha-usaha juga telah dijalankan oleh pihak JAKIM yang dahulunya melaksanakan Pensijilan Halal untuk meningkatkan penglibatan pengusaha dan usahawan Islam dalam industri halal Sabah.
4. Seminar Pembangunan Industri Halal Nasional HDC telah diadakan di 11 lokasi serata negara termasuk negeri Sabah pada 14 Januari 2008. Sejumlah lebih daripada 300 orang usahawan tempatan dari merata Sabah telah menyertai Seminar tersebut dan memperolehi manfaat daripada acara ini. Selain daripada HDC, terdapat juga agensi-agensi Kerajaan Negeri yang telah mengadakan program pembangunan Industri Halal termasuklah Seminar & Ekspo

NO SOALAN: 108

Pembangunan Industri Halal Nasional, Peringkat Negeri Sabah yang telah diadakan pada bulan Mei 2009 di Tawau, Sabah.

5. Dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran semua pihak yang terlibat di dalam industri halal ini, HDC turut menyediakan program latihan intensif Halal yang komprehensif iaitu Latihan Kesedaran Halal, Latihan Industri Halal dan Latihan Professional Halal. HDC juga bekerjasama dengan semua agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan industri halal dan kerjasama ini dapat membangunkan kapasiti pengeluaran usahawan tempatan dalam meningkatkan pengeluaran produk halal yang berkualiti.
6. Usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk menubuhkan HDC di negeri Sabah. Dengan adanya pejabat HDC diperingkat negeri ini, usahawan-usahawan akan dapat memperolehi pelbagai maklumat berhubung pembangunan industri halal.
7. HDC juga akan mengadakan kunjungan hormat kepada Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri Sabah pada 22 Jun 2009, untuk sama-sama meningkatkan kesedaran mengenai halal dan membangunkan industri halal di Sabah.

NO SOALAN: 108

8. Kerajaan akan sentiasa mengadakan acara-acara berkaitan industri halal di seluruh Negara termasuk Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan penglibatan rakyat tempatan dalam industri ini.

Disediakan oleh:

(Norazizul Abdul Aziz)

Pengurus

Bahagian Pengurusan *Stakeholder*

Halal Industry Development Corporation (HDC)

No. Telefon Bimbit : 012-525 6192

Disemak oleh:

(Puan Azizah Mohamed)

Ketua

Bahagian Pengurusan *Stakeholder*

Halal Industry Development Corporation (HDC)

No. Tel. Bimbit : 016-374 9757

Diluluskan oleh :

Y.Bhg. Dato' Seri Jamil Bidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Halal Industry Development Corporation (HDC)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **16.06.2009**
SOALAN NO : **84**

Dr. Hiew King Chew (Kota Kinabalu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mempertimbangkan untuk menggugurkan/membatalkan cadangan pembayaran berperingkat ke atas pengeluaran wang KWSP oleh pesara yang mana telah mendapat bantahan dari mereka yang mahukan pembayaran seperti dahulu dikekalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP telah memperkenalkan pengeluaran umur 55 tahun yang lebih fleksibel mulai 1 November 2007 selaras dengan kehendak ahli di mana ahli boleh membuat pelbagai pilihan kaedah bayaran pengeluaran seperti berikut;

- i) Mengeluarkan kesemua simpanan secara sekali gus (*lump-sum*).
Ini adalah kaedah bayaran asal yang masih dikekalkan;

- ii) Mengeluarkan simpanan pada bila-bila masa tertakluk kepada pengeluaran minimum RM2,000 setiap 30 hari;
- iii) Mengeluarkan simpanan secara bulanan dengan jumlah minimum RM250 sebulan untuk tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan dengan syarat ahli mempunyai jumlah minimum sebanyak RM3,000 dalam akaun mereka; dan
- iv) Kombinasi kaedah pengeluaran (ii) dan (iii) di atas.

2. Kaedah bayaran yang fleksibel ini memberi ahli lebih banyak pilihan yang bersesuaian dengan keperluan kewangan semasa persaraan mereka. Ahli yang masih ingin meninggalkan baki simpanan mereka di KWSP boleh berbuat demikian sehingga ahli berumur 75 tahun. Dengan cara ini, simpanan ahli akan dapat bertahan bagi tempoh yang lebih panjang di samping terus menikmati bayaran dividen selagi simpanan masih ada di KWSP.

NW = 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Tuan Liang Teck Meng
[Simpang Renggam]
TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2009 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 85

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah dan akan digunakan sejak Kementerian ini ditubuhkan untuk mempromosi dan menjayakan teknologi hijau yang mesra alam yang menjadi semakin popular di negara-negara lain tetapi tidak mendapat sambutan baik di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, atau khususnya Sektor Teknologi Hijau baru diwujudkan semasa penubuhan Kabinet baru yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 9 April 2009. Oleh yang demikian, buat masa ini Kementerian sedang

dalam proses memantapkan penubuhan sektor Teknologi Hijau dan sedang melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti memohon peruntukan bagi melaksanakan aktiviti dan program awalan sektor Teknologi Hijau termasuklah pelaksanaan kempen-kempen kesedaran dan penetapan hala tuju dan strategi pembangunan Teknologi Hijau di Malaysia.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mula melaksanakan usaha-usaha untuk mempromosi dan menjayakan Teknologi Hijau yang mesra alam seperti penggunaan Tenaga Boleh Diperbaharu (*Renewable Energy – RE*) dan Kecekapan Tenaga (*Energy Efficiency – EE*) sejak tahun 2000 di bawah Dasar Lima Bahan Api yang diperkenalkan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian ini telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM 19.5 juta untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ini termasuklah membina bangunan Pusat Tenaga Malaysia (PTM) yang dilengkapi dengan ciri-ciri RE dan EE. Setakat ini sebanyak 61% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan dan baki sebanyak 34% telah komited untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang bagi tahun 2009 dan 2010.

Di sini ingin saya maklumkan bahawa Kementerian telah melaksanakan kajian bagi merangka cadangan Dasar dan Pelan Tindakan RE yang baru bagi memacu pembangunan RE di negara ini. Dasar ini dirangka bagi memastikan RE dapat memainkan peranan yang lebih signifikan dalam membantu menjamin keselamatan tenaga (*energy security*) negara dalam penjanaan tenaga elektrik melalui pengurangan pergantungan kepada sumber bahan api fosil. Pelan Tindakan ini akan di bawa untuk pertimbangan Mesyuarat Jemaah Menteri dan dijangka akan dilaksanakan di bawah RMKe-10 sekiranya diluluskan.

Bagi program-program EE, Kementerian telah melaksanakan projek *Malaysian Industrial Energy Efficiency Improvement Project (MIEEP)* bagi meningkatkan kecekapan tenaga dalam sektor industri, komersil dan bangunan. Selain itu, aktiviti Audit Tenaga telah dijalankan di bangunan-bangunan Kerajaan tertentu untuk menilai tahap penggunaan tenaga di bangunan Kerajaan dimana hasil daripada audit tenaga ini Kerajaan boleh mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan EE di bangunan-bangunan miliknya.

Selain itu, mulai tahun ini Kementerian juga akan menggiatkan lagi pelaksanaan program-program kesedaran awam mengenai EE, RE dan kesedaran Teknologi Hijau melalui program *Energy Month* pada bulan November. Pada bulan ini aktiviti-aktiviti seperti seminar, pameran dan edaran-edaran risalah dan buku panduan dibuat bagi meningkatkan kesedaran kepada orang awam mengenai kepentingan dan cara-cara untuk menjimatkan penggunaan tenaga dan “amalan hijau” dalam kehidupan seharian. Adalah dijangka dengan usaha-usaha ini, pengguna akan menjadi lebih peka dan dapat mengubah tabiat supaya menjadi pengguna tenaga yang cekap.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG
(NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 16.06.2009 SOALAN NO: 86

Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan perbelanjaan dari Bajet Mini 2009 berjumlah RM60 bilion tetapi Pulau Pinang tidak mendapat apa-apa program spesifik. Adakah terdapat diskriminasi terhadap aliran peruntukan berkenaan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat.

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW (TANJUNG)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 17.06.2009

Tuan Chow Kon Yeow (Tanjung) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan merangkakan dasar-dasar dari Pakej Rangsangan Ekonomi untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya akan menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tanjung yang dijadualkan pada 17 Jun

2009 memandangkan kedua-dua soalan ini adalah bersangkutan dengan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua seperti yang diumumkan oleh Kerajaan sebanyak RM60 bilion adalah merupakan satu kesungguhan di pihak Kerajaan dalam mengelak negara daripada terjejas teruk oleh krisis ekonomi dunia. Pakej Rangsangan Ekonomi ini telah dirangka dengan tumpuan diberikan kepada empat teras utama, seperti berikut:

Pertama: Mengurangkan Pengangguran dan Menambah Peluang Pekerjaan;

Kedua: Meringankan Beban Rakyat, Terutamanya Golongan Mudah Terjejas;

Ketiga: Membantu Sektor Swasta Menghadapi Krisis; dan

Keempat: Membina Keupayaan Masa Depan.

3. Daripada sejumlah RM60 bilion ini, sebanyak RM10 bilion adalah merupakan suntikan fiskal bagi perbelanjaan pembangunan dan RM5 bilion bagi perbelanjaan mengurus. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM64.7 juta adalah bagi Negeri Pulau Pinang untuk membiayai pelbagai program/projek seperti projek penyelenggaraan infrastruktur awam, projek infrastruktur asas, pembinaan sekolah, pembinaan jalan dan jejambat.

4. Selain itu, sebanyak RM250 juta telah dikenal pasti untuk dilaksanakan secara *off-budget* iaitu projek pembesaran Lapangan Terbang Pulau Pinang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN HAJI
AHMAD
(SIPITANG)**

**TARIKH : 16 JUN 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan persediaan akhir yang di buat bagi menerima kedatangan kapal selam yang bakal ditempatkan di pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Persediaan akhir yang dibuat bagi menerima kedatangan kapal selam adalah melibatkan kerja-kerja melengkap dan menyiapkan Pangkalan Kapal Selam. Persediaan seperti kemudahan infrastruktur, bengkel penyelenggaraan, peralatan sokongan di darat, tempat kediaman, kemudahan rekreasi, bangunan latihan kapal selam, bangunan stor, 'shiplift' dan jeti kapal selam kini dalam penyiapan peringkat akhir dan boleh digunakan mulai penghujung Jun 2009 dan bersedia menerima ketibaan kapal selam 'Scorpene' pertama pada Ogos 2009.

**MAKLUMAT PEMBINAAN PANGKALAN KAPAL SELAM TLDM
KOTA KINABALU, TELUK SEPANGGAR, SABAH**

- 1. Nama Kontraktor** : **Trans Resources Corporation Sdn.Bhd.**
- 2. Nilai Kontrak** : **RM318 juta**
- 3. Agensi Pelaksana** : **JKR (Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim)**
- 4. Juruperunding** :
 - a. HML Consultancy Sdn.Bhd. (Kejuruteraan awam / arkitek)**
 - b. Arsea Consulting Engineers Sdn.Bhd. (Kejuruteraan Marin)**
 - c. Sigma Jelas Engineers Sdn.Bhd. (Kejuruteraan Mekanikal)**
 - d. Abena Consultant (Kejuruteraan Mekanikal)**
- 5. Tarikh Milik Tapak** : **26 Februari 2007**
- 6. Tarikh Siap** : **22 Februari 2009**
- 7. Lanjutan Masa No. 1** : **31 Mei 2009**
- 8. Skop Kerja** :
 - a. Pangkalan Kapal Selam**
 - i. Bangunan Headquarters**
 - ii. Bangunan Skuadron**
 - iii. Pusat Latihan Kapal Selam**
 - iv. Bangunan Bantuan Logistik**
 - v. Bengkel Kapal Selam**

- vi. **Bangunan Bosun**
 - vii. **Jeti Kapal Selam**
 - viii. **Bangunan *Mechanical Handling Equipment***
 - ix. **Penginapan Anggota Bujang Kapal Selam**
 - x. ***Shiplift* dan Menara Kawalan**
 - xi. **Kafetaria**
 - xii. ***Hangar***
- b. Kompleks Simpanan Peluru**
- i. ***Bunker* (11 buah)**
 - ii. ***Ready Use Bunker* (3 buah)**
 - iii. ***Ammunition Storage House***
 - iv. ***Pallet House***
 - v. ***Ammo Workshop***
 - vi. **Bangunan Pejabat**
- c. Pembangunan Pulau Udar Kecil**
- i. **Bangunan *Close Quarter Battle***
 - ii. **Rumah Rehat VIP (2 buah)**
 - iii. **Pusat Kecemerlangan Perahu Layar**
 - iv. **Jambatan Menghubungkan Pulau Udar Kecil dengan Tanah Besar**

- d. Memperlengkapkan dan Menaiktaraf Pembangunan Fasa 1**
 - i. Rumah Komander Kapal Selam (2 buah)**
 - ii. Pusat Pembangunan Insan**
 - iii. Menaiktaraf Wisma Pegawai**
 - iv. Menaiktaraf Wisma Laskar**
 - v. Menaiktaraf Pintu Masuk Utama**
 - vi. Menaiktaraf Tangki Air**

9. Kemajuan Fizikal : Pangkalan telah siap sepenuhnya. Pada masa ini kerja-kerja *finishing* sedang dijalankan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)
TARIKH : 16.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) sehingga Disember 2008 berapakah sekolah rendah dan menengah di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak yang tidak mendapat bekalan elektrik selama 12 jam berturut-turut; dan
- (b) dari keseluruhan jumlah sekolah-sekolah tersebut berapa sekolah yang mempunyai murid lebih dari 300 orang dalam satu sesi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2009 semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara mendapat bekalan elektrik. Bekalan elektrik adalah seperti berikut:

Punca Elektrik	Bilangan Sekolah			
	SK	SJK(C)	SJK(T)	JUMLAH
Bekalan Elektrik 12 Jam	51	12	3	66
Bekalan Elektrik 24 Jam	5,473	1278	517	7,268
Janakuasa Sekolah	309	2	2	313
Solar	5			5
Lain-lain	2			
Jumlah	5,840	1,292	523	7,655

Punca Elektrik	Bilangan Sekolah	
	SR	SM
Bekalan Elektrik 12 Jam	66	9
Bekalan Elektrik 24 Jam	7,268	2,162
Janakuasa Sekolah	313	17
Solar	5	0
Lain-lain	3	1
Jumlah	7,655	2,189

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, daripada semua sekolah-sekolah terdapat 30 buah sekolah yang mempunyai murid lebih dari 300 orang dalam satu sesi

SOALAN NO. (89)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) adakah pihak Kementerian membuat kajian mengenai kepentingan membina Balai Bomba di setiap daerah atau kawasan bagi seluruh negeri Sarawak terutamanya di Bahagian Bintulu; dan
- b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membina Balai Bomba Pekan Sebauh (yang telah dijanjikan dalam RMK 9) Pekan Tatau serta Pekan Tabau pada masa akan datang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan atas soalan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan Dan kerajaan Tempatan (KPKT) membuat kajian kepentingan membina balai bomba di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak berdasarkan asas-asas dan kriteria berikut :-

- i. Indikator risiko kebakaran bagi kawasan tersebut;
- ii. Jumlah kepadatan penduduk;
- iii. Keluasan kawasan jagaan bagi sebuah balai bomba;
- iv. Keperluan sosial politik;
- v. Faktor keadaan geografi; dan
- vi. Keperluan strategik.

Berdasarkan kajian terhadap kriteria tersebut, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengemukakan

permohonan untuk membina 2 buah balai bomba baru di negeri Sarawak dalam RMK-9 iaitu Balai Bomba Batu Niah dan Balai Bomba Song. Walau bagaimanapun, hanya Balai Bomba Song yang telah diluluskan dan diberi peruntukan untuk dilaksanakan dalam RMK-9.

Bagi kawasan Bintulu, pada masa ini telah terdapat sebuah balai bomba iaitu Balai Bomba Bintulu yang bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pemadaman dan penyelamatan. Kementerian akan mengambil kira kepentingan pembinaan balai bomba tambahan di kawasan Bintulu dan sekiranya didapati sesuai akan dimasukkan dalam perancangan bagi RMK-10.

Pembinaan balai bomba di Pekan Sebauh, Pekan Tatau dan Pekan Tabau tidak termasuk dalam projek pembangunan RMK-9 kerana keperluannya yang kurang mendesak. Balai Bomba Bintulu masih mampu menjalankan kerja-kerja pemadaman dan penyelamatan di kawasan-kawasan tersebut.

Cadangan bagi pembinaan sebuah balai baru di Pekan Sebauh, Pekan Tatau dan Pekan Tabau masih di dalam kajian semula untuk disesuaikan dengan keadaan ekonomi semasa. Walau bagaimanapun, memandangkan kadar populasi dan faktor kepesatan pembangunan yang semakin meningkat di kawasan Bintulu khususnya, Jabatan ini akan mengambil kira faktor-faktor tersebut untuk cadangan pembinaan balai bomba baru di daerah berkaitan pada masa hadapan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

SOALAN NO: 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]
TARIKH : 16 JUN 2009
RUJUKAN : 1777

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos setiap unit dalam pembelian 25 kereta Mitsubishi Evo 10 dan 426 motosikal Honda ST1300 untuk kegunaan PDRM dan adakah tidak tender terbuka dibuat, jika tidak, kenapa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kos seunit kenderaan berprestasi tinggi jenis Mitsubishi Evolution X (Manual) ialah RM151,000.00 (Percuma Atas Kapal). Kenderaan berkenaan perlu dilengkapi dengan aksesori tambahan seperti ILSS, logo dan *stripe* PDRM bertujuan menjadikannya sebagai MPV atau *Mobile Patrol Vehicle*. Kos aksesori tambahan bagi satu unit kenderaan adalah RM8,000.00 menjadikan kos keseluruhan kenderaan adalah RM159,000.00 seunit.

Perolehan ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd. yang merupakan pemegang francais kenderaan jenis Mitsubishi. Syarikat Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd. telah dilantik khas oleh Mitsubishi Motors (Japan) sebagai agen pengedar sah kenderaan jenis Mitsubishi di Malaysia.

Kerajaan berpandangan perolehan perlu dilakukan secara rundingan terus bagi memastikan kenderaan yang dibekalkan kepada Kerajaan adalah tulen dan baru. Selain itu harga yang kompetitif diperolehi kerana kenderaan diambil terus daripada kilang Mitsubishi di Jepun tanpa melalui pihak ketiga.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah sebenar perolehan motosikal berprestasi tinggi dari jenis Honda ST1300P adalah 400 unit dan bukannya 426 unit. Kos seunit motosikal adalah RM49,888.00 (Percuma Atas Kapal). Perolehan ini dilakukan secara tender terbuka.

SOALAN NO: 91

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]

TARIKH : 16 JUN 2009

RUJUKAN : 1776

SOALAN:

Datuk Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar-dasar Kerajaan terhadap pemberian taraf penduduk tetap untuk isteri kepada warganegara China dan Vietnam memandangkan mereka menghadapi masalah untuk memohon permit masuk Negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong Malim yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **tiada dasar yang memeruntukkan pemberian taraf Pemastautin Tetap bagi isteri asing kepada suami asing yang bukan bertaraf warganegara Malaysia.** Permohonan Permit Masuk untuk mendapatkan taraf Pemastautin Tetap hanya boleh dikemukakan oleh isteri asing kepada warganegara Malaysia sahaja yang telah tinggal di negara ini secara berterusan selama lima tahun atau lebih atas Pas Lawatan Sosial.

Dalam konteks isteri asing kepada warganegara Malaysia yang berasal dari China atau Vietnam atau dari lain-lain negara, mereka boleh memohon Permit Masuk di bawah Seksyen 10 Akta Imigresen 1959/63. Setelah diluluskan Permit Masuk, mereka boleh memohon mendapatkan **Kad Pengenalan Pemastautin Tetap** di Jabatan Pendaftaran Negara. Selepas melalui tempoh dua tahun memegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap, mereka layak memohon taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15 kurungan 1 Perlembagaan Persekutuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)
TARIKH : 16.06.2009

SOALAN:

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan anak pelarian yang belajar di sekolah rendah dan sekolah menengah di negara kita dan prosedur memasuki sekolah tempatan. Memandangkan keturunan pelarian dan orang asing tanpa izin di negara kita ini semakin meningkat, bagaimanakah Kerajaan menangani masalah pendidikan di kalangan keturunan orang asing tanpa izin dan pelarian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menghargai sumbangan kementerian-kementerian lain dan pihak NGO dalam usaha menangani isu pendidikan golongan pelarian dan pemohon perlindungan. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan masih mengkaji secara terperinci implikasi sekiranya kanak-kanak dari golongan ini diterima masuk untuk belajar di sekolah kerajaan. Sehubungan itu, satu kajian menyeluruh berkaitan "**Pendidikan Kanak-kanak Tanpa Dokumen Pengenalan Diri di Malaysia**" sedang dijalankan sekarang oleh KPM. Namun, pada masa ini kanak-kanak tersebut mendapat pendidikan yang disediakan oleh pihak NGO dan sukarelawan dari kaum pendatang dengan kerjasama UNHCR. Agensi Kerajaan juga ada menyediakan pendidikan seperti yang dilakukan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah dan Labuan), Majlis Keselamatan Negara bagi kanak-kanak tanpa dokumen di Sabah dan Labuan. Rjm 07

NO. SOALAN: 93.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
TARIIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai tahap keselamatan bas ekspres yang terdapat di seluruh negara dan sejauh manakah pengusaha bas mematuhi piawaian yang ditetapkan demi keselamatan pengguna serta berapakah kes-kes berkaitan kecuaiian dan kegagalan terhadap piawaian dilaporkan kepada pihak Kementerian. ..

JAWAPAN

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat menitikberatkan aspek pengurusan kenderaan oleh syarikat pengangkutan awam bagi meningkatkan tahap keselamatan kenderaan. Berbagai langkah telah diperkenalkan oleh Kerajaan dalam aspek '*roadworthiness*' bagi meyakinkan orang ramai untuk menggunakan kenderaan awam. Antaranya ialah:

- (i) **Melaksanakan Kod Amalan SHE** (*Safety, Health and Environment*) mulai September 2007. Setiap syarikat bas ekspres dikehendaki melaksanakan urustadbir yang baik termasuk dari segi penyelenggaraan kenderaan dan pengurusan *fleet*, kesihatan dan kebajikan pekerja/pemandu serta persekitaran tempat kerja mereka. Bagi memastikan kod amalan SHE dilaksanakan, pegawai-pegawai penguatkuasa LPKP akan membuat pengauditan ke atas syarikat dari semasa ke semasa. Setakat ini sebanyak 55 syarikat bas ekspres telah diaudit. Secara keseluruhan, 15 syarikat bas ekspres yang telah

melaksanakan kod amalan SHE manakala yang lain melaksanakannya secara berperingkat.

- (ii) **Menetapkan had usia kenderaan** tidak melebihi 10 tahun bagi bas ekspres.

- (iii) **Mewajibkan pembinaan kerangka dan badan bas ekspres** menepati ciri-ciri ECE R-66 (*United Nations Economic Commission for Europe Regulation 66*) yang merupakan piawaian antarabangsa bagi memastikan ketahanan badan bas.

- (iv) **Memperketatkan syarat kelayakan permohonan lesen baru dan membaharui lesen** berasaskan kemampuan pihak syarikat menguruskan aspek keselamatan kenderaan termasuk menyelesaikan semua saman tertunggak daripada JPJ, PDRM dan LPKP atas perbagai kesalahan lalu lintas dan syarat lesen.

- (v) **Menggalakkan pihak syarikat mengadakan kursus dalaman atau *refresher course*** bagi meningkatkan perkhidmatan para pemandu masing-masing. Malah Kerajaan juga dari semasa ke semasa menjalankan kursus singkat kepada pemandu-pemandu bas ekspres menjelang musim perayaan bagi

memberikan motivasi kepada mereka agar lebih berdisiplin serta mematuhi peraturan keselamatan di jalan raya.

(vi) **Mensyaratkan bas-bas ekspres baru dipasang dengan alat GPS (*Global Positioning System*)** sebagai langkah menggalakkan pihak syarikat melaksanakan prinsip *self regulatory* dengan mengawasi operasi harian setiap kenderaan mereka termasuk kenderaan pemandu. Sehingga hari ini 10 syarikat bas ekspres telah memasang GPS melibatkan 1,194 buah bas.

(vii) Kerajaan juga sedang mengkaji kesesuaian **pemasangan *speed limiter*** pada bas ekspres untuk mengelakkan bas dipandu melebihi had kelajuan yang dibenarkan.

Selamat Terima Kasih .

No=94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN 94

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
(Telok Kemang)**

TARIKH :

**SOALAN : YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok
Kemang) minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan status terkini berhubung kepulauan-
kepulauan Malaysia yang menjadi tuntutan
bertindih dengan negara-negara lain, serta
butiran penyelesaian rasmi yang dicapai dengan
Brunei Darussalam mengenai tuntutannya ke
atas Limbang.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Kemang di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tuntutan bertindih boleh dikategorikan kepada tuntutan bertindih kawasan maritim dan tuntutan bertindih ke atas ciri-ciri geografi di kawasan maritim seperti pulau, terumbu dan sebagainya. Malaysia mengambil pendekatan bahawa isu-isu tuntutan kawasan maritim bertindih boleh diselesaikan secara aman melalui rundingan dua hala berdasarkan undang-undang antarabangsa bagi mencari penyelesaian.

3. Tuntutan bertindih kawasan maritim wujud akibat ketiadaan perjanjian sempadan maritim dua hala, misalnya antara Malaysia dan Indonesia di Laut Sulawesi. Di dalam isu perundingan sempadan di antara Malaysia dan Indonesia di Laut Sulawesi, kedua-dua negara masih di dalam peringkat rundingan teknikal dua hala mengenai pembatasan sempadan di kawasan tersebut. Mesyuarat Kumpulan Teknikal di antara kedua-dua negara mengadakan rundingan dari sudut aspek-aspek teknikal pembatasan sempadan bagi mencapai satu penyelesaian melalui perjanjian sempadan maritim berdasarkan prinsip dan undang-undang antarabangsa. Perbincangan di dalam Mesyuarat Teknikal adalah kompleks dan mengambil masa yang panjang demi mencapai penyelesaian yang muktamad dan saksama. Ini kerana ia menyentuh aspek-aspek geografi, teknikal dan undang-undang yang

kompleks berkaitan pembatasan sempadan maritim. Semenjak bulan Mac 2005, tiga belas (13) Mesyuarat Teknikal telah diadakan. Mesyuarat Teknikal Keempat belas (14) dijangka akan diadakan di dalam bulan Julai 2009.

4. Mengenai tuntutan bertindih ke atas pulau dan terumbu, ia merujuk kepada kawasan di Laut China Selatan yang turut dituntut oleh Vietnam, Brunei, Filipina dan Republik Rakyat China. Malaysia berpendirian bahawa pulau dan terumbu di dalam kawasan Pelantar Benua Malaysia adalah milik Malaysia. Isu berhubung tuntutan ke atas pulau-pulau dan terumbu ini ditangani berasaskan kepada semangat dan aspirasi yang terkandung dalam *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* yang ditandatangani oleh negara-negara ASEAN dan Republik Rakyat China pada 4 November 2002. Melalui Deklarasi ini, pihak-pihak yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan bertekad untuk menyelesaikan pertelingkahan dan perbalahan berhubung tuntutan wilayah maritim bertindih di Laut China Selatan dan mencari penyelesaian secara damai melalui jalan perundingan tanpa menggunakan kekerasan ataupun ugutan. Usaha-usaha juga diambil bagi membina keyakinan (*confidence building*).

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Berhubung dengan penyelesaian rasmi yang dicapai dengan Brunei Darussalam mengenai tuntutannya ke atas Limbang, sukacita saya maklumkan bahawa Malaysia dan Brunei Darussalam telah bersetuju untuk mengguna pakai dan mengimplementasikan lima perjanjian berkaitan sempadan darat sedia ada yang ditandatangani oleh

Kerajaan Brunei dengan Kerajaan Sarawak di antara tahun 1920 hingga 1939 bagi membataskan sempadan darat, dan pendekatan ini secara tidak langsungnya akan menggugurkan tuntutan Brunei Darussalam ke atas Limbang.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Malaysia sentiasa peka dengan isu-isu yang melibatkan tuntutan bertindih ke atas pulau-pulau dan wilayah Malaysia. Usaha-usaha sentiasa dilaksanakan demi mengukuhkan tuntutan Malaysia ke atas ciri-ciri geografi di kawasan maritim berkenaan. Malaysia sentiasa mewujudkan rundingan dua hala dengan negara jirannya bagi membataskan sempadan maritim di kawasan di mana belum ada lagi perjanjian sempadan maritim. Malaysia berpendirian bahawa tuntutan bertindih wajar diselesaikan melalui meja rundingan dan rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbang Tara adalah merupakan opsiyen terakhir di dalam mencapai penyelesaian.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TEE YONG
(LABIS)**

TARIKH : 16.06.09

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan sumber pendapatan Orang Asli khususnya kepada Orang Asli di kawasan Labis.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Sehingga kini, Kementerian menerusi JHEOA telah membangunkan kawasan Orang Asli di Labis iaitu di Kampung Juaseh seluas 65.15 hektar dan Kampung Segamat Kecil seluas 48.56 hektar dengan tanaman kelapa sawit yang dilaksanakan oleh RISDA dan telah memberi manfaat kepada 55 orang peserta.

Selain daripada itu, JHEOA dengan kerjasama Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) telah melaksanakan pembangunan secara bersepadu menerusi program Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) yang merangkumi lima (5) perkampungan Orang Asli di kawasan parlimen Labis iaitu di Kg. Kudong, Kg. Sri Tembayan, Kg. Tamok, Kg. Kemidak dan Kg. Selai. Ianya melibatkan pembangunan tanah seluas 1,504 hektar dengan tanaman kelapa sawit serta memberi manfaat kepada seramai 188 orang peserta Orang Asli.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]
TARIKH : 16 JUN 2009-06-15

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapa pusat pendidikan PERMATA yang telah ditubuhkan di seluruh negara; dan
- (b) adakah sebarang kelayakan atau saringan dibuat untuk memasukinya.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, sebanyak 14 buah Pusat Anak PERMATA Negara yang bertaraf projek perintis telahpun ditubuhkan di seluruh negara dengan penyertaan seramai 380 orang kanak-kanak yang berumur di antara 1 hingga 4 tahun.

2. Mulai tahun 2009, di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi 1, program PERMATA Negara akan diperluaskan pelaksanaannya dengan penubuhan sebanyak 307 buah lagi Pusat Anak PERMATA Negara yang akan memberikan peluang kepada 10,000 orang kanak-kanak yang berumur antara 1 hingga 4 tahun untuk mengikuti program PERMATA. Perluasan ini akan melibatkan penubuhan 10 buah Pusat Anak PERMATA Negara, 200 buah TASKA PERMATA KEMAS, 15 buah TASKA PERMATA Perpaduan, 32 buah TASKA PERMATA Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan 50 buah TASKA Tempat Kerja dan TASKA Komuniti. Pengoperasian

307 buah Pusat Anak PERMATA baru ini dijangka akan dapat dimulakan selewat-lewatnya pada akhir bulan Oktober 2009.

3. Pemilihan kanak-kanak untuk mengikuti program PERMATA adalah berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan iaitu:-

- (i) kanak-kanak yang berumur antara 1 hingga 4 tahun daripada keluarga berpendapatan rendah di kawasan luar bandar dan pinggir bandar;
- (ii) tempat kediaman mereka juga hendaklah berhampiran dengan lokasi Pusat PERMATA yang akan mereka hadiri; dan
- (iii) ibu bapa mereka menandatangani surat akujanji untuk meluangkan masa selama 4 jam sebulan bagi melibatkan diri dalam proses pembelajaran anak mereka di Pusat PERMATA tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan sama ada Kementerian sedar Jalan Raya ke Bakun khasnya di kawasan Tubau rosak teruk. Jika ya, apakah tindakan Kementerian dan bilakah jalan raya Bakun ini akan dibaik pulih.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Raya Bakun merupakan jalan persekutuan bernombor 800, di bawah selenggaraan Kementerian Kerja Raya.

Dari pemantauan yang dibuat, diakui jalan tersebut berkeadaan tidak memuaskan terutamanya di lokasi 800-08 sehingga 800-09 iaitu sepanjang 17.7km. Ini adalah disebabkan terdapat perusahaan pembalakan yang mengangkut kayu balak melalui lokasi tersebut di samping kenderaan-kenderaan berat yang mengangkut bahan-bahan untuk Projek Hydro Bakun.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian ini telah memberi peruntukan untuk membaiki sebahagian jalan-jalan yang rosak. Pada tahun 2008, sebanyak RM6 juta telah dibelanjakan iaitu membaiki jalan di lokasi 800-09 hingga 800-11. walau bagaimanapun, bagi membaiki semula jalan sepanjang 17.7km, ia memerlukan peruntukan lebih kurang RM15 juta bagi peruntukan tersebut. Sebagai langkah sementara, KKR melalui JKR Sarawak telah meminta syarikat konsesi membuat kerja-kerja penyenggaraan seperti meratakan lokasi yang berlopak dan tidak rata.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 16 JUN 2009

RUJUKAN : 1780

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah perkembangan siasatan polis terhadap laporan Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir di Balai Polis Kampung Rapat, Ipoh berikutan tuduhan Adun Titi Serong. Khalil Idham Lim yang mendakwa Zambry dan Barisan Nasional telah membenarkan bangunan Dewan Undangan Negeri dimasuki oleh 'bomoh' untuk menjampi kerusi Speaker Dewan Undangan Negeri Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Pada 3 Mei 2009, satu laporan polis telah dibuat oleh ADUN Pangkor, Dato' Seri Dr. Zambry yang mendakwa ADUN Titi Serong telah membuat kenyataan berunsur fitnah. Dalam kenyataan tersebut, ADUN Titi Serong mendakwa Dr. Zambry dan Barisan Nasional telah membenarkan bomoh masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri Perak untuk menjampi kerusi speaker. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah.

Tuan Yang Dipertua,

Siasatan ke atas kes ini sedang dijalankan oleh pihak polis.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
(TANGGA BATU)**

TARIKH : 16.6.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI HARON (TANGGA BATU) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah keberangkalian diwujudkan sekolah sukan di setiap negeri demi melahirkan atlet yang boleh diketengahkan di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan dua buah Sukan Malaysia (SSM) yang dapat menampung 1,300 orang atlet pelajar. Selain itu, dalam RMK-9, Kerajaan telah pun meluluskan pembinaan tiga buah SSM iaitu di Sabah, Pahang dan Perlis. 2 buah SSM yang baru tersebut sedang giat dibangunkan dan dijangka siap pada akhir RMK-9. Manakala SSM Perlis, pihak KPM telah mengenalpasti tapak pembinaannya dan proses pembelian tanah dalam peringkat rundingan. Sekiranya ketiga buah SSM yang baru ini siap, pihak KPM akan dapat menampung 3,250 orang atlet pada satu masa. Selain itu, pihak KPM telah pun mewujudkan Sekolah Sukan Negeri (SSN) di setiap negeri. Jumlah pelajar 2,793 orang atlet pelajar. SSN ini membangunkan 5 jenis sukan iaitu Olahraga, Bolasepak, Sepak takraw, Bola jaring dan Hoki. Manakala bagi

sukan-sukan lain seperti Ragbi, Bowling, Memanah, Bola baling dan Tenis menjadi sukan pilihan kepada negeri-negeri lain.

Bagi sekolah sukan negeri pula, KPM belum bercadang untuk menambahkan lagi sekolah sukan negeri. Untuk makluman, pada masa sekarang terdapat 15 buah sekolah sukan negeri. KPM berpandangan pembinaan sekolah sukan negeri bukanlah jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah melahirkan atlet yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

Pada masa yang sama juga, KPM telah memulakan program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) yang melibatkan 7 jenis sukan yang bertujuan untuk memilih dan melantik atlet di kalangan murid sekolah untuk program SPTS negara. Melalui program ini KPM telah melatih 1700 orang atlet pelajar di 916 Pusat Latihan Daerah (PLD) termasuk SSN di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 16 JUN 2009
RUJUKAN : 1781

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak polis bertindak 'double standard' apabila tidak membenarkan DAP menayangkan insiden dalam Dewan Undangan Negeri Perak pada 7/5/2009 dalam jamuan Makan Malam DAP pada 9/5/2009 di Setiawan tetapi membenarkan MCA berbuat demikian di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat sendiri bertarikh 16 dan 17 Jun 2009 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Seksyen 27 (2) Akta Polis 1967 dengan secara jelas memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang berniat mengadakan perhimpunan di mana-mana tempat awam hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan kepada Ketua Polis Daerah bagi mendapatkan permit untuk berhimpun dan Ketua Polis Daerah boleh mengenakan syarat-syarat yang tertentu ke atas permit yang dikeluarkan.

Tuan Yang Dipertua,

Majlis makan malam dan ceramah yang dianjurkan oleh DAP pada 9 Mei 2009 memerlukan permit memandangkan majlis tersebut dibuat secara terbuka untuk penyertaan orang ramai. Di dalam syarat permit yang dikeluarkan, Ketua Polis Daerah Manjung telah menetapkan syarat bahawa sebarang penayangan video berhubung insiden pembukaan DUN Perak adalah tidak dibenarkan. Syarat tersebut adalah dibuat berdasarkan kepada Seksyen 27 Akta Polis 1967 dan bukan dibuat secara pilih bulu atau *double standard* sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Ketua Polis Daerah mestilah berpuas hati bahawa perhimpunan yang akan diadakan tidak prejudis kepada keselamatan negara dan tidak menjejaskan ketenteraman awam sekiranya diadakan. Sehubungan dengan itu, tindakan pihak penganjur menayangkan rakaman video tersebut adalah jelas melanggar syarat permit dan boleh diambil tindakan.

Tuan yang Dipertua,

Keadaan ini berbeza dengan majlis makan malam anjuran MCA di Ipoh di mana majlis tersebut tidak memerlukan permit kerana diadakan secara tertutup dan hanya dihadiri oleh ahli-ahli MCA sahaja. Oleh yang demikian, penayangan video insiden DUN Perak sewaktu majlis makan malam MCA tidak menimbulkan ancaman disebabkan oleh majlis tersebut tidak dihadiri oleh orang luar selain daripada ahli MCA.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan kes pengedaran DVD insiden DUN Perak oleh ADUN Kawasan Tebing Tinggi, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 6(2)(a) Akta Penapisan Filem 2002 Atas kerana mengedar DVD/VCD tanpa Perakuan B dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM5,000.00 dan tidak lebih daripada RM30,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis tidak menerima apa-apa laporan terhadap ADUN Chenderiang mengenai kes ini. Sehubungan dengan itu, tiada siasatan dibuat terhadap beliau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN:

Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) kenapa rancangan Majalah 3 melalui televisyen terlalu giat mempromosi tempat-tempat pelancongan negara asing; dan
- (b) adakah Majalah 3 di bayar oleh negara-negara asing yang dipromosikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a) Bermula Januari 2009, Majalah 3 telah bersiaran sebanyak 16 episod. Daripada jumlah itu hanya satu episod sahaja mempunyai lokasi penggambaran luar negara iaitu di United Kingdom. Penggambaran dilakukan bukan semata-mata untuk

mempromosikan lokasi pelancongan luar negara tetapi ia dilakukan kerana terdapat kepentingan negara dan rakyat Malaysia, di mana sebuah syarikat penerbangan tambang murah Malaysia telah melancarkan penerbangan sulungnya ke United Kingdom. Dalam episod itu penerbit hanya memperuntukkan 20 minit daripada sejam waktu siaran untuk segmen berkenaan. Selebihnya lokasi penggambaran serta topik-topiknya adalah di dalam negara.

- b) Majalah 3 tidak menerima apa-apa bayaran daripada negara asing bagi mempromosi produk pelancongan negara-negara berkenaan.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECH HWA

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN

Tuan Er Tech Hwa [Bakri] meminta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd memberi sebarang bon (bond) untuk memastikan langkah-langkah pemulihan boleh dilaksanakan dengan betul sekiranya pencemaran berlaku di Bukit Koman. Jika ya, tunjukkan buktinya. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd (RAGM) tidak dikehendaki menyumbang kepada Tabung Pemulihan yang dikenakan di bawah Enakmen Mineral Negeri

kerana pajakan melombong telah dikeluarkan di bawah Enakmen Melombong Bab 147 iaitu, sebelum Enakmen Mineral Negeri berkuatkuasa di negeri Pahang. Walau bagaimanapun pemajak telah dikenakan syarat mengambus dan merata dan pemajak telahpun menjelaskan wang jaminan kambus dan rata ini kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan konflik pertembungan jurisdiksi mahkamah sivil dan mahkamah syariah di Malaysia.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha untuk menangani isu konflik bidang kuasa antara mahkamah sivil dengan Syariah ialah melalui pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang memasukkan Fasal baru (1A) dalam Perkara 121. Pindaan ini dibuat melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 [Akta A704] dan telah berkuat kuasa pada 10.6.1988. Fasal (1A) Perkara 121 memperuntukkan bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.

Selain itu, Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan dengan tokoh-tokoh perundangan sivil dan Syariah, mufti-mufti, hakim-hakim mahkamah Syariah, pengamal undang-undang, ahli akademik dan wakil daripada agensi Kerajaan, badan berkanun, parti politik serta pertubuhan bukan Kerajaan untuk mendapatkan input.

Lanjutan daripada perbincangan-perbincangan yang diadakan, Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji beberapa cadangan pindaan kepada Akta-Akta yang berkaitan bagi menyelesaikan konflik pertembungan bidang kuasa mahkamah sivil dengan mahkamah Syariah ini.

Jawatankuasa Teknikal Syarak Sivil (JAKIM), yang dianggotai oleh pelbagai golongan iaitu Ketua Hakim Syarie Negeri, Mufti Negeri-Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, tokoh-tokoh akademik perundangan baik dari sivil mahupun syariah, juga telah mengambil langkah pro-aktif dalam menyediakan draf undang-undang yang membolehkan perjalanan Mahkamah Syariah dan Sivil beroperasi secara seiring.

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan antara pengamal undang-undang sivil dengan pengamal undang-undang syariah ke arah mewujudkan satu jambatan persahabatan supaya isu-isu yang berkaitan dengan pertindihan kuasa ini dapat diselesaikan secara harmoni.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MOHD. HATTA BIN MD. RAMLI (KUALA KRAI)

TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kemajuan projek 'high-speed broadband' dan adakah infrastruktur 'broadband' ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Strategi Pelaksanaan Jalur Lebar Nasional yang merangkumi aspek penawaran (*supply*) dan permintaan (*demand*) telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi mencapai sasaran kadar penembusan jalur lebar sebanyak **50% mengikut isi rumah pada akhir tahun 2010**. Perluasan infrastruktur ini dilaksanakan mengikut dua kategori jalur lebar iaitu **jalur lebar berkelajuan tinggi (*High Speed Broadband - HSBB*)** bagi kawasan-kawasan terpilih seperti Lembah Klang, Kawasan Perindustrian dan Iskandar Malaysia dengan kelajuan

minimum **10 Mbps**; dan **jalur lebar untuk orang awam** (*broadband to the general population* - BBGP) di seluruh negara dengan kelajuan **sehingga 2 Mbps**.

Projek HSBB yang dilaksanakan secara usaha sama di antara Kerajaan dan Telekom Malaysia (TM) telah ditandatangani pada 16 September 2008 melibatkan komponen rangkaian akses, teras dan antarabangsa. Sehingga kini, bagi rangkaian antarabangsa, TM telah menaiktarafkan lebar jalur kabel dasar laut Asia America Gateway (AAG) dan SEA-ME-WE 4. Bagi rangkaian akses pula, kerja-kerja sivil dan pemasangan kabel optik sedang dilaksanakan manakala bagi rangkaian teras, pemasangan *IP Core, transmission link, Metro E* dan Sistem Kawalan sedang dilakukan.

Dari segi strategi permintaan di bawah Projek HSBB pula, antara inisiatif yang sedang dilaksanakan ialah projek *e-School*, pakej jalur lebar mampu milik, menambah baik perkhidmatan e-Kerajaan, e-Pembelajaran dan e-Dagang, program promosi seperti Karnival ICT, pameran Kediaman Digital dan lain-lain.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi penduduk luar bandar, infrastruktur jalur lebar akan dapat dimanfaatkan melalui pelaksanaan projek-projek BBGP, di mana Dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP) sebanyak RM2.4 bilion akan dibelanjakan sehingga akhir tahun 2010. Sebanyak 190 buah pusat jalur lebar telah dibangunkan pada tahun 2008 dan 430

buah lagi akan dibina di seluruh negara. Pusat Jalur Lebar ini akan memberikan liputan jalur lebar terhadap kira-kira 1.88 juta isi rumah di kawasan pedalaman. Selain itu, sebanyak 1000 buah menara telekomunikasi akan dibina secara berfasa bagi memastikan liputan telekomunikasi dan infrastruktur jalur lebar disediakan secara menyeluruh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI
(TANAH MERAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2009 SOALAN NO: 106

Tuan Amran bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai ekuiti Kerajaan Malaysia dalam Syarikat Proton dan berapakah jumlah saham pelaburan luar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pegangan Kerajaan dalam Proton Holdings Berhad (Proton) adalah secara tidak langsung melalui Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan juga pelabur institusi seperti berikut:

	Pemegang Saham	Jumlah Saham (Unit)	%
1	Khazanah Nasional Bhd	234,734,693	42.7
2	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	85,211,100	15.5
3	Cartaban Nominees Sdn Bhd (Petroleum Nasional Bhd)	43,120,680	7.8
4	Lembaga Tabung Haji	16,820,427	3.0
5	ValueCap Sdn Bhd	10,500,000	1.9
6	Bank Simpanan Nasional	8,603,000	1.6
JUMLAH KESELURUHAN KEPENTINGAN KERAJAAN		398,989,900	72.5

2. Berdasarkan kepada harga saham Proton pada 8 Jun 2009 iaitu RM2.85 sesaham, nilai pegangan ekuiti terkumpul secara tidak langsung Kerajaan bagi 398,989,900 unit saham Proton adalah kira-kira **RM1.137 bilion**.

3. Di samping itu, jumlah pegangan asing (individu dan korporat) di dalam Proton pula adalah sebanyak 788,864 unit saham yang mewakili kurang daripada satu peratus jumlah saham Proton, iaitu sebanyak **0.14%**.

107.
NO. SOALAN : ~~24~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN
[MERBOK]
TARIKH : 16 JUN 2009
SOALAN : DATO' RASHID BIN DIN
[MERBOK]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) Berapa banyakkah peruntukan pembangunan yang diperuntukan Persekutuan dalam Perlembagaan, jika ada untuk dipergunakan oleh setiap ahli Parlimen. Jika ada, mengapakah Ahli Dewan Rakyat dan Parti Pakatan Rakyat belum lagi dimaklumkan atas kewujudan peruntukan ini.

JAWAPAN : Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, tiada ketetapan yang menyatakan supaya sejumlah peruntukan pembangunan tertentu mesti diberikan kepada setiap ahli Parlimen di Malaysia sepanjang tempoh lantikan

mereka, tidak kira samada dari parti Kerajaan mahupun pembangkang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 16 JUN 2009

RUJUKAN : 1767

SOALAN :

DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa komputer Cik Cheng Lee Whee yang dirampas pada bulan Oktober 2008, berkaitan bantahan beliau terhadap pengusiran "setinggalan" Kpg Plenthong, masih belum dipulangkan padanya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telah merampas sebuah komputer riba dan satu unit *pen drive* milik Cik Cheng Lee Whee untuk tujuan siasatan setelah polis mendapati beliau telah membuat laporan palsu bahawa polis menyalahgunakan kuasa dan menggunakan kekerasan ketika mengusir penduduk Kampung Baru Plenthong Tengah, Johor Bahru. Selain itu beliau juga mengeluarkan kenyataan tersebut di laman portal polis Johor.

Tuan Yang Dipertua,

Kertas siasatan mengenai kes ini telah dikemukakan kepada pihak Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya dan setakat ini pihak polis masih menunggu arahan selanjutnya dari pihak Pendakwa Raya bersama-sama komputer riba dan *pen drive* milik Cik Cheng Lee Whee yang dijadikan barang kes.

SOALAN NO: 109

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]
TARIKH : 16 JUN 2009
RUJUKAN : 1768

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butiran untuk individu yang telah dijatuhkan hukuman sebat di bawah Akta Imigresen dengan pecahan mengikut negara asal, bilangan sebatan, jantina dan umur dari 2002 hingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada **Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera** yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat hukuman sebat hanya dikenakan kepada pesalah lelaki yang berumur 50 tahun ke bawah dan disahkan sihat oleh pegawai perubatan. Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia bagi tahun 2002 hingga 2008 seramai 47,914 orang telah disabitkan kesalahan di bawah Akta Imigresen. Daripada jumlah tersebut seramai 34,923 orang telah dikenakan sebatan. Bakinya seramai 12,991 orang pesalah tidak dikenakan sebatan, di mana 67% daripadanya adalah wanita dan 33% adalah lelaki yang melebihi umur 50 tahun atau tidak sihat.

Perangkaan juga menunjukkan 60.2% daripada yang disebat adalah warganegara Indonesia, diikuti oleh Filipina (14.1%), Myanmar (13.9%), Bangladesh (3.6%), Thailand (2.8%) dan negara-negara lain sebanyak 5.4%.

Pelaksanaan hukuman sebat ini sebagai satu *deterrent* yang akan dapat mengurangkan jumlah pesalah yang disabitkan kesalahan di bawah akta ini.

SULIT

NO SOALAN : 111

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG
JEE KEEN
(SELAYANG)**

**TARIKH : 16 JUN 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah bahan dan alat pertahanan yang dibuat di Malaysia dan mengapa selepas 52 tahun merdeka, negara kita tidak mempunyai kebolehan untuk membuat senjata, peluru dan lain-lain dan adakah Kementerian mempunyai satu dasar untuk menggalakkan industri pertahanan tempatan.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan Malaysia dalam bidang industri pertahanan bermula sejak tahun 1970an dan negara kita telah berjaya meningkatkan keupayaan dalam pelbagai bidang industri pertahanan termasuk di dalam sektor pembuatan, penyenggaraan, baik pulih, fabrikasi dan pemasangan komponen.

Mengenai kemampuan negara menghasilkan bahan dan peralatan pertahanan sendiri, pada masa ini syarikat industri pertahanan tempatan mempunyai keupayaan dalam pengeluaran bahan letupan jenis kaliber kecil, sederhana dan besar bagi kegunaan artileri dan bom-bom pesawat udara serta mempunyai kemahiran dalam pengeluaran produk pyroteknik, dakwat, fius bom tangan dan baik pulih pelbagai jenis bom. Syarikat industri pertahanan berpotensi untuk mengeluarkan semua jenis senjata laras kecil dan sederhana (*small and medium caliber*) dan terlibat dalam pengeluaran senjata Steyr, Tactical Machine Pistol (TMP) dan pistol.

Aspirasi Kerajaan untuk membangunkan industri pertahanan tempatan termaktub dalam Dasar Pertahanan Negara. Keupayaan berdikari merupakan teras pembangunan

SULIT

industri pertahanan negara. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melahirkan industri pertahanan yang berkeupayaan tinggi dalam bidang persenjataan dan pembaikpulihan. Ini adalah bagi tujuan mengurangkan pergantungan negara terhadap pembekal luar negara.

Namun Kerajaan tidak menafikan kekangan yang dihadapi dalam membangunkan industri pertahanan tempatan terutamanya dari segi untuk membina teknologi, pelaburan yang tinggi, spesifikasi yang rigid, pasaran yang terhad dan persaingan yang tinggi dengan negara-negara berteknologi tinggi. Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk membina industri pertahanan tempatan yang maju dan mempunyai keupayaan berdikari.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

NO: 112

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)
TARIKH : 16.06.2009
NO. SOALAN : 112

TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan:-

- (a) apakah rasional Kerajaan memansuhkan minyak jenis RON92 dan kenaikan harga sebanyak 20 sen bagi RON97 dan mengapa harga tidak boleh setaraf dengan RON92; dan
- (b) senaraikan jenis kenderaan yang tidak sesuai untuk mengguna minyak jenis RON95.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

- a) Terdapat dua pertimbangan utama Kerajaan memansuhkan petrol RON92 menggantikan RON95 dan menjadikan RON97 sebagai produk premium iaitu :-

i) Kebanyakan kenderaan di negara ini mampu mengekalkan prestasi enjin walaupun menggunakan RON95 memandangkan keperluan sebenar kebanyakan enjin kenderaan adalah RON91 dan ke atas. Ini bermakna penggunaan RON97 adalah satu pembaziran memandangkan ianya melebihi daripada keperluan sebenar. Malahan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun menggunakan RON yang lebih rendah daripada RON97.

ii) Pada masa ini harga runcit RON92 dan RON97 disubsidi oleh Kerajaan di mana kadar subsidi RON92 adalah lebih rendah berbanding RON97. Persepsi pengguna yang menganggap RON92 tidak sesuai bagi kenderaan mereka menyebabkan pengguna lebih cenderung menggunakan RON97. Memandangkan jumlah jualan RON97 adalah 90% daripada keseluruhan jumlah jualan runcit petrol, ini bermakna subsidi yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan menjadi lebih tinggi.

Dengan pengenalan RON95, Kerajaan akan menjadikan RON97 sebagai produk premium yang mana cukai akan dikenakan pada setiap masa dan harga produk tersebut ditetapkan sekurang-kurangnya 25 sen lebih tinggi daripada RON95. Langkah ini dilaksanakan bertujuan agar hanya satu produk petrol sahaja disubsidi oleh Kerajaan. Pendapatan yang diperolehi daripada penjualan RON97 boleh digunakan bagi menampung subsidi RON95.

Harga RON95 tidak boleh disamakan dengan RON92 kerana kos bagi kedua-dua produk ini adalah berbeza di mana kos produk RON95 adalah lebih tinggi.

b) Berdasarkan kepada maklumbalas daripada *Malaysia Automotif Association* (MAA), kebanyakan jenis kenderaan di negara ini boleh menggunakan RON95. Ini kerana spesifikasi minima bagi kebanyakan enjin kenderaan adalah RON91 dan ke atas. Pengguna boleh merujuk kepada nasihat Pengilang Kelengkapan Asal (OEM) yang tertera di buku panduan kenderaan atau semak pada belakang penutup tangki gas untuk mengetahui kadar oktana yang disyorkan untuk kenderaan mereka.

PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]**
- TARIKH** : **Selasa, 16 Jun 2009**
- SOALAN [113]** : **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta Menteri Luar Negeri menyatakan:**
- (a) sama ada kekosongan jawatan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat telah diisi; dan
 - (b) sekiranya jawatan itu baru sahaja diisi, apakah alasannya pihak Kerajaan menunggu hampir setahun dan jika belum lagi diisi, apakah alasannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Marang (Selasa, 16 Jun 2009), Y.B. Jelutung (Rabu, 17 Jun 2009) dan Y.B. Ipoh Timur (Selasa, 30 Jun 2009) secara serentak kerana didapati soalan-soalan yang diutarakan Yang Berhormat – Yang Berhormat berkenaan adalah berkisar mengenai perkara yang sama dan saling berhubung kait.

Tuan Yang Dipertua dan Yang Berhormat – Yang Berhormat Ahli Dewan,

Perlantikan seseorang Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke seberang laut kadang kala mengambil masa yang agak panjang kerana perlu melalui beberapa proses yang melibatkan Jabatan-Jabatan Kerajaan. Selepas proses ini sempurna, calon-calon ini kemudiannya akan dikemukakan kepada negara tuan rumah untuk mendapatkan persetujuan sebelum perlantikan secara rasmi dapat dilaksanakan.

Seseorang calon yang dilantik sebagai Ketua Perwakilan Malaysia yang bertaraf Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi dari kalangan '*career diplomats*' (dengan izin) haruslah terdiri daripada penjawat awam kanan yang memiliki '*merits*' dari segi pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa.

Seseorang calon Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi yang bakal dilantik adalah merupakan penjawat awam yang telah berkhidmat di Sektor Luar Negeri bagi tempoh sekurang-kurangnya 20 tahun dan telah berkhidmat dengan cemerlang. Penjawat-penjawat awam berkenaan merupakan mereka yang telah menjalani pelbagai pendedahan dan latihan yang berterusan di dalam dan di luar negara.

Dalam keadaan tertentu, Kerajaan juga melantik secara '*political appointment*' (dengan izin) Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi yang terdiri dari kalangan ahli politik, ahli perniagaan, bekas pegawai tinggi Kerajaan atau personaliti tertentu yang difikirkan mempunyai kepakaran yang khusus dan mampu meningkatkan hubungan dua hala dan diplomasi di antara Malaysia dengan negara sahabat.

Sebagai sebuah Kementerian yang menguruskan dan menentukan hala tuju hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara asing, Wisma Putra perlu meletakkan Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi yang berkeelayakan terutamanya di negara-negara strategik seperti United Kingdom, Jepun, China, Arab Saudi dan Amerika Syarikat. Sehubungan ini, sama ada seseorang bakal Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi itu adalah dari kalangan diplomat profesional (*career diplomat*, dengan izin) atau lantikan politik bukanlah isu utama sebaliknya Kerajaan lebih menekankan aspek merit calon-calon yang layak.

Seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia masih lagi belum mengisi kekosongan jawatan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat apabila bekas Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat yang terdahulu menamatkan perkhidmatannya pada 20 Jun 2008. Namun begitu, ini tidak bermakna Kerajaan tidak memandang serius dalam menempatkan seseorang Duta Besar yang baru ke negara berkenaan apatah lagi apabila negara-negara asing yang lain berlumba-lumba memperkukuhkan hubungan dua hala masing-masing dengan kepimpinan baru Amerika Syarikat.

Selain itu, tahun 2008 merupakan tahun pemilihan presiden baru Amerika Syarikat yang menyaksikan seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pilihanraya negara tersebut. Perubahan besar-besaran pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat selepas pilihanraya sedikit sebanyak memberi kesan kepada proses pencalonan. Oleh yang demikian, adalah wajar pemilihan calon dan urusan pencalonan bakal Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat perlu dibuat secara lebih berhati-hati dan teliti supaya beliau merupakan personaliti yang dapat diterima baik oleh pentadbiran baru Amerika Syarikat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]**

TARIKH : 16 Jun 2009

SOALAN:

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai elaun, bayaran serta faedah-faedah lain yang diterima oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Penasihat Pembangunan Koridor Negara, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Malaysia Airlines (MAS).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B, sebagai Penasihat Pembangunan Koridor Negara, YABhg. Tun Abdullah akan dibayar elaun bulanan serta kemudahan-kemudahan lain seperti elaun hotel, perjalanan dan sebagainya semasa menjalankan tugas-tugas rasmi. Kemudahan-kemudahan ini adalah tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam Ketentuan Elaun Dan Keistimewaan-Keistimewaan Bagi Bekas Perdana Menteri seperti dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan), 1980 (AKTA 237). Buat masa ini, terma elaun dan kemudahan berkenaan belum dimuktamadkan lagi.

Penasihat kepada Malaysia Airlines (MAS), akan dibayar elaun bulanan sebanyak RM12,500 sebulan dan kemudahan perjalanan percuma sebanyak empat kali setahun dalam dan luar negara. Kemudahan diskaun sehingga 90% juga turut diberikan untuk ke mana-mana destinasi pilihan sebanyak empat kali setahun.

Sehingga kini Kerajaan tiada sebarang cadangan untuk melantik Penasihat bagi Penasihat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KUALA LANGAT]**

TARIKH : 16 JUN 2009

RUJUKAN : 1771

SOALAN :

TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah terdapat
unsur-unsur buli dan paksaan terhadap orang yang disyaki yang
menyebabkan kecederaan bagi mendapatkan maklumat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis sama sekali tidak membenarkan mana-mana anggota polis yang menjalankan siasatan menyeksa atau membuli suspek untuk mendapatkan maklumat. Arahan Ketua Polis Negara Bil. 47 (Keselamatan Orang Tahanan Semasa Soal Siasat) dan Arahan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bil. 02/2009 adalah jelas menyatakan bahawa sebarang bentuk kekerasan fizikal tidak boleh digunakan ke atas suspek untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis mengambil tindakan yang proaktif dengan memberikan latihan kepada anggota yang terlibat dengan siasatan supaya mereka mampu mendapatkan maklumat daripada suspek melalui pendekatan psikologi. Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana anggota yang didapati menggunakan kekerasan fizikal ke atas suspek. Mana-mana anggota yang didapati terlibat menggunakan kekerasan akan dikenakan tindakan yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB
(MARAN)**

TARIKH : 16.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah kemalangan yang melibatkan pelajar-pelajar semasa mereka berada di sekolah sejak tahun 2005 dan apakah langkah-langkah bersepadu Kerajaan dalam menangani isu-isu ini termasuk melibatkan ibu bapa dan masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memberi jaminan bahawa keselamatan murid adalah terjamin di sekolah kerana ia merupakan isu yang sentiasa diberi perhatian utama. Selain daripada peranan pentadbir, lembaga disipilin sekolah serta guru-guru, sekolah juga disediakan khidmat pengawal keselamatan. Di samping itu, pihak sekolah juga akan sentiasa mendapat kerjasama daripada pihak Polis DiRaja Malaysia yang berhampiran. Sebarang bentuk ancaman keselamatan kepada murid atau guru akan diambil tindakan sewajarnya. Namun, semasa mereka berada di luar sekolah, kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi menjamin keselamatan mereka.

Isu yang berkaitan dengan keselamatan murid juga merupakan isu yang tidak boleh kita kompromi, seperti isu disiplin juga yang memerlukan tindakan secara

holistik. Jumlah kes kemalangan yang direkodkan oleh KPM melibatkan pelajar-pelajar semasa mereka berada di sekolah sejak tahun 2005 adalah seperti berikut;

TAHUN	2005	2006	2007	2008
BIL. KES	510	675	627	170

Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh KPM pada tahun 2008, hanya 12 peratus (12%) sahaja berlaku dalam sekolah. Risiko ancaman keselamatan murid banyak berlaku ketika perjalanan pergi dan balik sekolah di mana pada tahun 2008, **27.9 peratus murid kita menggunakan bas sekolah, 18.5 peratus berjalan kaki, 10.5 peratus berbasikal, 3.8 peratus menonggang motosikal** dan selain daripada itu dihantar oleh ibu bapa/penjaga.

Selaras dengan perkembangan isu-isu keselamatan yang melibatkan murid, KPM menyedari adalah perlu untuk menyemak semula konsep keselamatan murid di sekolah bagi memenuhi keperluan keselamatan masa kini dan akan datang. KPM mengharapkan murid-murid serta warga sekolah akan sentiasa berasa selamat seterusnya dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti-aktiviti lain di sekolah. Melalui semakan tersebut, KPM telah merancang agar dibuat satu **PIAWAIAN KESELAMATAN** kepada setiap sekolah yang menekankan usaha menghayati dan mengamalkan budaya keselamatan di sekolah dan persekitarannya secara berterusan melibatkan ibu bapa, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta masyarakat setempat. Instrumen **Piawaian Keselamatan Sekolah** akan digunakan oleh sekolah dalam membuat penarafan sendiri berkaitan keselamatan sekolah masing-masing. Matlamat akhir kita adalah agar ada **satu standard penarafan keselamatan** untuk semua sekolah. Lima aspek keselamatan murid yang dipiawaikan merangkumi;

1. Pengurusan keselamatan aktiviti murid,
2. Pengurusan keselamatan infrastruktur sekolah,
3. Pengurusan keselamatan dalam menangani gejala sosial,
4. Pengurusan keselamatan dalam menghadapi krisis dan bencana, dan
5. Pengurusan keselamatan dalam menghadapi risiko ancaman.

Pada tahun 2008 hingga 2009, KPM sedang merintis Piawaian Keselamatan Sekolah di 642 buah sekolah melibatkan sejumlah 321 buah sekolah rendah dan 321 buah sekolah menengah seluruh negara. Hasil rintis ini akan diperolehi menjelang penghujung tahun 2009 dan sekiranya mencapai objektif keselamatan KPM, maka ia akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2010. Sekolah yang selamat hanya akan wujud setelah setiap warganya mempunyai kesedaran serta penghayatan dan seterusnya dapat membudayakan amalan keselamatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)
TARIKH : 16.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi elaun pakaian seragam kepada pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan (guru) dalam usaha memperkasakan aktiviti ko kurikulum badan beruniform di peringkat sekolah, PPD, jabatan dan Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, tiada peruntukan khas dalam bentuk elaun atau insentif yang diberikan kepada guru-guru yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti kokurikulum bagi pasukan beruniform di sekolah termasuklah cadangan untuk menyediakan peruntukan bagi elaun pakaian seragam kepada guru dan pegawai yang terlibat dengan kokurikulum.

Namun demikian, Kerajaan telah meluluskan Bayaran Insentif Jurulatih Sukan (BIJS) kepada jurulatih di bawah Program Bakat Muda di Pusat Kecemerlangan Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia mulai 1 Januari 2008. Kadar bayaran yang diberikan adalah mengikut tahap kemahiran jurulatih iaitu Tahap 1 sebanyak RM225.00, Tahap 2 sebanyak RM300.00 dan Tahap 3 sebanyak

RM375.00 yang layak dibayar kepada guru-guru yang telah memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

Rjm 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
TARIKH : 16 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria-kriteria ekonomi bagi Desaru di Johor Timur dipilih sebagai tapak jambatan ketiga antara Malaysia dan Singapura. Adakah ia lebih berkesan daripada 'The Crooked Bridge' gagasan Tun Dr. Mahathir, dan apakah ia bertujuan untuk memakmurkan lagi Changi sebagai satu 'logistics & communication hub' di dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan satu lagi soalan mengenai perkara yang sama bagi Koridor Iskandar Malaysia ini iaitu:

- i. soalan oleh **Y.B. Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam]** pada 18 Jun 2009;

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif cadangan pembinaan sebuah jambatan baru bagi menghubungkan bahagian timur Johor dengan timur Singapura untuk melancarkan lagi pergerakan orang ramai, barangan dan perkhidmatan antara kedua-dua negara. Buat masa ini, satu kajian kemungkinan dan *viability* bagi cadangan pembinaan tersebut akan dibuat oleh Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan yang tepat dan berkesan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pembinaan jambatan ketiga ini tidak dilihat sebagai bertujuan untuk memakmurkan lagi Changi, bahkan sebaliknya ianya dijangka dapat membantu meningkatkan sosioekonomi dan sektor pelancongan negara khususnya di Johor.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : NO.120

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian membantu keluarga yang mempunyai anak-anak di institusi pendidikan tinggi kerana pendidikan pengajian tinggi masa kini menjadi semakin mahal dengan penambahan kos sara hidup yang semakin meningkat. Adakah Kerajaan bercadang supaya ibu bapa wajib mencarumkan sebahagian dari pendapatan mereka ke dalam tabung pendidikan supaya dapat mengurangkan kebergantungan anak-anak mereka kepada pinjaman PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang menyedari kos pengajian tinggi semakin meningkat setiap tahun, khususnya kos sara hidup dan yuran pengajian. Antara usaha yang dilakukan untuk mengurangkan pergantungan kepada pembiayaan pendidikan PTPTN ialah melalui pelaksanaan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang diwujudkan pada 6 Ogos 2004 bagi membolehkan ibu

bapa membuat penabungan untuk pendidikan tinggi anak-anak mereka. SSPN ini menawarkan beberapa keistimewaan kepada pendeposit seperti:

- i. pemberian insentif kewangan dalam bentuk geran sepadan (*matching grant*) kepada pendeposit yang berpendapatan keluarga di bawah RM2,000 sebulan;
- ii. perlindungan insurans/takaful percuma kepada pendeposit yang mempunyai jumlah simpanan tidak kurang dari RM1,000;
- iii. simpanan SSPN dijamin oleh Kerajaan; dan
- iv. dividen tahunan yang dikecualikan cukai pendapatan.

Sungguhpun demikian, sambutan untuk SSPN kurang menggalakkan di mana hanya sejumlah 54,709 akaun dibuka dan sejumlah RM15.6 juta dikumpulkan untuk tempoh 6 Ogos 2004 hingga 30 September 2006. Kerajaan telah memperkenalkan strategi tambahan mulai tahun 2007 untuk meningkatkan simpanan dalam SSPN seperti berikut:

- i. insentif pengecualian cukai sebanyak RM3,000 setahun mulai taksiran tahun 2007; dan
- ii. kewajipan simpanan minima RM20 dalam akaun SSPN dibuat oleh ibu bapa sebelum anak-anak mereka layak memohon pembiayaan pendidikan PTPTN.

Susulan daripada strategi tambahan ini, sejumlah 604,748 akaun baru telah dibuka dengan jumlah simpanan sebanyak RM178.6 juta bagi tempoh 2007 hingga 2008.

SOALAN NO: ~~17~~
121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 16 JUN 2009
RUJUKAN : 1766

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kegiatan mat rempit (samseng jalanan) yang merupakan gejala baru yang melanda masyarakat, apakah rancangan jangka panjang dan pendek Kementerian untuk mengatasinya supaya ianya tidak menular.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius perkara ini dan telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan panjang bagi menangani gejala rempit (samseng jalanan).

Bagi pelan tindakan jangka pendek, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya Cawangan Trafik telah mengadakan operasi-operasi Lumba Haram secara besar-besaran dan berterusan di seluruh negara. Hasil daripada 1,465 operasi yang diadakan, seramai 113 orang samseng jalanan telah ditangkap dan 33 orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah.

Pihak polis juga telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung aktiviti lumba haram dan samseng jalanan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertujuan untuk menangani isu ini secara bersepadu dan menyeluruh. Jawatankuasa Bersama berkenaan akan menumpukan kepada aspek-aspek berikut:-

- (i) Pindaan dan penambahbaikan perundangan yang sedia ada;
- (ii) Pelan tindakan penguatkuasaan dan operasi;
- (iii) Pemulihan dan kaunseling;
- (iv) Pelaksanaan program dan aktiviti bagi golongan sasaran (belia dan remaja); dan
- (v) Kesedaran awam.

Ingin saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat tidak kira daripada pihak pembangkang atau penyokong Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia supaya bersama-sama membantu Kerajaan di dalam usaha membendung gejala lumba haram dan 'samseng jalanan' dari terus bermaharajalela.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 16 JUN 2009

RUJUKAN : 1773

SOALAN:

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan gejala Mat Rempit sedang berleluasa dan mengganas sekarang. Apakah langkah yang berkesan untuk mencegah gejala ini daripada menular dan berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius perkara ini dan telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan panjang bagi menangani gejala rempit (samseng jalanan).

Bagi pelan tindakan jangka pendek, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya Cawangan Trafik telah mengadakan operasi-operasi Lumba Haram secara besar-besaran dan berterusan di seluruh negara. Hasil daripada 1,465 operasi yang diadakan, seramai 113 orang samseng jalanan telah ditangkap dan 33 orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah.

Pihak polis juga telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung aktiviti lumba haram dan samseng jalanan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertujuan untuk menangani isu ini secara bersepadu dan menyeluruh. Jawatankuasa Bersama berkenaan akan menumpukan kepada aspek-aspek berikut:-

- (i) Pindaan dan penambahbaikan perundangan yang sedia ada;
- (ii) Pelan tindakan penguatkuasaan dan operasi;
- (iii) Pemulihan dan kaunseling;
- (iv) Pelaksanaan program dan aktiviti bagi golongan sasaran (belia dan remaja); dan
- (v) Kesedaran awam.

Ingin saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat tidak kira daripada pihak pembangkang atau penyokong Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia supaya bersama-sama membantu Kerajaan di dalam usaha membendung gejala lumba haram dan 'samseng jalanan' dari terus bermaharajalela.

SOALAN NO: 123

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 16 JUN 2009
RUJUKAN : 1774

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada ianya salah dari segi undang-undang untuk menyangkan kepada orang ramai rakaman insiden yang berlaku pada 7/5/2009 dalam Dewan Undangan Negeri Perak. Kalau tidak, apakah tindakan yang telah diambil terhadap anggota polis yang telah melarang tayangan rakaman tersebut di Majlis Makan Malam DAP di Setiawan pada 9/5/2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat sendiri bertarikh 16 dan 17 Jun 2009 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Seksyen 27 (2) Akta Polis 1967 dengan secara jelas memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang berniat mengadakan perhimpunan di mana-mana tempat awam hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan kepada Ketua Polis Daerah bagi mendapatkan permit untuk berhimpun dan Ketua Polis Daerah boleh mengenakan syarat-syarat yang tertentu ke atas permit yang dikeluarkan.

Tuan Yang Dipertua,

Majlis makan malam dan ceramah yang dianjurkan oleh DAP pada 9 Mei 2009 memerlukan permit memandangkan majlis tersebut dibuat secara terbuka untuk penyertaan orang ramai. Di dalam syarat permit yang dikeluarkan, Ketua Polis Daerah Manjung telah menetapkan syarat bahawa sebarang penayangan video berhubung insiden pembukaan DUN Perak adalah tidak dibenarkan. Syarat tersebut adalah dibuat berdasarkan kepada Seksyen 27 Akta Polis 1967 dan bukan dibuat secara pilih bulu atau *double standard* sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Ketua Polis Daerah mestilah berpuas hati bahawa perhimpunan yang akan diadakan tidak prejudis kepada keselamatan negara dan tidak menjejaskan ketenteraman awam sekiranya diadakan. Sehubungan dengan itu, tindakan pihak penganjur menayangkan rakaman video tersebut adalah jelas melanggar syarat permit dan boleh diambil tindakan.

Tuan yang Dipertua,

Keadaan ini berbeza dengan majlis makan malam anjuran MCA di Ipoh di mana majlis tersebut tidak memerlukan permit kerana diadakan secara tertutup dan hanya dihadiri oleh ahli-ahli MCA sahaja. Oleh yang demikian, penayangan video insiden DUN Perak sewaktu majlis makan malam MCA tidak menimbulkan ancaman disebabkan oleh majlis tersebut tidak dihadiri oleh orang luar selain daripada ahli MCA.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan kes pengedaran DVD insiden DUN Perak oleh ADUN Kawasan Tebing Tinggi, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 6(2)(a) Akta Penapisan Filem 2002 Atas kerana mengedar DVD/VCD tanpa Perakuan B dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM5,000.00 dan tidak lebih daripada RM30,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis tidak menerima apa-apa laporan terhadap ADUN Chenderiang mengenai kes ini. Sehubungan dengan itu, tiada siasatan dibuat terhadap beliau.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]
TARIKH : 16 JUN 2009
RUJUKAN : 1775

SOALAN :

PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah anggota keselamatan serta perbelanjaan keselamatan yang telah digunakan bagi pilihanraya kecil DUN N.12 Penanti pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah anggota polis yang ditugaskan semasa pilihanraya kecil DUN N.12 Penanti adalah seramai 1,751 orang yang terdiri daripada semua jabatan/cawangan dalam PDRM seperti Cawangan Khas, Jabatan Siatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan Siatan Jenayah Komersial, Pasukan Simpanan Persekutuan, Trafik, Unit Udara dan Tugas Am. Di antara bentuk penugasan yang dilaksanakan adalah meliputi penugasan di bawah keperluan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), kawalan keselamatan orang ramai, kawalan lalulintas dan rondaan berkala. Anggaran jumlah perbelanjaan PDRM bagi penugasan operasi pilihan raya kecil ini ialah sebanyak RM6,493,480.

Tuan Yang Dipertua,

Hasil daripada kawalan keselamatan yang dijalankan oleh pihak polis serta kerjasama yang baik daripada orang ramai, tiada sebarang kes rusuhan atau kejadian yang tidak diingini berlaku sepanjang pilihanraya kecil berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]
TARIKH : 16 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Mohd Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan prosedur serta etika pemeriksaan ke atas pesakit berlainan jantina dengan doktor.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada Amalan Perubatan Yang Baik (*Good Medical Practice*) yang diterbitkan oleh Majlis Perubatan Malaysia, di bawah Perenggan 3.3 Pengiring, dinyatakan bahawa "Doktor mestilah sentiasa memeriksa pesakitnya sama ada lelaki atau wanita atau kanak-kanak dengan kehadiran seorang pengiring (*chaperon*) bersama di dalam bilik rundingcara yang mempunyai hubungan visual dan oral sepanjang pemeriksaan berlangsung".

Selaras dengan tata cara tersebut, adalah menjadi amalan di mana seorang pengiring yang merupakan Jurarawat/Pembantu Perawat Kesihatan di hospital/klinik akan bertindak mengiringi doktor semasa merawat pesakit. Amalan ini sememangnya amat ditekankan apabila pesakit dan doktor terdiri daripada mereka yang berlainan jantina.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED
SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH : 16 JUN 2009

RUJUKAN : 1778

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat meminda Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 bagi memberi keadilan dan mengelakkan daripada menganiya pasangan suami/isteri yang seorang daripadanya kemudian memeluk Islam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Krau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian buat masa ini tidak berhasrat untuk meminda Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Ini disebabkan peruntukan di bawah Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 didapati tidak mengandungi unsur-unsur *gender bias*, **dengan izin**, kerana apabila salah seorang suami atau isteri memeluk Islam, pasangan satu lagi yang tidak memeluk Islam boleh mengemukakan petisyen perceraian di mahkamah sivil selepas tempoh tiga bulan dari tarikh pasangannya itu memeluk Islam. Maka petisyen mahkamah itu boleh dikemukakan oleh suami atau isteri yang tidak memeluk Islam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)
TARIKH : 16.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai tapak Sekolah Baru Batu 8 yang sedang di bina dan di jangka siap dalam masa terdekat ini yang dapat didapati tidak selamat kerana berada di atas lorong (laluhan) air bawah tanah. Apakah tindakan Kementerian untuk atasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan siasatan yang diterima oleh Kementerian Pelajaran, masalah sebenar yang berlaku di Sekolah Kebangsaan Batu 8, Sik, bukanlah disebabkan oleh masalah air bawah tanah. Masalah yang berlaku adalah disebabkan oleh laluan air selepas hujan mengalir ke tanah penduduk setempat berikutan daripada kerja-kerja bagi membina kolam takungan air (*detention pond*) masih belum siap pada masa itu. Justeru, pihak kontraktor yang dilantik telah mempercepatkan kerja membina kolam takungan air (*detention pond*) dan kerja-kerja tersebut telah disiapkan pada 4 Mei 2009 yang lalu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
TARIKH : 16 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : NO.128

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang tahap keseragaman pembayaran bidang-bidang kursus dan mata pelajaran yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi Awam di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah diberi autonomi untuk menentukan sendiri kadar yuran pengajian bagi kursus yang ditawarkan. Namun demikian, Majlis Dekan-Dekan IPTA akan sentiasa menyelaraskan kadar yuran di antara setiap fakulti pengajian di IPTA agar julat perbezaan yuran yang dikenakan di sesebuah IPTA tidak terlalu besar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA
MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED
[TUARAN]

TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2009 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 129

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan sebab sebenar masalah gangguan tenaga elektrik di Sabah dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang oleh Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Antara punca utama yang menyumbang kepada masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah ialah tahap simpanan elektrik atau *reserve margin* yang rendah. Ini adalah disebabkan sebahagian besar daripada elektrik yang dibekalkan adalah daripada loji-loji jana kuasa diesel yang telah berusia serta kurang berdaya harap. Dengan mengambil kira kemampuan sebenar stesen-stesen penjanaan ini, pada hakikatnya, tahap simpanan elektrik Sabah hanya berada di

bawah paras 10% sedangkan tahap simpanan yang diperlukan bagi memastikan pembekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap di Sabah adalah ditetapkan pada tahap 25%.

Langkah-langkah untuk mengatasi gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah adalah meliputi keseluruhan aspek pembekalan elektrik iaitu penjanaan, penghantaran dan pembahagian. Kerajaan Persekutuan dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah menggariskan langkah-langkah jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi memenuhi keperluan bekalan elektrik yang berdaya harap di Sabah. Antara langkah jangka pendek yang diambil ialah:

- (i) Meluluskan peruntukan untuk membeli set-set generator yang bertindak sebagai *standby* sekiranya operasi stesen dihentikan bagi penyelenggaraan;
- (ii) Membaik pulih beberapa stesen janakuasa yang bermasalah untuk meningkatkan kapasiti penjanaan dalam jangka masa pendek; dan
- (iii) Meningkatkan kerja senggaraan rutin berjadual.

Bagi langkah jangka sederhana dan jangka panjang pula, tumpuan diberikan untuk meningkatkan kapasiti penjanaan dengan membina loji-loji jana kuasa baru bagi menggantikan loji-loji jana kuasa diesel yang telah uzur dan tidak lagi berdaya harap. Projek-projek loji jana kuasa baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Projek Loji Jana Kuasa Berasaskan Gas Berkapasiti 190MW di Kota Kinabalu Industrial Park oleh Ranhill Powertron II yang dijangka mula beroperasi pada awal 2010;
- (ii) Projek Loji Jana Kuasa Berasaskan Gas Berkapasiti 100MW di Kimanis oleh SPR Energy (M) Sdn. Bhd. yang dijangka siap pada tahun 2012;
- (iii) Projek Loji Jana Kuasa Berasaskan Gas Berkapasiti 300MW di Kimanis oleh PETRONAS dan Yayasan Sabah yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2012, 2013 dan 2014; dan
- (iv) Projek Loji Jana Kuasa Berasaskan Arang Batu Berkapasiti 300MW di Pantai Timur Sabah oleh Lahad Datu Energy yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2014 dan 2015;

dipersetujui. Sebelum kontrak itu ditamatkan, Bank Islam telah membuat pembayaran berperingkat kepada syarikat Temenos sebanyak RM19.8 juta. Namun, Bank Islam akan menuntut ganti rugi daripada syarikat Temenos mengikut syarat seperti termaktub dalam kontrak tersebut.